

**PENERAPAN NILAI JERI DALAM NOVEL KOMSAS TERPILIH: SATU  
PENELITIAN TERHADAP ELEMEN PENDIDIKAN**

AUNI AQILAH BINTI AB RASHID


UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2024



Universiti Malaysia  
KELANTAN

**PENERAPAN NILAI JERI DALAM NOVEL KOMSAS TERPILIH: SATU  
PENELITIAN TERHADAP ELEMEN PENDIDIKAN**

Oleh

**AUNI AQILAH BINTI AB RASHID**

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |                |  |
|-------------------------------------|----------------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | <b>TERBUKA</b> | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SEKATAN</b> | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| Dari tarikh..... sehingga.....      |                |  |
| <input type="checkbox"/>            | <b>SULIT</b>   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | <b>TERHAD</b>  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



---

Tandatangan

No. Kad Pengenalan:

001227-11-0496

Auni Aqilah binti Ab Rashid

Tarikh: 26 Februari 2024



Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia:

Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman

Tarikh: 26 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

*Bismillahirrahmanirrahim.* Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT di atas segala limpah dan kurnia-Nya, yang Maha Bijaksana dan berkuasa ke atas sekalian alam. Segala puji-pujian dan selawat serta salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat-sahabatnya.

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurniaan-Nya, rahmat dan hidayah-Nya, penulisan tesis ini berjaya disiapkan dan disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih dirakamkan kepada pensyarah penyelia bagi *Projek Penyelidikan I* dan *Projek Penyelidikan II*, yang saya hormati, Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman, yang telah banyak membantu dalam memberikan tunjuk ajar, bimbingan, teguran, semangat serta nasihat dalam menjayakan kajian ini. Semoga setiap masa, tenaga, komitmen dan keprihatinan yang diluangkan mendapat ganjaran besar di sisi Allah SWT dan menjadi satu asbab kepada kejayaan beliau di dunia mahupun di akhirat. Terima kasih juga diucapkan kepada panel penilai, Dr. Mohd Firdaus bin Che Yaacob dan Dr. Nordiana binti Ab Jabar di atas teguran yang membina dan membantu dalam menambah baik penulisan tesis ini ke arah yang lebih bermanfaat.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada kedua ibu bapa yang tercinta iaitu abah, Ab Rashid bin Jusoh serta umi, Rokiah binti Musa, di atas setiap sokongan dan dorongan yang diselit juga dengan doa-doa yang tidak pernah terhingga sejak awal hingga akhir perjalanan dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga buat ahli keluarga lain yang tersayang, iaitu adik-beradik dan sanak saudara yang sentiasa memberikan sokongan moral, kata-kata semangat, doa, nasihat dan bantuan yang dihulurkan sepanjang menjalankan kajian ini. Jasa kalian tidak akan saya lupakan hingga ke akhir hayat.

Tidak dilupakan juga buat sahabat dan rakan-rakan seperjuangan, yang banyak membantu dalam menjayakan dan menyempurnakan penulisan tesis ini, kalian merupakan pemangkin semangat dalam menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, segulung ucapan terima kasih juga diucapkan buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan tesis ini, semoga kalian sentiasa mendapat rahmat dari-Nya, Amin.

Sekian, terima kasih.

Auni Aqilah binti Ab Rashid  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,  
Universiti Malaysia Kelantan,  
2024.

**ISI KANDUNGAN**

<b>PENGESAHAN TESIS</b>	I
<b>PENGHARGAAN</b>	II
<b>ISI KANDUNGAN</b>	III
<b>SENARAI RAJAH</b>	V
<b>ABSTRAK</b>	VII
<b><i>ABSTRACT</i></b>	VII
<b>BAB 1</b>	
<b>PENGENALAN</b>	1
<b>1.1 Pengenalan</b>	1
<b>1.2 Latar Belakang Kajian</b>	5
<b>1.3 Pernyataan Masalah</b>	6
<b>1.4 Persoalan Kajian</b>	7
<b>1.5 Objektif Kajian</b>	8
<b>1.6 Kepentingan Kajian</b>	8
<b>1.7 Batasan Kajian</b>	10
<b>1.8 Definisi, Istilah &amp; Konsep</b>	11
<b>1.8.1 Nilai</b>	11
<b>1.8.2 Moral</b>	12
<b>1.8.3 Pendidikan</b>	12
<b>1.9 Organisasi Kajian</b>	13
<b>1.9.1 Bab Satu</b>	13
<b>1.9.2 Bab Dua</b>	14
<b>1.9.3 Bab Tiga</b>	14
<b>1.9.4 Bab Empat</b>	14
<b>1.9.5 Bab Lima</b>	15
<b>1.10 Kesimpulan</b>	16
<b>BAB 2</b>	
<b>KAJIAN LITERATUR</b>	17
<b>2.1 Pengenalan</b>	17
<b>2.2 Pengkajian berkaitan Tokoh Pendidikan</b>	17
<b>2.3 Pengkajian berkaitan KOMSAS</b>	26

<b>2.4 Pengkajian berkaitan Teori</b>	<b>29</b>
<b>2.4.1 Pengkajian berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu</b>	<b>30</b>
<b>2.4.2 Pengkajian berkaitan Pendekatan Moral</b>	<b>31</b>
<b>2.5 Pengkajian KOMSAS dalam bidang lain</b>	<b>33</b>
<b>2.5.1 Teknologi</b>	<b>33</b>
<b>2.5.2 Konstruktivisme</b>	<b>34</b>
<b>2.5.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)</b>	<b>36</b>
<b>2.5.4 Pedagogi</b>	<b>37</b>
<b>2.6 Kesimpulan</b>	<b>39</b>
<b>BAB 3</b>	
<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>40</b>
<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>40</b>
<b>3.2 Reka Bentuk Kajian</b>	<b>40</b>
<b>3.3 Kaedah Kajian</b>	<b>42</b>
<b>3.3.1 Kaedah Kepustakaan</b>	<b>43</b>
<b>3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual</b>	<b>43</b>
<b>3.3.3 Sumber Internet</b>	<b>45</b>
<b>3.4 Teori Pengkaedahan Melayu</b>	<b>45</b>
<b>3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Pengkaedahan Melayu</b>	<b>48</b>
<b>3.4.2 Ciri-Ciri Pendekatan Moral</b>	<b>48</b>
<b>3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Pendekatan Moral</b>	<b>49</b>
<b>3.4.4 Pendekatan Moral</b>	<b>50</b>
<b>3.5 Kerangka Kajian</b>	<b>52</b>
<b>3.6 Kesimpulan</b>	<b>53</b>
<b>BAB 4</b>	
<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>54</b>
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>54</b>
<b>4.2 Unsur Pendidikan</b>	<b>56</b>
<b>4.2.1 Unsur pendidikan melalui konsep JERI</b>	<b>58</b>
<b>4.2.2 Konsep JERI</b>	<b>58</b>
<b>4.3 Jasmani</b>	<b>59</b>
<b>4.3.1 Kecergasan</b>	<b>60</b>
<b>4.3.2 Kecerdasan</b>	<b>64</b>
<b>4.4 Emosi</b>	<b>68</b>

<b>4.4.1 Pencirian Emosi Kasih Sayang</b>	<b>69</b>
<b>4.4.2 Pencirian Emosi Gembira</b>	<b>79</b>
<b>4.4.3 Pencirian Emosi Malu</b>	<b>84</b>
<b>4.4.4 Pencirian Emosi Marah</b>	<b>89</b>
<b>4.4.5 Pencirian Emosi Rasa Bersalah/Menyesal</b>	<b>95</b>
<b>4.4.6 Perincian Emosi Sedih</b>	<b>102</b>
<b>4.5 Rohani</b>	<b>107</b>
<b>4.5.1 Keagamaan</b>	<b>108</b>
<b>    4.5.1.1 Hubungan Manusia dengan Tuhan (حَبْلٌ مِّنَ اللَّهِ)</b>	<b>109</b>
<b>    4.5.1.2 Hubungan Manusia dengan Manusia (حَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ)</b>	<b>117</b>
<b>4.7 Intelek</b>	<b>119</b>
<b>BAB 5</b>	
<b>KESIMPULAN</b>	<b>124</b>
<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>124</b>
<b>5.2 Rumusan Kajian</b>	<b>124</b>
<b>5.3 Implikasi Kajian</b>	<b>128</b>
<b>5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian</b>	<b>129</b>
<b>    5.4.1 Pemerkasaan bengkel KOMSAS kreatif</b>	<b>129</b>
<b>    5.4.2 KOMSAS sebagai pembentukan nilai moral masyarakat</b>	<b>131</b>
<b>    5.4.3 Penglibatan dalam bidang penulisan atau penghasilan buku Bahasa Melayu</b>	<b>132</b>
<b>5.5 Kesimpulan</b>	<b>133</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>134</b>

### SENARAI RAJAH

<b>Rajah 3.1: Kaedah Analisis Tekstual</b>	<b>44</b>
<b>Rajah 3.2: Teori Pengkaedahan Melayu</b>	<b>47</b>
<b>Rajah 3.3: Kerangka Kajian</b>	<b>52</b>
<b>Rajah 4.1: Kerangka Analisis Bab 4</b>	<b>55</b>
<b>Rajah 4.2 Kerangka Penganalisisan Teori Bab 4</b>	<b>56</b>
<b>Rajah 4.3: Pengelasan Konsep JERI</b>	<b>59</b>

## Penerapan Nilai JERI dalam Novel KOMSAS Terpilih: Satu Penelitian Terhadap Elemen Pendidikan

### ABSTRAK

Pendidikan merangkumi kepada aspek pemikiran yang tertumpu kepada pembangunan kognitif seseorang individu. Perkara ini sememangnya bertautan dengan nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) yang telah diperkenalkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memberikan tumpuan terhadap aspek keseimbangan diri melalui pendidikan termasuklah melalui Komponen Sastera (KOMSAS). Dengan demikian, kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam mengenal pasti unsur pendidikan yang terdapat dalam KOMSAS melalui konsep JERI dan menganalisis penerapan nilai JERI dalam novel KOMSAS terpilih menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini berbentuk kualitatif yang merangkumi kepada kaedah analisis tekstual yang menekankan kepada analisis terperinci terhadap novel KOMSAS terpilih melalui pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dalam konteks pendekatan moral. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penerapan nilai JERI yang terdapat dalam kebanyakan novel KOMSAS terpilih sememangnya mempamerkan elemen pendidikan yang menekankan terhadap perkembangan individu. Konsep nilai JERI dan KOMSAS sememangnya mampu dalam melestarikan elemen pendidikan yang lebih ilmiah.

**Kata Kunci:** Pendidikan, Nilai JERI, KOMSAS, Elemen Pendidikan.

***The Inculcation of JERI Values in Selected KOMSAS Novels: A Research on Educational Elements***

***ABSTRACT***

*Education includes aspects of thinking that focus on the cognitive development of an individual. This matter is indeed linked to the Physical, Emotional, Spiritual and Intellectual (JERI) values that have been introduced by the National Education Philosophy (FPK) which focuses on aspects of self-balance through education including through the Literary Component (KOMSAS). Thus, this research was conducted with the aim of identifying the educational elements found in KOMSAS through the concept of JERI and analyzing the application of JERI values in selected KOMSAS novels using the theory of Malay Methodology. This research is a qualitative study that includes a textual analysis method that emphasizes a detailed analysis of selected KOMSAS novels through the application of the theory of Malay Methodology in the context of a moral approach. Overall, the findings of this research show that the application of JERI values found in most of the selected KOMSAS novels indeed exhibits educational elements that emphasize individual development. The value concept of JERI and KOMSAS is indeed able to preserve the more scientific elements of education.*

**Keywords:** Education, JERI Value, KOMSAS, Educational Elements.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu wadah yang penting dalam mempertingkatkan pembangunan masyarakat dan negara. Nilai-nilai yang ditelusuri melalui pendidikan tidak hanya membentuk pemikiran individu secara akademik, malah ia juga turut dinilai melalui aspek moral dan sosial. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Komponen Sastera (KOMSAS) menjadi salah satu medium yang efektif dalam menyampaikan elemen nilai kepada para pelajar. Salah satu nilai yang sering kali ditekankan adalah berdasarkan kepada nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) yang telah diperuntukkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam memastikan pencapaian objektif yang menekankan kepada perkembangan potensi individu dengan lebih menyeluruh dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek, yang didasari kepada kepatuhan dan kepercayaan kepada tuhan. Selain itu, nilai JERI juga merupakan usaha dalam melahirkan rakyat Malaysia yang berketerampilan, berakhhlak mulia serta berkeupayaan dalam menggapai kesejahteraan diri serta mampu dalam memberikan sumbangan terhadap keharmonian diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Penekanan nilai JERI dalam aspek pembangunan individu mampu dalam menerapkan nilai moral merentasi kurikulum (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Jadi, dapat dilihat bahawa, FPK sememangnya memberikan penekanan yang serius terhadap pembangunan holistik individu yang melibatkan aspek nilai JERI. Nilai-nilai ini dianggap penting dalam membentuk insan yang seimbang dan bertanggungjawab dalam masyarakat serta KOMSAS juga dilihat menjadi alat yang berkesan dalam menggambarkan serta menerapkan nilai-nilai ini kepada pelajar. Jelaslah, kajian ini bertujuan dalam meneliti kesinambungan terhadap penerapan nilai JERI melalui novel KOMSAS terpilih, serta penganalisisan mengenai setiap nilai tersebut dapat mempengaruhi pemahaman serta perkembangan pelajar dalam konteks pendidikan. Penekanan ini sememangnya akan memperlihatkan elemen-elemen pendidikan menelusuri proses naratif, watak dan konflik yang terdapat dalam novel KOMSAS. Pemahaman dalam konteks elemen pendidikan juga akan memberikan kefahaman terhadap aspek kesusasteraan yang dinilai sebagai komponen pendidikan berteraskan kepada pembangunan individu.

Kesusasteraan merupakan salah satu bidang ilmu kemanusiaan yang terunggul. Ianya merangkumi pelbagai unsur seperti teori dan falsafah, nilai-nilai pendidikan, gambaran berkaitan kehidupan serta nasihat atau kata hikmah untuk diteladani selain ianya bertujuan dalam memberikan hiburan secara ilmiah. Sastera dimaksudkan dengan buku dan huruf atau abjad. Hal ini dapat ditelusuri dengan pandangan Harun Mat Piah (2006), yang menyatakan kesusasteraan sebagai satu penghasilan sastera yang disampaikan melalui tulisan maupun pembacaan serta lisan dan pendengaran bertujuan dalam menikmati keindahan bahasa yang terkandung di dalamnya. Menurut Hashim Awang (1987) pula, kesusasteraan itu ialah satu ciptaan seni yang disampaikan melalui elemen bahasa. Tambahnya, sastera juga memiliki keindahan

yang tersendiri dari pelbagai aspek dan daya pengucapan serta makna setiap perkara itu. Konteks kesusasteraan sudah semestinya memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan. Ini dapat dilihat melalui mata pelajaran Bahasa Melayu yang merangkumi kepada KOMSAS.

KOMSAS merupakan salah satu cabang kepada kemenjadian pemikiran dalam aspek kesusasteraan. Pengaruh nilai JERI yang diterapkan dalam pengajaran KOMSAS mampu dalam melestarikan pendidikan sastera yang lebih ilmiah. Hal ini bersesuaian dengan objektif KOMSAS yang menekankan penghayatan nilai murni dalam pelbagai aspek selaras dengan nilai JERI yang sejagat. Perkaitan yang kuat antara bahasa dan sastera dapat dilihat menerusi perspektif yang holistik dan integral. Dunia pendidikan sastera sudah semestinya didasari dengan pelbagai persoalan dalam aspek kebahasaan. Dari situ, wujudnya KOMSAS dalam pengajaran Bahasa Melayu yang memenuhi setiap kelompongan tersebut. KOMSAS merupakan satu asas penting yang terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Ianya telah diperkenalkan secara berperingkat melalui mata pelajaran Bahasa Melayu di setiap sekolah menengah (SM) bermula pada tahun 2000 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). KOMSAS diuji melalui pelaksanaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2001. Pelaksanaan KOMSAS bukanlah suatu perkara yang baharu, tetapi ianya merupakan sebuah lanjutan daripada unsur sastera yang telah diperkenalkan pada tahun 1984 dalam pengkhususan mata pelajaran Bahasa Melayu. Terdapat teks antologi serta novel dalam pembelajaran KOMSAS. Melalui teks antologi, para pelajar dapat mempelajari lima genre berbeza iaitu puisi tradisional, puisi moden atau sajak, prosa tradisional, cerpen dan drama.

Penerapan nilai dalam penghayatan kepada elemen pendidikan mempunyai hubungan yang akrab dan ianya berkait rapat di antara keduanya. Berdasarkan kepada Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1980), pendidikan dikatakan sebagai satu cabang kepada prosedur dalam menerapkan adab serta nilai dalam diri seseorang individu itu. Hal ini membawa makna, pendidikan dapat menghasilkan individu yang cemerlang melalui penerapan adab dan nilai. Dapat dijelaskan bahawa, pendidikan dalam konteks penerapan nilai nampu dalam membentuk sahsiah insan yang seimbang dari segi nilai JERI. Penerapan nilai JERI dalam pengajaran KOMSAS merupakan elemen yang penting, bertujuan untuk memastikan kesepaduan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini sedikit sebanyak memberi bayangan mengenai bidang sastera yang merangkumi aspek bahasa serta keseluruhan perkara. Pengetahuan berkaitan penerapan nilai JERI dalam KOMSAS, membantu dalam menjadi asas dan komponen yang penting dalam pendidikan yang bersepadu.

Manu Sikana (2013) juga ada menyatakan bahawa KOMSAS memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan wadah pemikiran yang kreatif, pembentukan emosi dan estetika bahasa yang dapat melahirkan pelajar yang lebih intelek serta bebas mengekspresikan perasaan mereka sendiri. Hal ini dapat dibuktikan, karya sastera termasuklah teks-teks KOMSAS dapat menyentuh jiwa halus pelajar dengan kepelbagaiannya yang diperlihatkan seperti paparan realiti kehidupan dan sebagainya. Perkara ini juga dapat dilihat melalui pengaplikasian nilai-nilai terutamanya nilai JERI yang terdapat dalam teks KOMSAS. Tuntasnya, pendidikan sememangnya mampu dalam membentuk individu seseorang pelajar serta dapat membentuk keperibadian pelajar yang lebih baik bersesuaian dengan konteks nilai JERI yang banyak diterapkan dan diketengahkan dalam KOMSAS.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan dalam meneliti elemen pendidikan berdasarkan kepada penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) dalam novel Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih sebagai salah satu aspek penting dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini kerana, KOMSAS boleh dikategorikan sebagai suatu usaha baik yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengangkat bidang sastera ke arah yang lebih tinggi. Tajuk penyelidikan ini dipilih dan dikaji berdasarkan permasalahan yang ditinjau oleh pengkaji dalam konteks tersebut. Merujuk kepada hasil sorotan kajian lepas, kajian yang dijalankan dalam konteks KOMSAS tidak banyak dibincangkan serta aspek-aspek mengenai penerapan nilai JERI juga tidak banyak ditekankan dengan terperinci serta konteks kajian ini juga kurang dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas.

Kajian ini juga mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu melalui aspek pendekatan moral. Teori Pengkaedahan Melayu merupakan sebuah teori yang telah dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989 yang mendasari kepada keseluruhan aspek kehidupan seseorang individu. Teori ini mempunyai dua pecahan kepada pengkaedahan utama iaitu Pengkaedahan Alamiah serta Pengkaedahan Keagamaan. Setiap pengkaedahan tersebut turut dipecahkan kepada beberapa pendekatan yang merangkumi keseluruhan aspek teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan moral merangkumi pelbagai usaha atau perkara dalam menilai tahap seseorang individu bertingkah laku serta mendorong perkara tersebut ke arah yang baik atau sebaliknya. Dalam kajian ini, pengaplikasian pendekatan moral membantu pengkaji dalam menganalisis makna dan nilai yang terdapat dalam teks-teks KOMSAS. Pendekatan moral yang diketengahkan dalam kajian ini berfungsi sebagai satu usaha dalam

memahami makna serta konsep setiap nilai JERI yang telah diterapkan dalam teks KOMSAS melalui prinsip moral atau pemahaman terhadap sesuatu ayat.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, pendidikan sastera diibaratkan sebagai suatu bidang pendidikan yang tidak relevan oleh golongan masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui penulisan oleh Iqbal Hidayat Hamizul (2021) menerusi kenyataan Rem Dambul dan Mohamad Saleeh Rahamad dalam wacana ‘Sastera hanya untuk orang sastera: Sudah tidak relevan?’. Mereka menegaskan bahawa sastera semakin ditinggalkan kerana pengkastaan sastera yang dibuat. Pengkastaan dalam konteks ini merujuk kepada bidang yang dijadikan komponen khusus seperti aliran sains yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat. Hal ini menyebabkan, unsur sastera seperti Komponen Sastera (KOMSAS) juga diendahkan. Seharusnya, pendidikan sastera dipandang tinggi oleh setiap golongan masyarakat terutamanya pelajar kerana sastera dapat melahirkan individu yang ilmuan melalui kandungan ilmu serta nilai yang diperlihatkan dalam sesebuah karya. Kerelevanan sastera dalam aspek pendidikan sememangnya memainkan peranan penting dalam melestarikan konsep nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) melalui penghayatan individu, sekaligus akan melahirkan insan yang cemerlang.

Seterusnya, jika dilihat pada garis panduan terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam KOMSAS, ianya banyak memfokuskan kepada aspek sastera seperti tema, persoalan, nilai dan sebagainya melalui pembacaan novel, antologi dan teks KOMSAS. Perkara ini sememangnya amat membantu para pelajar untuk lebih memahami elemen KOMSAS yang tersendiri melalui pembacaan

serta dapat menerapkan nilai murni dalam diri mereka. Namun, masih ada segelintir individu yang menganggap KOMSAS sebagai satu subjek ‘tangkap muat’ dan ianya tidak wajar untuk disepadukan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi kenyataan Zarif Hassan (2013), yang menyatakan bahawa kehadiran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah tidak berfokus kepada haluan yang sepatutnya.

Tambahnya, mata pelajaran Bahasa Melayu mempunyai objektif, matlamat serta kerangka kokurikulum yang tersendiri dan perkara tersebut tidak bersesuaian dengan pendekatan formalistik yang diketengahkan dalam pembelajaran KOMSAS. Seharusnya, KOMSAS jelas dilihat sebagai satu unsur penting dalam sistem pembelajaran Bahasa Melayu melalui pemaparan elemen sastera serta perkaitan rapat di antara kedua elemen tersebut. Tambahan, kehadiran KOMSAS sebagai satu medium pembelajaran, sedikit sebanyak telah membantu memperkenalkan elemen sastera kepada pelajar serta memupuk nilai terutamanya nilai JERI yang mampu dalam memperkembangkan potensi serta pemikiran yang lebih holistik serta seimbang berdasarkan kepada setiap nilai tersebut.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan dalam merungkai persoalan tersebut:

1. Apakah unsur pendidikan yang terdapat dalam Komponen Sastera (KOMSAS) melalui konsep Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI)?
2. Sejauh manakah penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) dalam novel Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih menggunakan teori Pengkaedahan Melayu?

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan dalam mencapai objektif-objektif tersebut:

1. Mengenal pasti unsur pendidikan yang terdapat dalam Komponen Sastera (KOMSAS) melalui konsep Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI).
2. Menganalisis penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) dalam novel Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih menggunakan teori Pengkaedahan Melayu.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan sememangnya mendasari kepada kepentingannya terhadap beberapa perkara yang bertautan dengan setiap kajian tersebut. Berdasarkan kepada kajian ini, kefahaman mengenai nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) serta Komponen Sastera (KOMSAS) melalui penelitian terhadap elemen pendidikan dapat diperolehi dengan meluas dan lebih mendalam. Kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri dari segi pelbagai aspek terutamanya dalam aspek individu, masyarakat, kajian masa hadapan serta dalam konteks pelestarian elemen pendidikan. Jika dilihat dalam aspek individu, kajian ini mampu dalam menghasilkan perkembangan individu secara lebih menyeluruh dan komprehensif. Hal ini dapat ditelusuri dengan penganalisaan terhadap nilai JERI yang diterapkan dalam novel KOMSAS, berupaya dalam membantu mempergiatkan pemahaman terhadap peranan setiap nilai tersebut dalam pembangunan individu secara lebih menyeluruh. Ini kerana, ia bukan hanya merangkumi kepada elemen fizikal (jasmani), emosi dan rohani sahaja, namun ia juga merangkumi kepada elemen kognitif (intelek). Dengan pemerhatian serta penghayatan terhadap keempat aspek nilai

JERI tersebut, elemen pendidikan sememangnya memperlihatkan kemampuan dalam perkembangan seseorang individu secara menyeluruh dan seimbang.

Kepentingan kajian ini dalam aspek masyarakat pula dapat dilihat menerusi pembentukan masyarakat yang lebih bermoral. Perkara ini dapat ditelusuri dengan kesedaran yang lebih jelas dan terperinci mengenai pemahaman yang baik tentang konsep nilai JERI, sememangnya mampu dalam melahirkan masyarakat yang lebih beretika serta bertanggungjawab dalam setiap interaksi sosial kehidupan mereka. Hal ini sekaligus akan meningkatkan pembangunan kualiti hidup masyarakat yang lebih baik serta menyeluruh, didasari kepada penerapan nilai JERI dalam sesbuah kehidupan. Kesedaran terhadap kepentingan dalam mengekalkan keseimbangan di antara aspek nilai JERI mampu dalam mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan yang lebih besar. Oleh hal yang demikian juga, ia membantu dalam membentuk generasi akan datang yang lebih seimbang berdasarkan kepada konteks budaya dan moral. Penerapan nilai JERI melalui pengajaran di bangku sekolah berdasarkan kepada KOMSAS, sudah semestinya melahirkan generasi akan datang yang lebih mementingkan nilai dan berintegriti dalam konteks masyarakat.

Pendidikan membawa makna kepada suatu proses yang akan membentuk seseorang individu dari aspek sikap dan tingkahlaku. Ia juga meliputi aspek dalaman seperti akhlak, rohani, jasmani dan akal yang memperlihatkan seseorang individu itu. Berdasarkan kepada kajian ini, ia berupaya dalam meningkatkan literasi moral melalui elemen pendidikan. Perkara ini dapat ditelusuri dengan pemahaman serta penghayatan yang meluas terhadap nilai JERI yang terdapat dalam KOMSAS. Ia juga mampu dalam mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep moral dan etika yang relevan dalam kehidupan seharian. Hal ini sekaligus akan meningkatkan sistem pendidikan negara ke arah yang lebih ilmiah dan sistematik, berturut-turut dengan objektif yang ditekankan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kajian ini juga

berkepentingan dalam memenuhi setiap kelompongan dan menjadi salah satu bahan panduan terhadap kajian masa hadapan. Dengan demikian, jelaslah bahawa, kajian ini sememangnya memberikan implikasi yang agak signifikan dari aspek individu, masyarakat, kajian masa hadapan sekaligus mampu dalam meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia.

### **1.7 Batasan Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat batasan yang telah digariskan selaras dengan sasaran kajian yang dijalankan. Pertama, kajian ini terbatas dari aspek masa yang agak singkat. Hal ini dikatakan demikian kerana, limitasi masa yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam menjalankan beberapa peringkat atau bab dari kajian ini, hanyalah merangkumi kepada tiga hingga empat bulan sahaja iaitu masa bagi satu semester. Jadi, kajian ini tidak dapat dijalankan dengan lebih menyeluruh kerana kekangan masa yang singkat. Selain itu, kajian ini juga terhad kepada beberapa teks Komponen Sastera (KOMSAS) yang dipilih sahaja. Kira-kira lebih kurang lima buah teks KOMSAS yang dikaji dalam kajian ini. Teks KOMSAS tersebut juga dipilih berdasarkan zon yang telah ditetapkan iaitu pengkaji memilih Zon C bagi negeri Terengganu. Ia merangkumi kepada teks KOMSAS bertajuk *Formula Termodinamik* karya Obasiah Haji Usman, *Jejak Monpus* karya Zulaiha Paikon, *Chot* karya Azizi Haji Abdullah, *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin dan *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusof. Teks KOMSAS yang dipilih juga adalah berlandaskan kepada kajian yang dilakukan iaitu merangkumi kepada konsep penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI).

Selain itu, kaedah analisis kajian ini juga terbatas kepada penganalisisan teks novel KOMSAS terpilih sahaja yang didasari kepada pengaplikasian teori Pengakedahan Melayu melalui pendekatan moral. Pengumpulan data berkaitan kajian serta penelitian yang dilakukan juga terbatas kerana kurangnya penghasilan kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji lain berdasarkan tajuk kajian yang dibuat. Hal ini juga berkemungkinan kerana, kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji lain dalam aspek penerapan nilai JERI yang difokuskan dalam konteks KOMSAS tidak dikongsi atau dipamerkan melalui saluran maya. Jadi, pengkaji agak terbatas dalam mengakses kajian lepas yang bersesuaian dengan tajuk kajian yang dilakukan kerana saluran maya (internet) merupakan saluran utama yang digunakan oleh pengkaji. Oleh hal yang demikian, setiap batasan kajian ini membantu pengkaji untuk lebih fokus dalam menjalankan penyelidikan serta menghasilkan analisis yang lebih mendalam berkaitan dengan kajian ini.

## **1.8 Definisi, Istilah & Konsep**

Definisi, istilah serta konsep merupakan elemen sinonim yang melahirkan satu kata kunci dalam menggambarkan kajian yang dilakukan. Gambaran tersebut dapat menjadikan sesebuah kajian lebih teratur dan tidak melepas asas kepada tujuan kajian. Bagi mencapai satu persatu objektif kajian serta menjawab persoalannya, istilah serta konsep kepada sesebuah kajian haruslah difahami dengan baik. Jadi, definisi, istilah dan konsep yang diketengahkan dalam kajian ini dapat dilihat seperti berikut:

### **1.8.1 Nilai**

Nilai dapat didefinisikan sebagai sifat ketinggian moral yang dimiliki oleh seseorang individu secara alami (Kamus Dewan Edisi Keempat, 1993). Menurut Jules Henry (1975),

nilai dikatakan sebagai sesuatu yang dikira baik seperti baik hati, kejujuran, kesopanan dan sebagainya. Nilai merupakan satu konsep kepada makna tersurat dan tersirat yang akan mempengaruhi segala tindakan serta pemahaman yang ingin disampaikan. Dalam konteks kajian ini, ianya lebih memperlihatkan kepada tafsiran nilai moral atau nilai murni. Wan Mohd Zahid (1988), juga mendefinisikan nilai murni sebagai satu perlakuan atau tatasusila yang baik seseorang individu kepada alam, tuhan serta hubungannya terhadap manusia.

### **1.8.2 Moral**

Moral membawa makna kepada pegangan dalam diri seseorang individu melakukan sesuatu kelakuan yang baik. Hal ini ditelusuri lagi dengan sikap mahupun perbuatan yang diasaskan oleh baik buruk sesuatu akhlak itu. Perkataan moral merujuk kepada perkataan bahasa Latin iaitu moralis atau mores yang merujuk kepada kebiasaan, tingkah laku, tabiat dan cara hidup seseorang individu (Lorens Bagus, 1996). Hal ini membawa beberapa perkaitan dalam aspek pengertian kepada moral yang banyak dihubungkaitkan dengan perlakuan manusia yang dipandang sebagai benar atau salah dan baik atau buruk. Ia juga merangkumi kepada prinsip yang berhubung dengan elemen adil, benar dan cekap. Dapat dijelaskan bahawa, moral merupakan satu unsur mendidik yang bertujuan dalam memberikan pengajaran dari aspek nilai baik dan buruk serta ia menjadi dasar kepada penghasilan sesebuah karya sastera.

### **1.8.3 Pendidikan**

Pendidikan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (1993), ialah satu perihal yang berkaitan mendidik. Mendidik dalam konteks tersebut dapat dinyatakan sebagai proses pendorongan atau pengajaran terhadap sesuatu perkara dengan lebih terperinci. Kata

‘didik’ dalam perkataan pendidikan membawa makna kepada ajar, bimbing dan asuh. Melalui pendefinisan ini, dapat difahamkan bahawa pendidikan merupakan arah bertujuan dalam mencapai satu kesempurnaan dalam sesuatu perkara termasuklah kesempurnaan dari aspek mental dan perkembangan jasmani. Ini bersesuaian dengan pendapat Mok Soon Sang (1991), yang mendefinisikan pendidikan sebagai suatu proses dalam memperkembangkan aspek fizikal serta dalaman seperti intelek dan emosi seseorang individu. Tambahnya, perkembangan dari aspek tersebut dapat menghasilkan pengetahuan serta pengalaman dalam kehidupan individu. Hal ini sejulur dengan pendapat Najeemah Mohd Yusof (2006), yang menyatakan pendidikan merupakan satu aktiviti penyuburan pemikiran secara semula jadi melalui pembelajaran secara formal atau tidak formal.

## 1.9 Organisasi Kajian

Organisasi kajian merupakan suatu proses dalam pembahagian kajian penyelidikan, bertujuan untuk memperincikan sesuatu perkara dengan lebih sistematik dan tersusun. Dalam kajian ini, ia telah dibahagikan kepada lima bab iaitu:

### 1.9.1 Bab Satu

Dalam bab ini, ia merangkumi kepada pendahuluan berkaitan penyelidikan yang dilakukan. Ini dapat dilihat melalui aspek pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi, istilah dan konsep, organisasi kajian serta kesimpulan. Jadi, ia dapat dilihat sebagai satu elemen yang akan memperlihatkan ringkasan kepada keseluruhan kajian penyelidikan yang dijalankan.

### **1.9.2 Bab Dua**

Bab ini banyak membicarakan mengenai kajian literatur iaitu rangkuman kepada sorotan kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji lain dalam skop penyelidikan yang dipilih. Tinjauan sorotan kajian ini merangkumi pelbagai sumber yang dapat dijadikan rujukan untuk penyelidikan. Setiap sumber adalah bersinonim dengan kajian penyelidikan yang dijalankan seperti penerapan nilai dalam KOMSAS, persoalan terhadap peranan serta kemenjadian KOMSAS sebagai suatu usaha dalam melestarikan pendidikan sastera.

### **1.9.3 Bab Tiga**

Dalam bab ini, ia akan memperlihatkan mengenai pernyataan terhadap metodologi kajian yang dijalankan berdasarkan penyelidikan. Metodologi yang dijalankan dalam kajian ini merangkumi kepada kaedah penganalisisan dan pengumpulan data, bertujuan dalam memperlihatkan kebenaran yang akan menyokong sesebuah kajian yang dilakukan. Pengumpulan data diperolehi melalui pendekatan berbentuk kualitatif yang dijalankan melalui penganalisisan menyeluruh berdasarkan kepada kajian lepas, jurnal-jurnal dan kajian perpustakaan yang bersesuaian. Kaedah analisis tekstual juga diaplikasikan berdasarkan kepada novel Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih.

### **1.9.4 Bab Empat**

Dalam bab ini, ia memaparkan analisis keseluruhan berkenaan dengan penganalisisan hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui metodologi atau kaedah kajian yang dijalankan dalam penyelidikan. Setiap maklumat serta data yang diperoleh akan

dijelaskan dengan lebih terperinci dalam memenuhi objektif dan persoalan kajian yang dibuat.

### **1.9.5 Bab Lima**

Bab ini merupakan bab terakhir yang merangkumi kesimpulan terhadap keseluruhan kajian penyelidikan yang dijalankan. Bab ini juga diselitkan dengan implikasi serta cadangan penambahbaikan dalam usaha untuk melestarikan setiap konteks dalam kajian. Dapat dijelaskan bahawa, ia mengandungi setiap rumusan perbincangan serta saranan bagi kajian penyelidikan akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.10 Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa, kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam melihat keberkesanan penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) melalui novel Komponen Komsas (KOMSAS) terpilih melalui penelitian terhadap elemen pendidikan. Hal ini kerana, KOMSAS merupakan suatu usaha yang diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperluaskan elemen pendidikan berdasarkan kepada bidang kesusastraan dan Bahasa Melayu. Penerapan nilai dalam sebuah teks KOMSAS akan melahirkan pelajar yang lebih faham tentang bidang sastera yang luas. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai merupakan perkara asas yang penting dalam pendidikan sastera. Dengan kefahaman yang tinggi berkaitan dengan konsep nilai yang merangkumi kepada beberapa bahagian penting, ianya sekaligus akan melestarikan pendidikan sastera yang lebih ilmiah. Melalui kajian ini, diharapkan ianya dapat menarik minat pelajar dan masyarakat dalam bidang sastera melalui KOMSAS yang diperkenalkan dalam bentuk novel, antologi dan banyak lagi. Dari sini, kajian serta penyelidikan yang berkaitan dengan bidang KOMSAS serta sastera akan meluas dan ianya mampu untuk menjadikan sastera sebagai satu bidang yang relevan untuk dikaji. Dengan kata lain, ia mampu untuk memartabatkan sastera ke tahap yang lebih tinggi.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan sebuah proses analisis yang berbentuk sistematik dalam mengkaji dan mengenal pasti hal-hal berkaitan dengan topik yang dibincangkan dalam sesebuah kajian. Dalam proses ini, pengkaji akan meneliti setiap aspek yang terdapat dalam kajian-kajian lepas yang dihasilkan oleh pengkaji lain bertujuan dalam mengisi kelompangan dan mengumpul bahan serta data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Setiap aspek dalam kajian yang dijalankan haruslah didasari dengan data yang lengkap serta sumber rujukan yang tepat dalam membuktikan keseluruhan perbincangan kajian bersifat empirikal dan saintifik. Kajian-kajian lepas yang dianalisis juga bukanlah tertumpu hanya dalam konteks negara ini sahaja, namun kajian yang dihasilkan oleh pengkaji luar juga diambil kira asalkan ianya masih dalam konteks kajian yang dikaji. Dalam kajian ini, analisis yang dilihat adalah berdasarkan kepada konsep nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) yang diketengahkan dalam Komponen Sastera (KOMSAS) melalui penelitian terhadap elemen pendidikan.

#### 2.2 Pengkajian berkaitan Tokoh Pendidikan

Siti Mahani Angterian telah menjalankan kajian pada tahun 2016 melalui penulisan yang bertajuk Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemerksaan Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam mengenal pasti unsur dan jenis pemikiran kritis yang

ditonjolkan oleh Awang Sariyan melalui usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu. Metodologi kajian yang digunakan adalah bersifat kualitatif iaitu memperuntukkan kaedah temu bual bersama tokoh serta penganalisisan makalah, jurnal dan buku yang bersesuaian dengan kajian. Prinsip Pemikiran Kritis dan Kreatif oleh Mohd Azhar Abd Hamid juga diaplikasikan dalam menganalisis data. Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa, pemikiran Awang Sariyan terbukti dalam bersifat kritis dan konstruktif melalui penyelesaian sesuatu isu serta kajian ini juga memperlihatkan semangat juang Awang Sariyan sebagai ahli bahasa berdasarkan kepada lontaran pandangan berkaitan hal yang bertentangan dengan peraturan Bahasa Melayu. Justeru itu, dapat dikatakan kajian lepas ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian pengkaji lebih melihat kepada kelestarian dari aspek pendidikan sastera yang mengkhususkan kepada KOMSAS. Manakala bagi kajian lepas ini, ianya lebih memperuntukkan kepada pemikiran Awang Sariyan dalam memartabatkan pendidikan khususnya pendidikan Bahasa Melayu. Jelaslah dilihat bahawa, Awang Sariyan merupakan seorang tokoh yang berusaha dalam memartabatkan pendidikan Bahasa Melayu ke arah yang lebih lestari.

Rahayu Akhesah telah menjalankan kajian pada tahun 2021 yang bertajuk Kepengarangan dan Individualiti Rahman Shaari dalam Puisi berdasarkan Teori Teksdealisme dan Stilistik. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji aspek kepengarangan serta individualiti Rahman Shaari melalui sajak terpilih. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah berbentuk kualitatif iaitu merangkumi kepada kaedah perpustakaan, penganalisisan terhadap kandungan serta deskriptif. Penganalisisan data juga diperoleh melalui pengaplikasian prinsip-prinsip teori Teksdealisme dan teori Stilistik berdasarkan kepada lima puisi terpilih yang dihasilkan oleh Rahman Shaari. Melalui perkara tersebut, dapatan kajian ini menunjukkan puisi yang dihasilkan Rahman

Shaari sentiasa berubah dalam konteks tema dan persoalan sesuai dengan berubahnya tempoh dalam bidang kepengkaryaan beliau. Jelaslah bahawa, perkara itu mempengaruhi gaya kepenggarangannya serta tahap kehadiran mencapai kepada tahap individualiti. Oleh yang demikian, kajian lepas ini memperlihatkan perbezaan dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji dalam konteks pengumpulan data serta pengaplikasian teori yang digunakan. Hal ini dapat dilihat melalui kajian lepas ini yang memperuntukkan kajian terhadap puisi-puisi terpilih oleh Rahman Shaari dan teori yang digunakan dalam mengumpul data ialah teori Teksdealisme serta teori Stilistik. Manakala, bagi kajian yang dihasilkan pengkaji, ianya melihat kepada kajian dalam konteks KOMSAS serta pengaplikasian teori pendekatan moral.

Norzaliza Ghazali & Fatinah Zainon telah menjalankan kajian pada tahun 2016 yang bertajuk Gagasan Pendidikan Aminuddin Baki dalam Perjuangan GPMS. Kajian ini dijalankan bertujuan dalam menilai dan menganalisis pemikiran pendidikan Aminuddin Baki sebagai satu tunjang aspirasi kepada perjuangan Gabungan Pelajar Mahasiswa Semenanjung (GPMS). Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah berbentuk kualitatif yang merangkumi kepada pendekatan biografi iaitu pendekatan yang mengkaji pemikiran tokoh. Pengumpulan data juga dijalankan melalui penggunaan kaedah dokumentasi serta ianya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, pemikiran Aminuddin Baki dalam konsep pendidikan relevan untuk diperjuangkan. Ini kerana, idealismenya akan sentiasa ‘hidup’ dan diperlakukan sepanjang zaman. Jelaslah dilihat bahawa, Aminuddin Baki merupakan seorang tokoh akademik yang sentiasa memperjuangkan agenda pendidikan dalam kehidupannya. Oleh yang demikian, jelas kajian lepas ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji melalui pemikiran untuk memartabat dan melestarikan dunia pendidikan. Namun, kajian lepas ini juga memperlihatkan perbezaan dengan kajian

pengkaji. Ini dapat dilihat menerusi kajian lepas ini lebih melihat kepada pemikiran Aminuddin Baki dalam konteks memperjuangkan GPMS, manakala kajian pengkaji lebih melihat kepada pelestarian pendidikan sastera melalui penerapan nilai murni dalam pengajaran KOMSAS.

Noor Aziera Mohamad Rohana et al. telah menjalankan kajian pada tahun 2017 yang bertajuk Perpaduan Etnik di Malaysia Menurut Ideologi Pendidikan Za’Ba. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam mengkaji perpaduan kaum yang terdapat di Malaysia menurut perspektif dan ideologi pendidikan Za’ba. Kajian ini juga menilai perkembangan dalam aspek pendidikan ke arah pembangunan negara serta perpaduan etnik tanpa sebarang diskriminasi. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif iaitu kaedah perpustakaan yang merangkumi kepada kaedah analisis dokumen. Menerusi penganalisisan data yang dibuat, hasil kajian mendapati bahawa jurang ekonomi yang berlaku merupakan kesan daripada aspek pendidikan yang diendahkan. Pendidikan dikatakan sebagai tunggak dalam ketamadunan, dan ianya menjadi satu jaminan dalam pembangunan negara yang lebih stabil melalui perpaduan etnik. Jadi, pelaksanaan ekonomi berasaskan etnik dilihat menjadi punca utama kepada masalah perpaduan kaum menurut pemerhatian Za’Ba. Justeru itu, dapat dikatakan bahawa, kajian lepas ini memperlihatkan perbezaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Ini dapat dilihat menerusi konsep kajian lepas ini yang memperincikan penilaian berkaitan dengan ideologi pendidikan Za’Ba dalam konteks perpaduan etnik di Malaysia. Ia sama sekali berbeza dengan kajian pengkaji yang memfokuskan kepada kelestarian pendidikan sastera melalui pengajaran KOMSAS.

Ghazali Din & A. Halim Ali telah menjalankan kajian pada tahun 2020 melalui penulisan yang bertajuk Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu.

Kajian ini dijalankan bertujuan dalam mengkaji sumbangan dan kepengarangan Muhammad Hj Salleh sebagai seorang penyair yang berusaha dalam mengangkat martabat jati diri Melayu. Metodologi kajian yang digunakan berbentuk kualitatif iaitu merangkumi kepada kaedah kepustakaan. Penganalisisan serta pengumpulan data adalah menggunakan Model Proses Kreatif Teksnaluri, iaitu gabungan kepada dua teori, iaitu teori teksdealisme dan teori Tipa Induk (Carl Gustav Jung). Setiap data tersebut juga dianalisis secara deskriptif melalui puisi-puisi terpilih, karya Muhammad Hj Salleh. Hasil daripada kajian ini, ianya memperlihatkan bahawa, kepengarangan Muhammad Hj Salleh melalui puisinya mempersempahkan dimensi pemikiran dalam konteks pembangunan minda bangsa Melayu. Sosialisasi Melayu yang diungkapkan secara halus dalam puisi juga menunjukkan tahap keunggulan kepengarangannya. Oleh yang demikian, jelaslah kajian lepas ini memperlihatkan beberapa perbezaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Salah satunya dapat dilihat menerusi kajian lepas ini lebih memperincikan aspek keunggulan dan kepengarangan Muhammad Hj Salleh dalam puisinya. Namun, kajian yang dijalankan pengkaji lebih memperincikan aspek nilai moral sebagai tema utama yang terkandung dalam teks KOMSAS.

Muhammad Syafiq Borhannuddin telah menjalankan kajian pada tahun 2015 melalui penulisan yang berjudul *Ungku Aziz's Ideas on Development*. Kajian ini dijalankan bertujuan dalam mengkaji idea-idea pembangunan Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid secara ilmiah melalui makalah, buku serta syarahan terpilih. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif yang memperuntukkan kaedah analisis secara induktif dan deskriptif berdasarkan penulisan Ungku Abdul Aziz dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Hasil daripada kajian ini memperlihatkan bahawa idea-idea Ungku Abdul Aziz adalah didasari dengan kerangka kepada suatu wawasan terhadap pembangunan dekolonialisasi iaitu dari aspek pembangunan luar bandar, kebudayaan serta

pendidikan tinggi. Dapat disimpulkan bahawa, idea beliau memberi penafsiran yang baik terhadap pembangunan daya cipta yang merangkumi kepada perkara berkenaan hal tersebut. Pembangunan ini meneliti ke arah keperluan ekonomi, pendidikan serta kebudayaan masyarakat tempatan yang sistematik. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa kajian lepas ini mempunyai perbezaan yang agak ketara dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian lepas ini lebih didasari kepada konteks pembangunan yang dipelopori oleh idea-idea Ungku Abdul Aziz. Kajian pengkaji pula lebih melihat kepada konteks pendidikan yang merangkumi kepada nilai moral dalam teks KOMSAS.

Nur Shuhadah Zuhaidi & Firuz Akhtar Lubis telah menjalankan kajian pada tahun 2021 menerusi penulisan yang bertajuk HAMKA: Tokoh Ulama Nusantara. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam melihat sumbangan HAMKA menerusi tiga bidang utama iaitu pendidikan, politik dan penulisan. Hal ini kerana, peranan HAMKA dalam ketiga-tiga bidang tersebut amat menonjol dan ianya menjadi satu titik tolak dalam kajian ini. Metodologi kajian yang diaplikasikan adalah berbentuk kualitatif. Ianya merangkumi kepada kajian sejarah yang bersesuaian dari segi aspek kritikan luar dan kritikan dalaman. Hal ini dilakukan bagi memastikan ketulenan setiap fakta yang diperolehi. Kritikan luaran diaplikasikan bertujuan untuk mengesahkan keaslian fakta dari beberapa perkara yang berkaitan dengan penghasilan fakta tersebut. Manakala, kritikan dalaman pula bertujuan dalam menghasilkan isi kandungan, rentetan dari kritikan luaran. Hasil daripada kajian ini, ianya telah menonjolkan ketokohan HAMKA sebagai seorang sasterawan dan ulama yang memberikan sumbangan yang begitu banyak melalui pelbagai bidang terutamanya bidang pendidikan, politik dan penulisan. Oleh yang demikian, jelaslah kajian ini merangkumi kepada ketokohan HAMKA sekaligus ianya memperlihatkan perbezaan kajian lepas ini dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Ini dapat dibuktikan menerusi kajian pengkaji

lebih berfokuskan kepada elemen pendidikan yang berpaksikan kepada teks KOMSAS. Manakala kajian lepas ini lebih memfokuskan kepada bidang pendidikan dari segi ketokohan HAMKA.

Zabidin Ismail telah menjalankan kajian pada tahun 2018 melalui penulisan yang bertajuk Antikolonialisme dalam Karya-karya Dr Burhanuddin Al Helmi. Kajian ini dijalankan bertujuan dalam mempertimbangkan mesej yang merangkumi kepada aspek antikolonialisme secara holistik dan dominan menerusi karya terpilih Dr Burhanuddin Al Helmi. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif yang juga merangkumi kepada kaedah penganalisisan teks. Pengaplikasian teori Semiotik dan Intertekstualiti juga dilihat berkesan dalam mencapai objektif kajian ini. Kajian ini juga bersandarkan kepada teori sastera budaya dalam memperlihatkan mesej antikolonialisme sebagai tema utama yang dapat menjadi perkaitan dengan topik politik lainnya. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa, karya-karya Dr Burhanuddin Al Helmi banyak memperlihatkan mesej atau tema antikolonialisme dan perkara ini sekaligus telah membangkitkan jiwa patriotisme dan nasionalisme orang Melayu dalam menuntut kemerdekaan. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kajian lepas ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui, kajian lepas ini lebih memperincikan analisis yang melihat kepada tema antikolonialisme dalam karya Dr Burhanuddin Al Helmi. Manakala, kajian pengkaji lebih melihat kepada penganalisisan teks KOMSAS yang memperuntukkan nilai moral sebagai tema utama kepada kajian.

Mohd Izzat Izzuddin Jafri telah menjalankan kajian pada tahun 2020 melalui penulisan yang bertajuk Bahasa dan Pemikiran Shahnon Ahmad dalam Pembinaan Jati Diri Melayu Melalui Kumpulan Cerpen: Tonil Purbawara. Kajian ini dijalankan bertujuan dalam mengenal pasti bahasa dan pemikiran Shahnon Ahamed dalam pembinaan jati diri

Melayu serta menghuraikan perkara tersebut melalui cerpen terpilih iaitu “Kumpulan Cerpen: Tonil Purbawara”. Metodologi kajian yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Ia merangkumi kepada kaedah kepustakaan serta kaedah penganalisisan teks iaitu analisis yang tertumpu kepada teks terpilih. Hasil kajian ini mendapati bahawa, terdapat empat aspek bahasa serta pemikiran Shahnon Ahmad yang meliputi kepada aspek pembinaan jati diri Melayu. Melalui perkara ini, kajian ini membantu dalam menghuraikan ringkasan kepada peranan dan usaha masyarakat Melayu dalam mengukuhkan jati diri Melayu. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang dijalankan pengkaji dari aspek penganalisisan yang ditumpukan. Hal ini dibuktikan melalui kajian lepas ini yang lebih menilai kepada konteks pemikiran Shahnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu melalui. Manakala, kajian yang dijalankan pengkaji lebih memperuntukkan penilaian dalam konteks penerapan nilai moral dalam pengajaran KOMSAS.

Raihanah Syahirah Mohd Roslee telah menjalankan kajian pada tahun 2020 melalui penulisan yang berjudul Bahasa dan Pemikiran Noordin Hassan terhadap Pembinaan Jati Diri Melayu berdasarkan Buku “*...Demi Zaitun...*” Kumpulan Drama Pilihan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti jenis jati diri Melayu serta pemikiran Noordin Hassan terhadap jati diri Melayu dalam karya “*...Demi Zaitun...*” Kumpulan Drama Pilihan. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Ia merangkumi kepada kaedah penganalisisan teks. Hasil kajian ini mendapati bahawa, pemikiran Noordin Hassan yang terkandung dalam karya sasteranya adalah berkisarkan kepada jati diri Melayu. Dalam konteks ini, jati diri Melayu dapat dilihat melalui kekuatan akhlak, kekuatan jihad, kekuatan perdamaian serta kekuatan ilmu pengetahuan. Jadi, karya sastera bukan hanya bertujuan dalam memberikan hiburan dan bacaan semata-mata, tetapi ianya terkandung sarat dengan mesej

kepada pembaca. Oleh yang demikian, jelaslah dilihat bahawa, kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini dapat dilihat menerusi konteks kajian bagi kajian lepas ini lebih memperincikan hal berkaitan pemikiran Noordin Hassan dalam karya. Manakala, kajian yang dijalankan pengkaji lebih memperuntukkan kajian mengenai penerapan nilai moral dalam teks KOMSAS.

Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim telah menjalankan kajian pada tahun 2016 melalui penulisan yang berjudul Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam menurut Imam Ghazali. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis perkara yang berkaitan dengan amalan pengajaran guru yang berlandaskan kepada konsep KBAT melalui perspektif Iman Ghazali. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk memperihalkan beberapa pendekatan yang terkandung dan penafsirannya mengikut Iman Ghazali serta perkaitannya dengan konsep KBAT. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang memperincikan penyelidikan bersifat keperpustakaan. Pengumpulan data berasaskan sumber primer dan sekunder juga dilakukan menerusi pemantauan terhadap karya Imam Ghazali seperti Ihya Ulumudin, Minhaj Abidin dan Ayuha Walad. Setiap penganalisisan yang dihasilkan adalah mengikut aspek yang berteraskan dengan KBAT. Hasil daripada kajian ini telah mengemukakan tiga kerangka utama melalui amalan pengajaran guru yang berteraskan kepada elemen KBAT menerusi perspektif Imam Ghazali. Kesepaduan daripada ketiga-tiga kerangka ini membantu dalam penghasilan pengamalan guru yang bertunjangkan kepada elemen KBAT. Justeru itu, dapat diperhatikan bahawa kajian lepas ini mempunyai persamaan dan perbezaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian lepas ini lebih memperuntukkan analisis yang mendasari kepada pendidikan melalui elemen KBAT.

Manakala, kajian yang dijalankan pengkaji juga memperuntukkan analisis yang mendasari kepada pendidikan, namun, ia lebih terperinci kepada elemen KOMSAS.

### **2.3 Pengkajian berkaitan KOMSAS**

Chew Fong Peng telah menjalankan kajian pada tahun 2010 melalui penulisan yang bertajuk Penerapan Nilai-nilai Murni Menerusi KOMSAS dalam Sistem Pendidikan Malaysia. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam menilai 16 elemen nilai murni terhadap pelajar melalui penghayatan kepada teks KOMSAS serta membentuk perpaduan pelajar melalui nilai murni. Metodologi kajian ini melihat kepada kaedah kuantitatif melalui penghasilan soal selidik yang dijalankan ke atas 60 orang pelajar. Dari kaedah yang diperuntukkan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki memperolehi lebih nilai daripada pelajar perempuan. Jelas bahawa, KOMSAS menjadi suatu wacana kepada penghayatan nilai murni dan setiap karya seharusnya mempunyai pengajaran serta aspek nilai murni yang bertujuan dalam mendidik para pembaca. Dengan itu, nilai ini seharusnya menjadi satu perkara yang wajib ditekankan dalam KOMSAS selaras dengan pendidikan sastera bagi mencapai matlamat tersebut. Justeru itu, dapat dilihat bahawa kajian lepas ini berbeza dengan kajian yang dijalankan pengkaji dalam konteks pemahaman yang ditekankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian lepas ini lebih memperuntukkan konteks nilai dalam KOMSAS sebagai satu proses penilaian terhadap pelajar, manakala kajian yang dijalankan pengkaji melihat nilai dalam KOMSAS sebagai satu bentuk kelestarian pendidikan sastera yang ilmiah.

Chew Fong Peng telah menjalankan kajian pada tahun 2009 menerusi penulisan yang berjudul Pendidikan Sastera Perpaduan Menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan Kesannya. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan dan kaedah pelaksanaan pendidikan sastera perpaduan di sekolah serta

mengkaji teks KOMSAS dan bahan yang bersesuaian dalam mewujudkan integrasi nasional. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif iaitu merangkumi kepada kaedah soal selidik yang dilaksanakan kepada 60 orang pelajar berlainan bangsa dan etnik. Instrumen soal selidik tersebut terbahagi kepada lima soalan kajian yang meliputi aspek buku teks, peranan guru dan kesediaan pelajar dalam mempelajari integrasi nasional menerusi KOMSAS. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa, teks KOMSAS tidak mencerminkan realiti sesebuah masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Tambahan, guru bahasa tidak begitu memfokuskan kepada penerapan elemen perpaduan kaum sehingga menyebabkan para pelajar tidak berminat dalam pembelajaran KOMSAS kerana dikatakan lebih berpusat pada orang Melayu. Oleh yang demikian, jelas ianya menunjukkan persamaan dengan kajian pengkaji yang memfokuskan kepada penganalisisan teks KOMSAS. Namun, kajian lepas ini juga menunjukkan perbezaan dari segi metodologi kajian yang diaplikasikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, metode kajian ini berbentuk kuantitatif yang merangkumi kepada kaedah soal selidik. Manakala, metode kajian pengkaji berbentuk kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan penganalisisan teks.

Nurul Raihana Abdullah telah menjalankan kajian pada tahun 2017 melalui penulisan yang berjudul Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum Menerusi Watak Utama dalam Novel KOMSAS Tingkatan Lima. Kajian ini dijalankan bertujuan dalam mengenal pasti nilai-nilai murni merentas kurikulum yang terdapat dalam novel KOMSAS tingkatan lima melalui perwatakan watak utama. Selain itu, kajian ini juga bertujuan dalam menganalisis kekerapan 16 elemen nilai murni yang diperlihatkan dalam novel KOMSAS tersebut. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu melibatkan kaedah analisis teks KOMSAS serta pengaplikasian analisis secara deskriptif terhadap novel KOMSAS pilihan. Melalui pengumpulan data yang dijalankan,

hasil kajian ini mendapati bahawa hanya tiga daripada empat buah novel KOMSAS yang mengandungi keseluruhan 16 elemen nilai murni yang telah digariskan dalam Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Namun begitu, hal tersebut telah mendasari kepada kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menuntut aspek efektif sebagai satu asas kepada pembinaan modal yang lebih holistik. Oleh yang demikian, jelaslah kajian lepas ini memperlihatkan perbezaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dari aspek objektif utama. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian lepas ini lebih berfokuskan kepada penganalisisan 16 elemen nilai murni yang terdapat pada novel KOMSAS tingkatan lima. Namun, jika dilihat pada kajian pengkaji, konsep analisisnya lebih umum kerana mengkaji penerapan nilai moral dalam pengajaran KOMSAS, tanpa terbatas kepada beberapa nilai moral sahaja.

Husairi Hussin, Nor Hasimah & Mohd Isha telah menjalankan kajian pada tahun 2020 melalui penulisan yang berjudul Keupayaan Novel KOMSAS Menerapkan Nilai Perpaduan Bersikap Terbuka dalam Kalangan Murid. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat keupayaan novel KOMSAS dalam menerapkan perpaduan dalam kalangan pelajar serta penganalisisan dan perbincangan mengenai nilai perpaduan iaitu elemen perpaduan yang dibincangkan menurut KSSM dalam novel KOMSAS. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif iaitu menekankan kepada aspek analisis teks yang merangkumi kepada kandungan novel Jendela Mengadap Jalan serta dipadankan dengan Teori Cerminan Lukacs. Dua pendekatan iaitu pendekatan dialog dan pemerian juga digunakan dalam menghasilkan penelitian terhadap nilai perpaduan dalam novel. Melalui metod yang dihasilkan, hasil mendapati bahawa novel terpilih iaitu novel Jendela Mengadap Jalan menerapkan nilai-nilai perpaduan seperti yang digariskan KSSM. Dapatkan kajian ini memberikan implikasi yang cukup besar dalam memupuk perpaduan serta pengharmonian kaum di negara ini melalui novel KOMSAS. Justeru itu, jika dilihat

dalam konteks perbezaan, jelas bahawa kajian lepas ini juga mempunyai perbezaan dengan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian lepas ini lebih berpaksikan kepada penganalisisan mengenai nilai perpaduan dalam KOMSAS. Manakala, kajian yang dijalankan pengkaji lebih melihat kepada penganalisisan nilai moral yang terdapat dalam pengajaran KOMSAS.

## 2.4 Pengkajian berkaitan Teori

Aimi Khairunnisa & Nurliana Suhaini telah menjalankan kajian pada tahun 2020 melalui penulisan yang bertajuk Kepentingan Teori dan Ilmu Sosiologi dalam Konteks Pendidikan menurut Perspektif Ibnu Khaldun. Kajian ini bertujuan dalam melihat kepentingan teori melalui perkembangan ilmu pengetahuan dalam konteks pendidikan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada analisis teks sebagai metodologi kajian. Melalui perkara tersebut, dapat dilihat bahawa, dapatan kajian ini memperincikan pemikiran Ibnu Khaldun masih relevan sehingga kini. Dalam kajian ini, penganalisisan teori dalam sastera dilihat sebagai suatu yang tidak asing lagi kerana ianya berkait rapat dengan elemen di antara satu sama lain. Teori memainkan peranan penting dalam memperincikan sesuatu penulisan dengan lebih baik. Hal ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu mengaplikasikan sesebuah teori dalam menganalisis dan mencapai matlamat kajian. Namun begitu, kajian ini juga mempunyai perbezaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Ini dapat dilihat dari segi aspek kajian lepas ini yang memperincikan teori dengan lebih umum, manakala kajian oleh pengkaji hanya bertumpukan kepada aspek teori pendekatan moral.

#### 2.4.1 Pengkajian berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu

Jumali Hj Selamat telah menjalankan kajian pada tahun 2009 yang bertajuk Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji novel remaja yang berjudul Menjaras Ribut dalam konteks penyampaian kepada konsep kehidupan manusia menerusi linkungan sosial dalam mencari redha dan takwa Allah melalui pengaplikasian pendekatan dakwah. Kajian ini juga bertujuan dalam memperlihatkan kebesaran Allah serta Islam. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang menekankan kepada kaedah analisis tesktual. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa, novel Menjaras Ribut menerapkan nilai dakwah islamiah yang mampu dalam mengembangkan kebenaran Islam sekaligus ianya membawa kepada kebaikan dalam konteks pembangunan manusia. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa kajian lepas ini mempunyai persamaan dan perbezaan yang ketara dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Ini dapat dibuktikan melalui persamaannya yang dapat dilihat menerusi pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu sebagai metode kepada kedua kajian ini. Perbezaan pula jelas dilihat menerusi pemilihan kepada pendekatan yang digunakan. Hal ini dapat dibuktikan melalui, kajian lepas ini menggunakan pendekatan dakwah, manakala, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah menggunakan pendekatan moral.

Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah telah menjalankan kajian pada tahun 2021 melalui penulisan yang bertajuk Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti dan mengkaji citra masyarakat Melayu yang terdapat dalam naratif lisan. Metodologi kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif yang merangkumi kepada kaedah kepustakaan serta menjadikan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* sebagai bahan utama dan kerangka panduan dalam menghasilkan kajian

yang sempurna. Teori Pengkaedahan Melayu juga diaplikasikan dalam kajian ini serta menjadi deduktif yang lengkap dalam menghasilkan analisis kajian. Hasil daripada kajian ini mendapatkan bahawa, naratif lisan sangat sarat dengan citra masyarakat yang merangkumi kepada pembentukan nilai, adat dan kebudayaan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, kajian lepas ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji dari aspek pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Namun begitu, ia juga mempunyai perbezaan dalam aspek kajian terhadap teks. Hal ini dapat dibuktikan melalui, kajian lepas ini menganalisis teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*, manakala kajian yang dijalankan pengkaji lebih memperlihatkan penganalisisan teks KOMSAS.

#### **2.4.2 Pengkajian berkaitan Pendekatan Moral**

Nasha Azreena Mohd Jaihan telah menjalankan kajian pada tahun 2023 yang bertajuk Nilai-nilai Moral dan Pembentukan Akhlak dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka karya Ami Masra: Pendekatan Moral. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti perihal berkaitan nilai-nilai moral dan pembentukan akhlak dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka. Dalam konteks metodologi, kajian ini dilihat menggunakan kaedah kualitatif yang memfokuskan kepada kepustakaan melalui penganalisisan secara deskriptif. Penganalisisan data juga dihasilkan melalui pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral. Hasil daripada kajian ini, terdapat penemuan beberapa nilai moral dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka serta keberkesanannya dalam pembentukan akhlak. Pendekatan moral merupakan suatu pendekatan yang tidak tertumpu kepada satu perkara sahaja namun, ianya meliputi pelbagai perkara yang merangkumi kepada kehidupan seseorang insan. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, kajian lepas ini

mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji menerusi pengaplikasian teori pendekatan moral dalam penghasilan data. Namun begitu, kajian lepas ini juga berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dari segi penganalisisan karya sastera. Hal ini dapat dibuktikan melalui, kajian ini menumpukan penganalisisan terhadap gurindam manakala pengkaji menjalankan kajian analisis terhadap teks KOMSAS.

Siti Norsyahira Md Sabri telah menjalankan kajian pada tahun 2022 melalui penulisan yang berjudul Unsur Didaktik dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam mengenal pasti dan menganalisis unsur didaktik dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan melalui pengaplikasian pendekatan moral. Dalam kajian ini, metode yang digunakan adalah berbentuk kualitatif. Ianya meliputi keseluruhan kaedah kepustakaan dan teks. Pengumpulan data dalam kajian ini juga dihasilkan melalui pengaplikasian pendekatan moral yang dipetik daripada Teori Pengkaedahan Melayu. Melalui perkara tersebut, dapatan kajian ini mendapat bahawa unsur didaktik yang terdapat dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan mampu untuk meningkatkan nilai moral serta memperbaiki aspek moral dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dapat dilihat bahawa, kajian lepas ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dari aspek pengaplikasian pendekatan moral. Namun begitu, ia tetap mempunyai perbezaan yang ketara dalam konteks bahan kajian yang dikaji. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian lepas ini lebih memperincikan kajian mengenai teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Manakala, jika dilihat pada kajian yang dijalankan oleh pengkaji, ianya lebih memperincikan kajian mengenai teks KOMSAS terpilih.

## 2.5 Pengkajian KOMSAS dalam bidang lain

### 2.5.1 Teknologi

Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Noor telah menjalankan kajian pada tahun 2011 melalui penulisan yang bertajuk Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan bertujuan dalam menilai persepsi guru terhadap aplikasi multimedia yang didasari kepada pengajaran KOMSAS. Kajian ini lebih melihat kepada penggunaan perisian multimedia dalam novel *Istana Menanti* bagi pelajar tingkatan satu. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang merangkumi kepada 60 orang guru dari empat buah sekolah sebagai responden dan sampel kajian. Pengumpulan data juga menggunakan kaedah soal selidik dan ianya dianalisis melalui pendekatan statistik deskriptif. Melalui perkara ini, hasil kajian menunjukkan bahawa perisian aplikasi multimedia membantu dalam meningkatkan proses pengajaran guru menjadi lebih fleksibel dan efektif di bilik darjah. Teknologi multimedia juga membantu dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran guru sekaligus meningkatkan usaha dalam menarik minat serta motivasi pembelajaran dalam aspek yang berteraskan bahan sastera. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa kajian lepas ini mempunyai perbezaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian lepas ini lebih melihat kepada penganalisisan mengenai aspek teknologi multimedia dalam KOMSAS. Manakala, kajian yang dijalankan pengkaji lebih umum kepada aspek nilai moral dalam teks KOMSAS.

Intan Marfarrina Omar et al. telah menjalankan kajian pada tahun 2021 melalui penulisan yang berjudul Tahap Pengetahuan Teknologi, Kemahiran dan Penggunaan TMK dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan KOMSAS Guru Bahasa Melayu di Kelantan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti tahap pengetahuan teknologi,

kemahiran serta penggunaan TMK dalam proses PdP melalui KOMSAS terhadap guru bahasa Melayu. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif yang merangkumi kepada penganalisisan data secara deskriptif melalui kaedah tinjauan. Ia juga merangkumi kepada edaran soal selidik terhadap 279 responden yang terdiri daripada guru bahasa Melayu di negeri Kelantan yang dipilih secara rawak. Dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan teknologi serta tahap kemahiran TMK melalui pengajaran KOMSAS terhadap guru-guru mencapai tahap tinggi. Hal ini bermakna, guru-guru mahir dan sangat menguasai pengetahuan dalam teknologi tersebut. Justeru itu, dapat dikatakan bahawa, kajian lepas ini mempunyai persamaan dan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan kajian yang dijalankan pengkaji. Persamaan tersebut dapat dilihat menerusi, kedua kajian ini memperuntukkan penganalisisan berkaitan dengan KOMSAS. Manakala, bagi perbezaan pula dapat dilihat menerusi kajian lepas ini mengaplikasikan metode berbentuk kuantitatif yang merangkumi kepada penghasilan soal selidik terhadap guru dan kajian pengkaji pula mengaplikasikan metode berbentuk kualitatif yang merangkumi kepada temu bual terhadap guru.

### 2.5.2 Konstruktivisme

Syahida Nadia Zakaria telah menjalankan kajian pada tahun 2015 melalui penulisan yang berjudul Kesan Pendekatan Konstruktivisme dan Pendekatan Tradisional dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan kesan kepada penggunaan pendekatan konstruktivisme melalui KOMSAS dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap pencapaian murid tingkatan dua. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang melibatkan 66 orang murid tingkatan dua di sebuah sekolah daerah Kluang sebagai

subjek kajian dalam penggunaan kajian kuasi eksperimen. Kajian ini juga mengaplikasikan Ujian-t dalam menganalisis setiap data yang diperoleh. Hasil daripada kajian ini mendapat bahawa, tidak terdapat sebarang perbezaan yang signifikan melalui pencapaian murid yang dilihat berdasarkan ujian yang dijalankan. Namun begitu, dalam ujian pasca, ia menunjukkan hasil yang berbeza dengan ujian sebelumnya. Jelas dilihat bahawa, pendekatan konstruktivisme membantu pelajar dalam mempelajari elemen KOMSAS. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, kajian lepas ini mempunyai perbezaan yang ketara dengan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Hal ini dapat dilihat menerusi aspek reka bentuk metode yang digunakan iaitu, kajian lepas ini mengaplikasikan metode berbentuk kuantitatif. Manakala, kajian yang dijalankan oleh pengkaji mengaplikasikan metode berbentuk kualitatif.

Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari telah menjalankan kajian pada tahun 2012 menerusi penulisan yang berjudul Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam Pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam menganalisis penerapan Model Lima Fasa Needham (1987) melalui pengajaran KOMSAS yang dapat dilihat mampu dalam meningkatkan pencapaian pelajar bukan Melayu. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang merangkumi kepada eksperimen yang dijalankan terhadap 80 murid Cina di sekolah menengah dalam daerah negeri Kedah. Hasil daripada kajian ini mendapat bahawa, terdapat beberapa perbezaan yang dilihat signifikan di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pos yang dijalankan. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, kajian lepas ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji dari aspek pengkajian terhadap pengajaran KOMSAS. Namun begitu, ia juga mempunyai perbezaan yang ketara dari aspek tema yang ingin dikaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui, kajian lepas ini lebih memperincikan kajian mengenai keberkesanan Lima Fasa Needham dalam pengajaran

KOMSAS. Manakala, kajian yang dijalankan pengkaji lebih memperuntukkan kajian mengenai penerapan nilai moral dalam pengajaran KOMSAS.

### **2.5.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)**

Zamri Mahamod, Nasyimah Ismail & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad telah menjalankan kajian pada tahun 2015 melalui penulisan yang berjudul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Komponen Sastera dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis kesediaan dan pengetahuan pelajar berkaitan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui pembelajaran KOMSAS. Ia juga bertujuan dalam meneliti perbezaan dari aspek tahap kesediaan dan pengetahuan pelajar berdasarkan jantina. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang merangkumi kepada penghasilan kaji selidik melalui edaran borang terhadap 322 pelajar dari empat buah sekolah menengah di daerah Tanah Merah, Kelantan. Setiap data juga dianalisis secara inferensi yang melibatkan penggunaan Ujian-t dan Kolerasi. Berdasarkan metode yang dijalankan, hasil kajian ini mendapati bahawa, terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dan kesediaan para pelajar terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang diterapkan dalam pembelajaran KOMSAS. Ia juga memperlihatkan bahawa, KBAT semakin diterima dan lebih cenderung dalam pembelajaran yang mendalam melalui KOMSAS. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, kajian lepas ini mempunyai perbezaan yang ketara dengan kajian yang dijalankan pengkaji dari aspek pemfokusan terhadap tema kajian yang dikaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian lepas ini lebih memfokuskan tentang penerapan KBAT dalam KOMSAS. Manakala, kajian pengkaji lebih memperuntukkan penerapan nilai moral dalam pengajaran KOMSAS.

Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod telah menjalankan kajian pada tahun 2021 melalui penulisan yang bertajuk Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Guru Bahasa Melayu terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS. Tujuan kajian ini dijalankan adalah meneliti tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu yang mendasari kepada penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang merangkumi kepada soal selidik yang melibatkan 108 orang responden yang terdiri daripada guru bahasa Melayu di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Kajian ini juga merangkumi kepada kajian tinjauan yang mengaplikasikan analisis secara deskriptif serta setiap data akan dianalisis melalui *Social Package for Science Social* (SPSS) versi 25.0 yang mendasari kepada pemerihalan yang khusus terhadap analisis data secara deskriptif. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa Melayu mampu mempengaruhi penerapan aspek KBAT dalam pengajaran KOMSAS menerusi proses PdP yang dijalankan. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, kajian lepas ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan pengkaji dalam konteks pengkajian berkaitan aspek KOMSAS. Namun begitu, perbezaan juga dapat dilihat menerusi pemfokusan yang memperuntukkan kajian lepas ini lebih melihat kepada pemikiran guru mengenai KBAT dalam KOMSAS, manakala kajian pengkaji lebih melihat kepada penganalisisan teks KOMSAS.

#### **2.5.4 Pedagogi**

Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub telah menjalankan kajian pada tahun 2021 yang bertajuk Pengetahuan Pedagogi Guru Cemerlang Bahasa Melayu dalam Pengajaran

Komponen Sastera: Satu Kajian Kes. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan dalam meneliti pengetahuan pedagogi dalam aspek guru cemerlang bahasa Melayu melalui pemgajaran KOMSAS. Penguasaan terhadap pedagogi membantu dalam mencapai matlamat sesebuah pembelajaran KOMSAS yang mampu mewujudkan kecekapan berbahasa seseorang pelajar. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang merangkumi kepada kaedah temu bual melibatkan tujuh orang responden terpilih bertujuan dalam mendapatkan data. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa, pengetahuan pedagogi didapati melalui aspek pendekatan yang dipilih. Ia juga membantu dalam menjadikan panduan kepada guru-guru bahasa Melayu mengenai keperluan dalam mempelajari pengetahuan pedagogi bertujuan dalam melaksanakan proses PdP dengan lebih baik melalui KOMSAS.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini memperlihatkan tentang kajian-kajian lepas yang mendasari kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu berkenaan dengan nilai dalam pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) serta seangkatannya. Berdasarkan kepada pemerhatian dan penilaian yang dibuat terhadap kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji lain, jelas ia akan membantu pengkaji dalam memantapkan lagi kajian yang dijalankan terutama dalam aspek sorotan kajian atau kajian literatur. Hal ini kerana, kajian literatur berkait rapat dengan kajian yang dijalankan serta mempunyai pelbagai persamaan dan perbezaan dengan kajian yang dikaji. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelompongan terhadap kajian mengenai nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) dalam KOMSAS kerana ianya tidak begitu difokuskan dalam kajian-kajian lepas yang sedia ada. Justeru itu, kajian ini diharapkan menjadi penambahan baru terhadap sorotan kajian literatur pada masa akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan suatu kaedah dalam menganalisis dan mengumpul data bertujuan dalam memperlihatkan kebenaran yang menyokong sesebuah kajian yang dilakukan. Melalui metodologi kajian, sesuatu masalah dan persoalan yang dikaji dapat diselesaikan mengikut kaedah dan teknik yang telah ditetapkan. Setiap kaedah analisis yang dibuat bertujuan dalam memberikan kefahaman yang lebih meluas tentang sesuatu kajian yang dijalankan. Oleh yang demikian, dalam bab ini, pengkaji lebih memperincikan perbincangan mengenai setiap kaedah yang diaplikasikan bertujuan dalam menganalisis setiap kerangka objektif yang disediakan. Bahagian ini juga memperlihatkan perincian setiap hal yang berkaitan dengan struktur kajian, kaedah kajian dan cara dalam penganalisisan teks. Kaedah pengumpulan data juga diaplikasikan untuk menganalisis serta perkara ini dibahagikan kepada beberapa langkah yang bersesuaian dengannya. Pemilihan data yang dijalankan haruslah bertepatan dengan penilaian kepada objektif kajian yang telah diketengahkan. Pengaplikasian pendekatan moral di bawah teori Pengkaedahan Melayu juga diterangkan secara terperinci dalam bab ini yang akan mendasari kepada cara pengaplikasiannya.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian bertujuan dalam mentafsir hala tuju yang berlandaskan kepada kajian yang dijalankan agar analisis dapat dibuat dengan sistematik dan tersusun serta ia juga

memperlihatkan ketepatan data yang diperolehi pengkaji dalam mengemukakan data yang benar dan relevan. Reka bentuk kajian ini dilaksanakan adalah untuk menggambarkan tentang ringkasan kepada proses kajian yang dilakukan. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang merangkumi kepada proses pengumpulan, penelitian serta penganalisisan maklumat dan data dengan terperinci. Reka bentuk kajian yang dilakukan dalam sesuatu penyelidikan berfungsi dalam memperincikan pemerolehan hasil bagi analisis dalam mengimbangi setiap persoalan-persoalan kajian yang diperuntukkan. Perkara ini juga adalah bertujuan dalam mencapai setiap objektif-objektif yang telah digariskan dalam kajian yang dihasilkan pengkaji. Objektif-objektif tersebut adalah seperti yang tertera:

1. Mengenal pasti unsur pendidikan yang terdapat dalam Komponen Sastera (KOMSAS) melalui konsep Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI).
2. Menganalisis penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) dalam novel Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih menggunakan teori Pengkaedahan Melayu.

Seterusnya, dalam usaha untuk mencapai setiap objektif tersebut, pengkaji telah mencuba dan berusaha sebaiknya dalam mencipta sebuah kaedah dan solusi yang dapat merealisasikan tujuan kajian ini dijalankan. Hal ini dapat dibuktikan melalui, penganalisisan serta penghasilan proses penilaian berdasarkan kepada beberapa tinjauan kepada kajian lain. Beberapa penelitian juga dijalankan sebelum pengkaji memperuntukkan tajuk kajian yang akan dikaji dalam usaha untuk mengelakkan berlakunya sebarang pertindihan tajuk dengan pengkaji lepas yang lain. Setelah melalui proses pemilihan tajuk yang sesuai, pengkaji akan mula menganalisis novel Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih dengan terperinci, yang berlandaskan kepada objektif serta persoalan kajian yang dijalankan. Setiap data-data yang dikumpul dan diperolehi melalui kaedah kajian yang digunakan, pengkaji akan menghasilkan satu analisis yang sistematik

agar setiap data tersebut bertepatan dengan rangkuman hujah-hujah yang diperlihatkan dalam dapatan kajian. Pengaplikasian pendekatan moral di bawah teori Pengkaedahan Melayu juga menjadi tunggak utama kepada kaedah kajian ini yang akan memperuntukkan keseluruhan analisis yang berlandaskan kepada objektif kajian yang ditetapkan.

### 3.3 Kaedah Kajian

Kaedah yang dijalankan melalui kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kajian ini memperincikan kajian mengenai teks Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih dan pemilihan ini bukanlah meliputi dari kesemua aspek namun ia mendasari kepada aspek nilai Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) yang diterapkan dalam setiap teks KOMSAS tersebut. Pembacaan serta penilaian mengenai teks juga dijalankan bertujuan dalam memberikan kefahaman yang merangkumi kepada segala inti pati serta maklumat yang terdapat dalam teks KOMSAS terpilih. Melalui penilaian tersebut juga, pengkaji akan lebih mengetahui dan memahami aspek-aspek berkaitan penerapan nilai moral yang berteraskan kepada objektif dan persoalan kajian melalui teks KOMSAS. Selain daripada itu, kaedah ini juga mampu dalam memberikan gambaran serta pemahaman konsep yang lebih jelas sekaligus dapat membantu pengkaji dalam proses pengumpulan data yang selaras dengan penekanan dari aspek kajian yang dijalankan pengkaji.

Pengumpulan data dari aspek kajian kepustakaan serta sumber internet juga dijalankan bertujuan dalam mengukuhkan lagi hujah yang dilakukan berdasarkan kepada teks KOMSAS yang dikaji. Penerapan nilai JERI dalam teks adalah bertunjang kepada kelestarian pendidikan sastera yang lebih ilmiah. Kajian ini juga mengaplikasikan

pendekatan moral yang ditelusuri daripada teori Pengkaedahan Melayu dalam menghasilkan pengumpulan data yang lebih sistematik dan tersusun yang merangkumi kepada justifikasi bagi sesuatu perkara. Pendekatan moral yang berada di bawah teori Pengkaedahan Melayu menjadi asas atau tunjang kepada penelitian terhadap aspek nilai moral yang dianalisis dalam kajian ini. Secara jelasnya, dapat dikatakan bahawa, setiap kaedah kajian yang diaplikasikan bertujuan dalam memenuhi keseluruhan aspek kajian yang dijalankan.


### **3.3.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan tertumpu kepada aspek penelitian dan penyelidikan terhadap bahan yang terdapat di perpustakaan. Pengumpulan data bagi kaedah ini lebih memperincikan pencarian dari aspek kepustakaan. Pengkaji menjalankan pembacaan melalui penulisan yang telah diterbitkan, iaitu mendasari kepada nilai moral yang terdapat dalam teks KOMSAS. Pengkaji memperoleh data daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Bachok (UMK), Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Pustaka Awam Kampung Raja, Besut serta Perpustakaan Awam Daerah Marang, Terengganu. Kaedah ini juga akan merangkumi kepada pencarian data di perpustakaan sekolah kerana kajian ini melibatkan teks KOMSAS yang biasanya terdapat di sekolah. Kaedah kepustakaan ini juga dijalankan dengan membuat penelitian sepenuhnya melalui bahan serta dokumen yang berkaitan dengan penulisan kajian.

### **3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual**

Menurut Nik Murshidah Nik Din et al. (2018), melalui pandangan yang dinyatakan oleh Joubish, Muhammad Farooq dan Muhammad Asyraf (2011), analisis tekstual dijelaskan

sebagai satu metodologi kesarjanaan yang tinggi dan penting dalam sesebuah kajian yang dijalankan kerana ia merangkumi kepada pengkaryaan, kesahihan dan pemaknaan bagi sesebuah teks. Setiap dokumen yang berkaitan seharusnya dianalisis dengan baik agar pengkaji dapat memperoleh maklumat dan data yang tepat serta sahih dalam melaksanakan kajian ini. Melalui kaedah analisis tekstual yang dijalankan, pengkaji dapat menghasilkan suatu kajian yang lengkap dan tersusun.



Rajah 3.1: Kaedah Analisis Tekstual

### 3.3.3 Sumber Internet


Sumber Internet juga menjadi satu elemen yang berfokuskan kepada pengumpulan data dalam menjalankan kajian ini. Setiap data dan maklumat yang diperolehi dari sumber Internet adalah sahih, lengkap dan berkualiti bagi memperuntukkan analisis dan dapatan kajian yang berpandu kepada kebenaran. Pengkaji juga menganalisis dan menapis setiap sumber yang diperoleh sebelum dijadikan sebagai bahan rujukan bagi kajian yang dijalankan. Pelbagai laman sesawang ilmiah seperti laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka, laman sesawang rasmi pendidikan kerajaan serta laman sesawang tokoh dijadikan sebagai rujukan kepada kajian yang dijalankan pengkaji. Selain daripada laman sesawang rasmi tersebut, laman sesawang seperti *Academia*, *Scribd*, *Google Scholar*, *Course Hero* dan sebagainya turut dijadikan rujukan oleh pengkaji. Pelbagai maklumat serta hasil penyelidikan yang terdahulu dapat diperolehi melalui laman sesawang yang disenaraikan tersebut. Setiap daripada data-data dan kajian lepas yang diambil dan didapatkan melalui laman sesawang tersebut dianalisis serta pengambilan data tersebut juga dijalankan secara beretika dalam memastikan jaminan terhadap ketulenan dan kesahihan bagi sesebuah maklumat.

### 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan satu teori yang dipelopori oleh seorang sarjana terkenal dalam bidang kesusasteraan iaitu Hashim Awang. Teori ini mula diperkenalkan sekitar tahun 1989 yang didasari kepada keseluruhan aspek kehidupan seseorang individu atau manusia. Hal ini merangkumi kepada cara kehidupan, kebudayaan, kepercayaan setempat masyarakat Melayu yang diketengahkan dalam sesebuah karya penulisan. Ia

juga memberikan penilaian serta penelitian mengenai karya-karya sastera Melayu. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Hashim Awang (1997), yang menegaskan bahawa sesebuah karya penulisan yang dihasilkan haruslah secara dinamik dan memerlukan penelitian secara menyeluruh tanpa ada sebarang pengecualian. Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu jelas dianggap bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, teori ini mampu dalam menganalisis karya sastera dengan lebih mendalam melalui pelbagai aspek termasuklah teks KOMSAS.

Teori Pengkaedahan Melayu dihasilkan melalui beberapa asas utama yang merangkumi kepada budaya, cara hidup, perspektif pandangan dunia, alam semesta serta aspek agama Islam masyarakat Melayu yang mendasari kepada penciptaan karya sastera yang ilmiah (Hashim Awang, 1995). Teori ini juga merangkumi kepada pandangan yang menyeluruh mengenai sesuatu sudut pandangan yang berkisarkan kepada masyarakat Melayu. Berdasarkan kepada pandangan oleh Abdul Halim Ali (2013), sesebuah teori yang diciptakan adalah bertunjangkan kepada penelitian terhadap hasil seni masyarakat Melayu dan perkara itu seharusnya bersesuaian dengan unsur dalam dunia Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua pengkaedahan utama iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Agama. Melalui dua pengkaedahan tersebut, ia dipecahkan kepada beberapa pendekatan yang merangkumi kepada keseluruhan pengkaedahan tersebut.



Rajah 3.2: Teori Pengkaedahan Melayu

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa, teori Pengkaedahan Melayu merupakan sebuah teori yang mampu untuk menelusuri segala elemen berkaitan dengan estetika serta nilai yang terdapat dalam sesebuah karya sastera Melayu. Melalui hal tersebut, pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan moral dalam penghasilan data bagi kajian yang dijalankan bertujuan dalam memenuhi objektif yang ditetapkan. Ini kerana, teori ini mampu dalam menjadi dasar kepada pembentukan nilai moral serta pembangunan bagi sesebuah modal insan.

### 3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Pengkaedahan Melayu

Permulaan kepada pengasasan teori Pengkaedahan Melayu adalah pada tahun 1989 yang dipelopori oleh Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu awalnya dibentangkan buat pertama kali di Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Menurut Abdul Halim Ali (2013), menyatakan bahawa teori ini dikemukakan oleh Hashim Awang yang didasari kepada *Taj al-Muluk* yang diterbitkan oleh Muktabah Wamatbaah Wal Maari'f, Pulau Pinang. Teori Pengkaedahan Melayu dikatakan dicipta berdasarkan kepada beberapa aspek penting antaranya seperti kekurangan atau kelompongan yang terdapat pada teori-teori kritikan Barat. Hal ini dikatakan demikian kerana, teori-teori daripada Barat tidak berupaya dalam menghasilkan pemerhatian yang terperinci serta terdapat kelangkaan yang menyebabkan beberapa perkara penting tidak dapat dijelaskan dengan baik.

### 3.4.2 Ciri-Ciri Pendekatan Moral

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan pendekatan moral di bawah teori Pengkaedahan Melayu sebagai satu aspek dalam menganalisis data dengan lebih mendalam. Ciri-ciri sesebuah pendekatan itu dapat ditelusuri melalui konsep dan prinsip yang menjadi tunggak kepada kemenjadinya. Jika dilihat kepada pandangan Arpan Shahbudin (1999), setiap usaha dalam menghasilkan karya seharusnya serius dan ideanya lahir dari hati setiap individu itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap karya-karya yang dihasilkan bertujuan dalam memberikan elemen kebaikan kepada manusia. Itulah pendefinisian sebenar kepada tujuan sastera yang membentuk moral. Oleh yang demikian, jelas dilihat bahawa, konsep dan prinsip utama melalui pendekatan moral dapat dilihat menerusi setiap hasil karya yang diciptakan seharusnya dimuliakan. Hal ini dikatakan

demikian kerana, karya yang baik seharusnya bermoral dan hal itu dapat dilihat menerusi ketinggian moral yang disampaikan dalam karya tersebut. Menurut Mana Sikana (2009), sesebuah karya yang tidak bermoral adalah sesuatu yang tidak bernilai.

Seterusnya, konsep dan prinsip yang kedua dalam pendekatan moral dapat dilihat dengan ia mementingkan isi daripada bentuk. Dalam konteks ini, aspek isi dapat dianggap sebagai persoalan kepada kemenjadian sesuatu isu semasa. Jadi, pendekatan moral memperincikan karya sastera sebagai satu arah kepada pembentukan masyarakat yang lebih sensitif dengan isu semasa. Konsep dan prinsip yang ketiga pula melalui pendekatan moral ialah penganalisisan sastera dihasilkan dari sudut didaktik. Didaktik membawa makna kepada unsur pengajaran yang terdapat dalam sesebuah hasil karya sastera, yang mampu menjadi panduan kepada para pembaca. Melalui hal ini, setiap karya sastera menggalas tanggungjawab etika sebagai satu alat kepada penerapan nilai moral dalam masyarakat. Akhir sekali, konsep dan prinsip melalui pendekatan moral dapat dilihat menerusi empat dasar yang menjadi tunggak kepada pendekatan moral. Dasar-dasar tersebut merangkumi kepada karya sastera sebagai aspek kepada pembangunan tamadun bangsa, kemasyarakatan, kecemerlangan pengsejarahan sesuatu bangsa dan kemajuan akhlak dan moral secara universal.

### **3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Pendekatan Moral**

Kaedah pengaplikasian pendekatan moral dapat dianalisis melalui empat kaedah kritikan yang digunakan dalam pendekatan moral. Pertama, ia dilihat menerusi aspek isi yang terdapat dalam sesebuah karya sastera. Dalam konteks ini, aspek isi merangkumi kepada tema utama karya tersebut yang mewujudkan persoalan, pemikiran, falsafah dan makna tersurat dan tersirat yang kesemuanya akan meliputi kaedah pengaplikasian pendekatan

moral. Peringkat kedua dalam kaedah pengaplikasian pendekatan moral adalah perbincangan mengenai aspek moral dalam sesebuah karya. Aspek moral yang ditegaskan adalah berbentuk pengajaran atau pendidikan yang terdapat atau disampaikan dalam karya tersebut. Dalam peringkat ini, ia akan menghuraikan elemen-elemen moral tersebut mendasari kepada unsur didaktik. Menerusi pandangan Mana Sikana (2009), perbincangan dalam aspek pendidikan moral dalam karya sastera akan menjadi ‘inti’ utama kepada kaedah pengaplikasian pendekatan moral.

Seterusnya, kaedah pengaplikasian pendekatan moral juga dapat dilihat menerusi nilai yang dipersembahkan dalam karya. Dalam konteks ini, nilai tersebut menjadi elemen kepada hal yang berkaitan dengan baik atau buruk sesuatu perkara. Nilai merangkumi kepada semua perkara yang berkaitan dengan hal tersebut. Kaedah pengaplikasian pendekatan moral yang terakhir dapat dilihat menerusi penelitian terhadap pengaruh atau kesan sesebuah karya tersebut kepada para pembaca. Hal ini merangkumi kepada faktor sesebuah karya meninggalkan kesan yang mendalam ataupun sebaliknya dalam jiwa pembaca. Kesan itu juga meliputi kepada kesan yang membawa kepada jangka masa panjang atau pendek seiring dengan zamannya. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa, kaedah pengaplikasian pendekatan moral memberatkan aspek tema serta nilai pengajaran dan kesannya kepada seseorang individu.

#### **3.4.4 Pendekatan Moral**


Menurut Hashim Awang (1999), kesusasteraan merupakan sesuatu yang didasari kepada pendekatan yang diterapkan, iaitu kesusasteraan dalam bentuk kejadian mahupun objek. Namun, jika ia didasari kepada pendekatan moral, ia lebih memperlihatkan kewujudan peristiwa yang bersifat pengalaman hidup seseorang manusia. Pendekatan moral

merupakan satu pendekatan yang mendasari kepada pendekatan gunaan. Pendekatan moral merangkumi kepada perkara yang berbentuk sifat yang dapat dijadikan contoh atau teladan kepada manusia. Ia merangkumi kepada sifat baik yang terdapat dalam diri seseorang manusia. Contohnya, dapat dilihat menerusi pengalaman seseorang yang didasari kepada kejiwaan, kepercayaan, kemasyarakatan dan sebagainya. Perkara yang terdapat dalam pengalaman tersebut membantu dalam mempengaruhi pembentukan jati diri seseorang manusia. Pendekatan moral juga dilihat lebih menekankan kepada aspek penilaian terhadap moral dan hubungan budaya iaitu merangkumi kepada penilaian yang bercorak agama, kebudayaan dan falsafah.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 3.5 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dapat memperlihatkan gambaran keseluruhan kepada pengaplikasian metodologi kajian bertujuan dalam mencapai setiap objektif kajian yang telah ditetapkan.



### Rajah 3.3 Kerangka Kajian

#### 3.6 Kesimpulan

Dapat dibuat rumusan bahawa, setiap kaedah kajian yang diaplikasikan menerusi kajian ini bertujuan dalam menganalisis data dan mencipta hujah yang mendasari kepada fakta yang sahih dan relevan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui metodologi kajian yang dijalankan, setiap maklumat serta fakta yang diperoleh telah dikenal pasti kesahihan sumber dan kerelevannya. Oleh yang demikian, metodologi kajian amat penting dalam sesebuah kajian kerana ia merangkumi kepada penjelasan mengenai fungsi sesebuah kajian, penerangan berkaitan pengaplikasian kaedah kajian serta pendedahan yang meluas dalam konteks pendekatan moral yang berada di bawah teori Pengkaedahan Melayu bagi menganalisis penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) serta unsur pendidikan yang terdapat dalam teks KOMSAS. Dengan pemahaman berkaitan pengaplikasian pendekatan moral yang meluas, ia akan memudahkan proses penganalisisan data bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih berkualiti.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 4


### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan


Bab ini memperuntukkan hasil dapatan kajian yang akan meningkah setiap objektif kajian pertama dan kedua secara lebih terperinci, yang dicapai melalui hasil penganalisisan teks dan metodologi kajian yang dijalankan. Setiap dapatan kajian yang diperoleh adalah melalui kaedah kualitatif yang diaplikasikan bagi mencapai objektif pertama iaitu untuk mengenal pasti unsur pendidikan yang terdapat dalam Komponen Sastera (KOMSAS) melalui konsep Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) serta objektif kedua iaitu menganalisis penerapan nilai JERI dalam novel KOMSAS terpilih menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini akan memperincikan unsur-unsur pendidikan yang terdapat dalam novel KOMSAS, dengan memperuntukkan konsep nilai JERI yang meliputi kepada perincian nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek yang terdapat dalam sesebuah novel.

Penelitian serta analisis yang dihasilkan hanya dibataskan kepada penggunaan teks KOMSAS tingkatan satu hingga lima dalam Zon C (Terengganu) sahaja, yang meliputi kepada novel *Formula Termodinamik* karya Obasiah Haji Usman, *Jejak Monpus* karya Zulaiha Paikon, *Chot* karya Azizi Haji Abdullah, *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin dan *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusof. Setiap teks dan petikan novel akan dianalisis secara terperinci berdasarkan kepada pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral. Melalui perkara tersebut, sebuah

justifikasi yang kukuh dapat dihasilkan berlandaskan kepada objektif dan persoalan kajian, sekaligus ia dapat menghasilkan dapatan kajian yang lengkap dan terperinci.



Rajah 4.1: Kerangka Analisis Bab 4



Rajah 4.2: Kerangka Penganalisisan Teori Bab 4

## 4.2 Unsur Pendidikan

Pendidikan bermaksud pengetahuan, nilai, sikap dan kemahiran yang disampaikan melalui usaha sistematik yang dilaksanakan oleh sesuatu masyarakat dalam memperkembangkan potensi individu. Selain itu, pendidikan juga membawa makna kepada perihal mendidik. Definisi pendidikan juga adalah proses pengubahan sikap dan tata laku seseorang atau sebuah kelompok manusia, dalam usaha mendewasakan manusia melalui keupayaan pengajaran dan pelatihan. Matlamat umum pendidikan adalah untuk melahirkan individu yang dapat mengawal persekitaran. Selain itu, matlamat pendidikan adalah untuk membentuk insan yang dapat menentukan objektif-objektifnya tersendiri.

Pendidikan juga mampu melahirkan individu yang dapat menyatakan sesuatu dengan jelas. Sistem pendidikan juga bermatlamat untuk mewujudkan individu yang dapat bertanggungjawab terhadap kebajikan masyarakat. Melalui pendidikan juga, seseorang dapat memberi sumbangan terhadap pembentukan semula masyarakat.

Objektif pendidikan pula adalah untuk mengadakan satu sistem pendidikan untuk mengintegrasikan perpaduan kaum. Seterusnya, objektifnya adalah untuk menyediakan pendidikan dan latihan untuk mendapatkan tenaga rakyat yang berguna bagi pembangunan negara. Objektif pendidikan juga adalah untuk meninggikan mutu pelajaran dalam usaha membentuk masyarakat yang progresif berorientasikan sains dan teknologi. Pendidikan juga menyediakan peluang-peluang pendidikan yang saksama kepada semua murid dari pelbagai peringkat. Dapat disimpulkan bahawa, unsur-unsur pendidikan merujuk kepada komponen-komponen yang bersepada dalam usaha untuk membentuk sistem pendidikan yang lebih terarah dan tersusun dalam suatu masyarakat.

Unsur-unsur tersebut mencakupi kepada kurikulum, pengajaran dan pembelajaran (PdP), linkungan pemahaman murid sekaligus melibatkan peranan guru dan para pelajar. Kurikulum merupakan satu rencana pembelajaran yang memfokuskan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang diintegrasikan di luar bilik darjah dalam inisiatif untuk mencipta peluang kepada para pelajar mengukuhkan lagi kemahiran serta nilai-nilai yang dipelajari di bilik darjah. Pengajaran pula membawa erti kepada cara seseorang guru menghasilkan idea dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru merupakan salah satu pemangkin utama dalam sesebuah pembelajaran sekaligus menjadikan murid sebagai penerima ilmu tersebut. Setiap unsur ini saling berinteraksi di antara satu sama lain dalam mencapai tujuan pendidikan, iaitu dalam memberi makna mengenai pengetahuan, keterampilan, dan nilai kepada generasi-generasi muda.

#### **4.2.1 Unsur pendidikan melalui konsep JERI**

Dalam sesebuah novel, unsur-unsur pendidikan dapat diperlihatkan melalui pengaplikasian beberapa aspek yang berkait rapat dengan setiap unsur tersebut. Pada umumnya, beberapa unsur pendidikan yang terdapat dalam novel adalah meliputi kepada kehadiran nilai-nilai moral yang diselitkan pada penceritaan sesebuah novel. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan novel atau penulisan mengandungi nilai-nilai etika mahupun pesanan moral yang bertujuan dalam menghasilkan pembelajaran terhadap pembaca mengenai aspek-aspek kebaikan atau nilai murni. Hal ini memperlihatkan perkaitan yang rapat dengan tujuan dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berusaha dalam melahirkan individu yang berakhhlak mulia, berilmu serta bertanggungjawab sebagai ikon warganegara yang baik. Jelas dilihat bahawa, pendidikan menjadi asas utama dalam proses pembinaan insan yang lebih seimbang dan bersepadu sekaligus mampu menjadi saluran utama untuk menjayakan hasrat negara Malaysia.

#### **4.2.2 Konsep JERI**

Matlamat serta hasrat sistem pendidikan di Malaysia dapat dilihat melalui pembentukan sebuah falsafah pendidikan yang merangkumi kepada keseluruhan pengenalan mengenai unsur dan nilai sesuatu pendidikan. Falsafah Pendidikan Negara (FPN) telah digubal dan diperkenalkan pada tahun 1987, seterusnya ditukarkan nama kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) melalui semakan semula yang dilakukan pada tahun 1996. Perkara ini digubal dan direncanakan bertujuan dalam melahirkan warganegara dan golongan pelajar yang bersahsiah tinggi serta seimbang dari empat nilai atau elemen utama, terdiri daripada Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI), yang bertunjangan kepada rukun negara yang pertama iaitu kepercayaan kepada tuhan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan

bertunjangkan kepada aspek membangun, membentuk dan mengembangkan lagi potensi diri seseorang individu ke arah yang lebih baik serta menghasilkan pembangunan insan yang seimbang serta harmoni, berlandaskan kepada aspek keagamaan dan didasari kepada al-Quran dan al-sunnah.



Rajah 4.3: Pengkelasan konsep JERI

### 4.3 Jasmani

Aspek pendidikan telah membawa kesan yang besar kepada setiap kehidupan manusia khususnya dalam mengekalkan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan ke arah yang lebih baik sekaligus didasari kepada pelbagai peluang kehidupan mendatang. Perkara ini dijelaskan demikian kerana, melalui aspek pendidikan, ia berupaya dalam melahirkan seseorang individu yang mampu untuk mengendalikan hidup yang lebih berkualiti, didasari kepada apa yang telah diperuntukkan. Melalui kenyataan yang diwartakan ini, tidak dapat dinafikan lagi bahawa konsep jasmani mempunyai perkaitan yang amat rapat

dengan aspek pendidikan. Pelbagai objektif serta matlamat yang didasari kepada konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), telah berjaya dicapai melalui nilai jasmani ini. Hal ini juga memberikan sumbangan yang besar dalam memastikan kelestarian objektif pendidikan utama, iaitu menyeimbangkan seseorang individu dari pelbagai aspek termasuklah jasmani dapat digarapkan dengan baik. Objektif ini juga menjadi faktor tambahan kepada pengelasan tentang setiap nilai penghargaan, pertimbangan dan juga sikap seseorang individu itu sendiri.

Jasmani merupakan unsur fizikal yang terdiri daripada dua elemen utama iaitu jasad dan tubuh badan. Menurut T. Cholik Muthohir (1999), jasmani dapat didefinisikan sebagai suatu keadaan yang menggambarkan kemampuan atau keupayaan seseorang individu dalam menjalankan sesuatu tugas secara produktif tanpa mengalami keleseuan atau keletihan yang terlampaui berlebihan. Hal ini turut diperjelaskan lagi dengan ideologi yang dilontarkan oleh Nik Hassan Basri (2005), yang menyatakan elemen pengajaran kesusasteraan dalam Bahasa Melayu seperti Komponen Sastera (KOMSAS) menjadi elemen utama yang sesuai dalam usaha menerapkan kecerdasan dan kecergasan jasmani. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur jasmani dilihat sebagai satu asas utama dalam aspek pendidikan, disebabkan kerana ianya melibatkan penggunaan otak serta badan yang seharusnya berfungsi secara bersama. Ia bersesuaian dan seajar dengan konsep jasmani yang dapat dibahagikan kepada dua elemen utama iaitu, kecerdasan dan kecergasan. Dalam konteks kajian ini, novel KOMSAS iaitu *Formula Termodinamik dan Chot* mempamerkan nilai jasmani melalui dua elemen utama iaitu kecerdasan dan kecergasan.

#### 4.3.1 Kecergasan

Kecergasan fizikal merupakan keupayaan seseorang individu dalam menjalani aktiviti yang melibatkan sukan secara fizikal dan fisiologi tanpa menyebabkan keadaan keletihan

yang melampau (Davis, 1991). Melalui Wildor Hollman (1991) pula, kecergasan fizikal dapat didefinisikan sebagai kemampuan seseorang dalam melakukan sesuatu tugas secara fizikal. Kecergasan fizikal juga dapat dijelaskan sebagai kemampuan seseorang dalam melakukan sebarang aktiviti harian dengan sempurna tanpa keletihan dan masih mampu untuk menjalankan aktiviti yang lebih mencabar (Clarke, 1976). Kecergasan fizikal merupakan satu aspek yang penting dalam diri seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kecergasan fizikal dapat memberikan gambaran terhadap tahap keupayaan seseorang individu dalam menjalankan sesuatu perkara. Tambahan, tahap kecergasan fizikal bukanlah hanya dinilai melalui seseorang yang tidak mempunyai sebarang penyakit, namun ia juga ditentukan melalui pretasi tahap kecergasan individu tersebut. Novel *Formula Termodinamik* memaparkan elemen kecergasan fizikal melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Usamah mengerti situasi yang sedang berlaku. Dia segera berlari dengan pantas untuk meninggalkan Amir dan Asma. Dia mengejar Adnin dan Zaid yang berada di depan, dan beberapa orang rakan lagi.	Elemen kecergasan fizikal.	1

Melalui petikan di atas, jelas ianya menunjukkan elemen kecergasan fizikal yang diterapkan oleh pengarang dalam novel. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Usamah yang cergas dan pantas dalam melakukan larian untuk meninggalkan rakannya Amir dan Asma yang dianggap sedang ‘berduaan’. Usamah meninggalkan mereka dengan membuat larian adalah disebabkan, Usamah beranggapan dirinya telah mengacau mereka berdua. Hal ini menunjukkan bahawa, Usamah mempunyai kecergasan fizikal yang baik kerana mampu untuk membuat larian dengan pantas. Kecergasan fizikal dapat didefinisikan

sebagai satu keadaan yang memperlihatkan fizikal seseorang individu itu membolehkan ia melakukan sebarang aktiviti harian secara bersahaja dan efektif, mengambil sesuatu bahagian dalam sukan atau aktiviti riadah, namun masih mempunyai tenaga yang mencukupi jikalau terdapat hal-hal kecemasan berlaku (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012). Hal ini sejajar dengan pemahaman tentang komponen utama dalam kecergasan fizikal iaitu komposisi badan serta ketahanan sistem jantung. Jelas dilihat bahawa, Usamah mempunyai komposisi badan serta ketahanan sistem jantung yang baik kerana mampu dalam membuat larian pantas dengan bersahaja. Kecergasan fizikal Usamah juga dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
<p>Usamah bingkas. Dia cuba mengejar Amir. Ketika Amir memijak batu-batu kerikil, kakinya tergelincir. Dia segera berpaut pada sebatang pohon yang rendang. Tangannya bergayut. Cengkaman tapak kakinya tidak kukuh.</p> <p>Usamah menggunakan kepakarannya sewaktu mendaki Gunung Tahan ketika masih dalam sekolah menengah rendah. Dia lebih cekap mendaki bukit berbanding dengan Amir. Kaki dan mata Usamah lebih awas melihat batu kerikil yang licin.</p>	Elemen kecergasan fizikal.	40

Melalui petikan di atas, dapat dilihat bahawa, Usamah mempunyai kepakaran fizikal yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, Usamah mampu dalam mengawal badan dan lebih pakar mendaki bukit berbanding rakannya, Amir. Ini disebabkan kerana, Usamah mempunyai kemahiran dalam mendaki bukit berdasarkan kepada pengalamannya yang pernah mendaki Gunung Tahan sewaktu sekolah menengah rendah.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2012), komponen kecergasan fizikal dapat dibahagikan kepada 11 komponen utama yang setiapnya terdiri daripada lima komponen berkaitan dengan hal kesihatan, manakala enam komponen lagi berkaitan hal kemahiran. Jika dilihat menerusi watak Usamah, jelas ia menunjukkan komponen berkaitan kemahiran yang meliputi ketangkasan, keseimbangan, koordinasi, kelajuan, masa reaksi dan kepantasan atau kecepatan. Selain itu, kecergasan fizikal juga dapat dilihat menerusi novel *Chot* karya Azizi Haji Abdullah melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Murid-murid yang lain kelihatan berlari-lari suka ke sana sini, bermain aci lut, bermain ceki dan melambung-lambung bola. Mereka sudah makan.	Merangkumi elemen kecergasan dan kecerdasan fizikal.	40

Berdasarkan kepada petikan novel *Chot* di atas, jelas ia menunjukkan kecergasan fizikal yang dapat dilihat menerusi watak pelajar yang aktif bermain dan berlari-lari tanpa memikirkan sebarang masalah. Keaktifan pelajar dapat difahami dan ianya boleh diselaraskan dengan ayat '*Mereka sudah makan*'. Itu membawa kepada pengertian yang menyatakan bahawa makan memberikan seseorang individu itu lebih bertenaga dalam melakukan sebarang aktiviti harian. Hal ini dapat dinilai berdasarkan kepada penulisan oleh Muhamad Razis Ismail (2022), yang menyatakan perkaitan waktu makan dan kecergasan fizikal adalah elemen yang penting dan saling berkait. Tambahan, pemakanan dapat mengoptimumkan prestasi pelajar kerana makanan memberikan tenaga serta nutrisi yang seimbang berdasarkan kepada aktiviti fizikal yang dilakukan. Jadi, kecergasan fizikal pelajar yang ditunjukkan dalam petikan di atas seperti berlari, bermain bola dan sebagainya melambangkan bahawa pemakanan memainkan peranan penting dalam konteks kecergasan fizikal.

Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan bahawa, kecerdasan fizikal dilihat selari dengan pendekatan moral. Hal ini dapat dijelaskan dengan, pendekatan moral yang memberikan fokus kepada empat teras utama, termasuklah aspek moral dalam sesebuah karya. Aspek moral dibahagikan kepada dua iaitu pengajaran dan pendidikan. Tambahan, Mana Sikana (2009) menyatakan bahawa, penguraian setiap elemen moral tersebut adalah didasari kepada unsur didaktik yang menjadi ‘inti utama’ kepada pengaplikasian pendekatan moral. Jelas dilihat bahawa, jasmani dan pendidikan merupakan dua perkara yang berkait rapat di antara satu sama lain. Hal ini bersesuaian dengan teras utama pendekatan moral yang amat memfokuskan kepada aspek pendidikan. Pendidikan dalam jasmani memaparkan objektif tersendiri, yang lebih cenderung kepada kemenjadian individu dari segi fizikal.

#### **4.3.2 Kecerdasan**

Kecerdasan dapat ditakrifkan sebagai kemahiran dalam menangani dan menyelesaikan sebarang hal atau permasalahan, bersesuaian dengan tempat dan masa. Setiap kemahiran tersebut akhirnya akan menghasilkan output yang efektif dan berkesan. Kecerdasan dapat dibahagikan kepada sembilan kategori kecerdasan yang setiap satunya mencakupi kepada pengembangan elemen kecerdasan iaitu kecerdasan otak (IQ), kecerdasan emosional (EQ) serta kecerdasan spiritual (SQ). Kecerdasan merupakan suatu perkara yang tidak dapat diwarisi dengan mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kecerdasan seseorang manusia boleh dipengaruhi dengan persekitaran semasa, pendidikan, suasana pembelajaran, makanan, budaya dan sebagainya yang kebiasaannya diketahui berbeza-beza mengikut individu tersebut (Gardner, 2000). Novel *Formula Termodynamik* ada

memperlihatkan elemen kecerdasan jasmani yang dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Persaingan sihat, tak apa-apa, Adnin. Takkan memudaratkan sesiapa, sebaliknya akan memajukan diri sendiri,” sahut Usamah.	Elemen kecerdasan.	56
Amir tunduk. Hidung nenek dikepit dengan hujung jari. Dia memberi bantuan pernafasan kepada nenek. Berulang kali dia berbuat demikian.	Elemen kecerdasan.	58

Melalui petikan di atas, jelas ia memperlihatkan elemen jasmani dalam aspek kecerdasan. Ini dapat dilihat melalui watak Usamah yang menerangkan tentang persaingan yang sihat kepada rakannya, Adnin. Persaingan sihat amatlah perlu untuk ditekankan dalam kalangan remaja dan pelajar kerana ia membantu dalam mendapatkan keputusan akademik yang lebih cemerlang (Salman Abadi, 2019). Seseorang individu yang mempunyai daya saing yang kuat, lebih ‘dekat’ untuk berjaya dengan cemerlang. Hal ini dikatakan demikian kerana, persaingan mampu dalam mempengaruhi kesejahteraan emosi, sosial, mental dan psikologi seseorang remaja (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Dari petikan di atas juga, kecerdasan jasmani dapat dilihat menerusi watak Amir yang berani dan pandai melakukan bantuan pernafasan (CPR) kepada neneknya yang tiba-tiba tidak sedarkan diri. Hal ini menunjukkan kecerdasan Amir yang mampu untuk berfikir dalam keadaan yang genting serta dapat menjalankan bantuan pernafasan tanpa meminta bantuan dari siapapun. Jelas bahawa, Amir mampu dalam menangani masalah dengan cara yang efektif. Penyataan ini bersesuaian dengan pemaknaan kepada kecerdasan yang bertepatan dengan contoh petikan di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Tunggu isyarat Abang Amir. Kemudian pasang kaset rakaman anjing menyalak tu. Kononnya, anjing itu melihat sesuatu yang menakutkan,” celah Usamah. Dia beredar, memasang wayar radio ke bateri yang telah dicas agar aliran elektrik dapat berfungsi. “Perhatikan isyarat tangan aku baik-baik tau.” Usamah mengingatkan Adnin dan Zaid yang bertindak selaku juruteknik.	Elemen kecerdasan.	81

Kecerdasan membawa makna kepada kepakaran atau kemahiran seseorang manusia dalam menyelesaikan dan menangani masalah sesuai dengan masa serta tempat, yang akhirnya menghasilkan penyelesaian secara efektif (Gardner, 1983). Melalui petikan di atas, jelas ia menunjukkan kecerdasan watak Amir dan Usamah yang mampu dalam menghasilkan konklusi untuk memerangkap dan menangkap dua orang pencuri di kampungnya. Strategik yang dihasilkan oleh mereka berjaya memberkas penjenayah tersebut dan mereka dikenakan hukuman yang setimpal. Selain itu, kecerdasan jasmani juga dapat dilihat menerusi petikan dalam novel *Chot* di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Alias belajar cara menyuruh Chot memanjat dan memetik buah daripada bapanya. Pada mulanya memang sukar kerana Chot selalu menunjuk degil. Berkali-kali juga bapanya mengajar, akhirnya Chot mengikut arahan.	Elemen kecerdasan	97
Selalunya kalau ke mana-mana pun, Alias akan membawa sebuah buku bacaan sekolah. Dia menelaah	Elemen kecerdasan	118

sebuah buku Pendidikan Islam yang diselit di pinggangnya ketika datang tadi. Dia membuka bab syarat sah sembahyang yang telah diajar oleh ustaz di sekolah beberapa hari yang lalu. Kata ustaz, semasa peperiksaan penggal nanti, bab itu akan ditanya.		
---	--	--

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelas ia menunjukkan kecerdasan Alias yang belajar untuk mengendalikan seekor beruk dengan arwah ayahnya bertujuan dalam melatih beruk tersebut untuk memanjat dan memetik buah kelapa. Akhirnya, beruk tersebut menjadi asbab rezeki kepada Alias dan ibunya setelah kematian ayahnya. Dengan mempelajari asas pengendalian beruk, Alias mampu untuk membuatkan seekor beruk bernama Chot untuk mengikut arahannya. Dalam petikan di atas juga menunjukkan bahawa, Alias merupakan seorang budak yang rajin dan pandai. Hal ini dapat dibuktikan dengan Alias yang sentiasa menelaah buku pelajaran di setiap masa lapangnya. Dia tidak membiarkan masa lapangnya berlalu dengan begitu sahaja. Jadi, jelaslah bahawa, Alias mempunyai kecenderungan terhadap kecerdasan jasmani yang baik.

Sehubungan dengan itu, kecerdasan dari aspek jasmani jelas dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral menyatakan fokus terhadap pendidikan serta nilai yang memperlihatkan perihal baik dan buruk bagi sesuatu perkara. Jadi, kecerdasan semestinya mempamerkan perihal baik dalam pendidikan yang merangkumi kepada pemikiran kreatif seseorang individu dalam menghasilkan sesuatu inisiatif yang bertunjangkan kepada penyelesaian masalah. Pemikiran kreatif dan kritis seseorang individu berupaya dalam menghasilkan penciptaan sesuatu perkara baru serta mampu dalam mengolah idea yang lebih berkualiti. Pemikiran ini juga mampu dalam merangsang rasa ingin tahu serta menggalakkan perbezaan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Hal ini bertautan

dengan aspek moral yang memberikan fokus kepada sikap bersungguh-sungguh dan tidak mudah putus asa.

#### 4.4 Emosi

Emosi membawa takrifan kepada satu rasa dalaman, refleksi atau bangkitan perasaan yang tercetus melalui hasil tindak balas seseorang manusia terhadap sesuatu pengalaman, peristiwa atau perkara yang berlaku. Emosi yang tercetus adalah seperti emosi marah, gembira, kasih sayang, kecewa dan sebagainya yang berkait rapat dengan apa yang dialaminya (Uthman Najati, 1993). Sebagaimana pendapat oleh Kasmini Kassim (1998) pula, emosi secara umumnya dapat dijelaskan sebagai kata hati atau perasaan. Manusia merupakan golongan benda hidup yang telah diciptakan oleh Allah S.W.T. untuk memiliki emosi serta perasaan yang mampu dalam memberikan pengertian kepada sesuatu perkara. Melalui lima buah novel Komponen Sastera (KOMSAS) yang terpilih, terdapat elemen emosi yang ditemui, dengan mendasari kepada emosi positif dan emosi negatif. Emosi positif terdiri daripada emosi gembira, cinta, kasih sayang, rasa bersalah dan ketenangan, manakala emosi negatif pula terdiri daripada emosi marah, iri hati, putus asa dan sebagainya.

Selain itu, emosi juga dapat dijelaskan sebagai elemen yang penting dalam sesebuah karya sastera kerana ia berupaya dalam menggerakkan sesuatu plot atau penceritaan. Emosi dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada perkara yang dapat membezakan karya sastera dengan buku-buku ilmiah. Dapat dideskripsikan secara umum bahawa, emosi merupakan refleksi manusia terhadap sesuatu perkara atau situasi yang menggambarkan perasaan gembira, kesal, marah dan sebagainya. Asmad (1990) juga ada berpendapat bahawa sesebuah karya itu lahirnya daripada jiwa halus seseorang seniman sastera. Dapat diperjelaskan lagi bahawa, penghasilan sesuatu penulisan serta keindahan

yang wujud pada hasil penulisan yang bernilai seni tidak akan dapat dihasilkan oleh seseorang yang berjiwa kasar. Jiwa-jawa yang mudah tersentuh, kebiasaannya mempunyai rasa seni yang lebih besar daripada jiwa-jawa biasa.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) juga amat memberikan penekanan yang khusus berkaitan dengan konsep emosi kerana setiap individu adalah penting untuk memiliki emosi yang stabil dan terkawal. Hal ini dikatakan demikian juga kerana, kehadiran emosi mampu dalam menangani segala ancaman dalam sesebuah kehidupan yang sentiasa dalam keadaan naik dan turun sekaligus dipalitkan dengan nilai-nilai kemanusiaan yang semakin kian terhakis. Emosi yang stabil berkemungkinan akan menjadikan seseorang pelajar dapat menempuh dan bersedia dalam mengharungi kehidupan yang akan datang. Hal ini juga dipersetujui dengan Jafni (1987) yang menyatakan bahawa, emosi yang stabil dapat menyuburkan setiap trait personaliti yang sekaligus mampu dalam membebaskan diri seseorang individu daripada dibelenggu dengan emosi yang negatif seperti ketakutan, keresahan, dengki, tekanan dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, kelima-lima novel, iaitu *Formula Termodinamik, Jejak Monpus, Chot, Pantai Kasih dan Bimasakti Menari* memaparkan kesatuan emosi yang pelbagai.

#### 4.4.1 Pencirian Emosi Kasih Sayang

Kasih sayang dan cinta merupakan komponen emosi yang kompleks serta membawa kepada perkembangan emosi positif, yang dimiliki oleh setiap manusia (Abdullah Nashih Ulwan, 1996). Kasih membawa makna kepada perasaan cinta, bertimbang rasa dan belas kasihan, manakala sayang merujuk kepada cinta, suka, berasa belas dan kasih. Cinta pula dapat ditakrifkan kepada perasaan sayang, sangat kasih, berahi serta ianya membuatkan selalu teringat-ingat serta tersemat dalam hati. Setiap manusia dibekalkan oleh Allah

S.W.T. dengan perasaan kasih sayang dan cinta di antara satu sama lain, dan ianya berdekatan dan berhubung kait dengan perasaan kasih sayang kepada ibu bapa, adik-beradik, saudara mara, anak, pasangan, harta yang dimiliki dan sebagainya. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (1999), melalui kewujudan perasaan atau emosi yang sebegini, setiap perkara akan menjadi lebih seragam dan terkawal dengan baik. Dalam mengupas emosi kasih sayang dengan terperinci, pengkaji mempamerkan elemen kasih sayang melalui novel Komponen Sastera (KOMSAS) pilihan yang banyak menerapkan perasaan kasih sayang di antara ibu bapa, keluarga dan teman. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Intan risau. Amir dan Usamah belum pulang ke rumah sejak keluar dari pagi tadi. Sehingga kini mereka belum kelihatan. Dia bangun. Duduk. Bangun. Jalan mundar-mandir.	Kasih sayang di antara ibu dan anaknya.	73
“Kalau balik ke sana, takkan tak beritahu,” ujar Intan. Dia bimbang akan keselamatan Amir dan sepupunya itu.	Kasih sayang di antara ibu dan anaknya.	77

Berdasarkan kepada setiap petikan novel *Formula Termodinamik* di atas, jelas ianya menunjukkan elemen kasih sayang yang diterapkan dalam novel iaitu kasih sayang sosok seorang ibu kepada anaknya serta ibu saudara kepada anak saudaranya. Perkara ini dikatakan demikian melalui watak Intan yang sangat menyayangi anaknya, Amir dan anak saudaranya, Usamah melalui perasaan risau yang dipaparkan. Perasaan risau tersebut terjadi kerana anaknya, Amir dan Usamah yang tidak pulang ke rumah setelah seharian berada di luar. Perasaan risau tersebut lahir melalui perasaan kasih sayang ibu kepada anaknya. Dapat dilihat bahawa, Intan merupakan sosok seorang ibu yang sangat

bertanggungjawab dan mementingkan keselamatan diri anaknya, Amir dan anak saudaranya, Usamah. Hal ini dikatakan demikian kerana, watak Intan dipamerkan terlampau risau akan keselamatan Amir dan Usamah yang tidak kunjung tiba dari pagi tadi. Selain itu, kasih sayang di antara ibu dan anak juga dapat dilihat melalui petikan yang terdapat dalam novel *Jejak Monpus* seperti yang tertera di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Qistina terkejut besar melihat keadaan Zahar. Dia semakin cemas apabila diberitahu tentang kejadian yang menimpa anaknya itu.	Kasih sayang di antara ibu dan anaknya.	63
Qistina diam. Hatinya masih keberatan mengizinkan Zahar pergi kerana bimbang akan keselamatan anaknya.	Kasih sayang di antara ibu dan anaknya.	69
“Zahar satu-satunya anak mama. Mama akan berkorban apa-apa saja asalkan anak mama berjaya dalam hidup.”	Kasih sayang di antara ibu dan anaknya.	171

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelas ia memperlihatkan kasih sayang ibu kepada anaknya. Hal ini dikatakan demikian melalui watak Qistina yang amat bimbang dengan kecelakaan yang terjadi kepada anaknya, Zahar. Setiap manusia dilahirkan untuk mencari kestabilan kerja, keselamatan, jagaan masyarakat, undang-undang serta membebaskan diri daripada ancaman luaran maupun dalaman (Mahmood Nazar Mohamed, 1990). Tahap keselamatan ini amat diperlukan bagi menjamin sesebuah kesejahteraan dalam kehidupan. Hal ini turut sama dilakukan oleh watak Qistina iaitu ibu kepada Zahar yang ingin melindungi keselamatan anak lelaki tunggalnya dari ancaman bahaya. Perasaan kasih sayang Qistina kepada anaknya, Zahar turut diselimuti oleh perasaan bimbang yang membalut perasaannya untuk melepaskan Zahar ke Pulau Pisang yang misteri disebabkan oleh kemalangan lampau yang menimpa anaknya itu. Qistina

juga merasa berat hati untuk membiarkan Zahar pergi ke Pulau Pisang disebabkan hanya Zahar seoranglah anak tunggal yang dimilikinya. Petikan di bawah juga menunjukkan elemen kasih sayang yang terdapat dalam novel *Jejak Monpus*.

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Hati-hati, ya, Har. Jangan semberono. Mama doakan selamat pergi, selamat balik,” pesan Qistina sebelum Zahar dan rakan-rakannya bertolak. Zahar mencium tangan ibunya, sebelum memeluk dan mencium pipi wanita itu. “Jaga diri,” pesan ibunya lagi.	Kasih sayang di antara ibu dan anaknya.	76

Melalui petikan di atas, jelas ia menunjukkan elemen kasih sayang yang diperlihatkan melalui kiriman doa yang dibuat oleh Qistina untuk anaknya Zahar sebagai kata keramat untuk memberkati perjalanan anaknya dan rakan-rakan sebelum menuju ke Pulau Pisang yang misteri. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud, *“Tiga doa yang mustajab dengan tidak syak lagi padanya: Doa seorang yang dizalimi, doa seorang yang bemusafir dan doa ibubapa kepada anaknya.”* (Riwayat Ibn Majah 3862). Jadi, dapat diperjelaskan lagi bahawa, doa ibu merupakan satu perkara yang sangat mustajab dan ia amat diperlukan untuk memberkati kehidupan seseorang anak. Selain itu, novel *Chot* juga memperlihatkan kasih sayang di antara ibu dan anaknya melalui petikan yang tertera di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Ketika membaca doa qunut, kadang-kadang Alias tersangkut. Ketika itulah ibunya menegur sehingga Alias dapat menghabiskan bacaannya.	Kasih sayang di antara ibu kepada anaknya.	2
“Kalau ya pun, janganlah selalu benar. Lias kena belajar bersungguh-sungguh,” tambah ibunya sambil	Kasih sayang di antara ibu dan	90

mengengsot-engsot ke bendul dapur untuk membuat kopinya.		
--	--	--

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelas ia menunjukkan elemen kasih sayang yang sangat utuh di antara ibu dan anaknya. Hal ini dapat dilihat menerusi, mak Alias yang sentiasa memberikan tunjuk ajar kepada anaknya jika ada berbuat salah dan sentiasa memberikan nasihat yang membina kepada Alias untuk terus rajin belajar dengan bersungguh-sungguh. Hal ini memperlihatkan ibu bapa menjadi asas kepada kemenjadian anak mereka, di mana, seseorang anak dianggap sebagai kain putih, manakala ibu bapalah yang seharusnya mencorakkan gambaran putih itu mengikut corak acuan kehidupan masing-masing. Rasulullah SAW ada bersabda bahawa, “*Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), kedua-dua ibu bapanya lah yang mencorakkannya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi.*” (Hadis Riwayat Bukhari 1385). Jelaslah dilihat bahawa, tugas ibu bapa bukanlah sesuatu yang mudah, namun ia merupakan satu tanggungjawab yang besar. Kasih sayang di antara anak kepada ibu juga ada diselitkan dalam novel *Chot* melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Mak, Lias pergi dulu,” begitu katanya dan kemudian Alias meraup lalu mencium dua tangan ibunya.	Kasih sayang di antara anak kepada ibunya.	3
“Mak sakit?” tanya Alias lantas duduk bersimpuh di tepi ibunya. Tangan ibunya dipegang dan dipicit-picit. Ibunya menggeleng-geleng kepala.	Kasih sayang di antara anak dan ibunya.	111

Berdasarkan kepada dua petikan dia atas, jelaslah bahawa, ia menunjukkan elemen kasih sayang di antara anak dengan ibunya. Hal ini dapat dilihat menerusi, ucapan atau kata-kata yang dilontarkan serta sentuhan fizikal yang menyemarakkan lagi rasa kasih sayang Alias terhadap ibunya yang telah uzur. Alias juga mengambil berat tentang ibunya yang lumpuh tanpa menginginkan sebarang upah seperti kebiasaan kanak-kanak yang sentiasa menginginkan upah apabila disuruh melakukan sesuatu. Perkara ini jelaslah

menunjukkan kasih sayang yang ikhlas di antara Alias dan ibunya. Kasih sayang tersebut terpancar jelas melalui tingkah laku dan perbuatan Alias kepada ibunya seperti mencium kedua tangan ibunya dan mengurut tangan ibunya yang sudah tua itu. Di samping itu, elemen kasih sayang bapa kepada anaknya juga turut diperlihatkan melalui petikan dalam novel *Pantai Kasih* di bawah:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Doktor Sadiz? Ya Tuhan! Lelaki angkuh itu lebih tua daripadaku, Raiha! Dia akan melayanmu seperti melayan anaknya sahaja kelak!” tingkah bapanya. Namun, bapanya terpaksa beralah juga kerana tidak kuasa lagi menghalang hasrat Raiha itu. “Jangan pula kau berpatah balik, andainya kau menyesal dengan keputusanmu itu pada suatu hari kelak, Raiha!” Ayahnya menghamburkan kata-kata tersebut dalam kemarahan yang meninggi.	Kasih sayang di antara bapa dan anak perempuannya.	5
“Sepatutnya, engkau menyediakan diri untuk menjadi suri rumah sepenuhnya. Engkau harus menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepada bakal suami dan anak-anakmu kelak. Jangan kau jadi macam arwah ibumu.”	Kasih sayang di antara bapa dan anak perempuannya.	7-8

Berdasarkan kepada dua petikan di atas, jelas ia menunjukkan tentang kasih sayang bapa terhadap anak perempuannya melalui watak bapa kepada Doktor Raiha yang menasihatinya dalam nada marah kerana terlampau geram akan anaknya yang hanya mengambil remeh dengan apa yang diperkatakan. Setiap nasihat dan pesanan yang diberikan oleh bapa Doktor Raiha memperlihatkan perspektif bapanya yang menginginkan Raiha membuat keputusan secara terperinci, bukannya dibuat sambil lewa dan semberono kerana perkahwinan akan melibatkan konteks kehidupan dengan

menyeluruh. Jelas diperlihatkan di sini bahawa, seorang ayah hanya inginkan yang terbaik untuk anak perempuannya tanpa sesuatu perkara itu berlalu dengan penyesalan dan kesedihan. Selain itu, novel *Bimasakti Menari* juga ada memperlihatkan elemen kasih sayang bapa terhadap anaknya melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Hati-hati,” Haji Yassir mengingatkan. Nurul Hafsa mengucap tangan ayahnya setelah mengenakan jaket keselamatan dan berjalan menuju ke sebuah bot yang sedia menunggu.	Kasih sayang di antara bapa dan anaknya.	19
Permintaan demi permintaan Muhammad Taufik dipenuhi oleh Tan Sri Muhammin selagi dia termampu. Kadangkala dia sendiri terfikir juga adakah dia telah melakukan yang terbaik untuk Muhammad Taufik? Adakah Muhammad Taufik telah menjadi orang yang terbaik? Adakah Muhammad Taufik telah mencapai potensi tahap maksimum yang boleh dia capai dengan apa yang dia ada?	Kasih sayang di antara bapa dan anaknya.	68
Haji Yassir memeluk anak gadisnya. Haji Yassir tidak pernah menangis di khayalak. Tetapi kali ini, lelaki tua itu tewas dengan kesedihan kerana terlalu bersyukur dapat bertemu semula dengan Nurul Hafsa. Nurul Hafsa turut menangis.	Kasih sayang di antara bapa dan anaknya.	168

Berdasarkan kepada ketiga-tiga petikan di atas, jelas ia memperlihatkan kasih sayang di antara bapa dan anaknya melalui watak Haji Yassir dan Tan Sri Muhammin yang amat menyayangi anak mereka. Hal ini dikatakan demikian melalui Haji Yassir selaku bapa kepada Nurul Hafsa yang sentiasa mengingatkan Nurul Hafsa untuk selalu berhati-hati dengan setiap kerja yang dilakukan. Haji Yassir juga pertama kali mengeluarkan air

matanya di hadapan khalayak ramai kerana kesedihan dan amat bersyukur kerana Nurul Hafsa dipertemukan kembali dalam keadaan sihat dan baik setelah diculik oleh penjahat. Perkara ini jelas menunjukkan kasih sayang yang begitu besar di antara bapa kepada anak perempuannya. Kasih sayang ini juga diperlihatkan melalui watak Tan Sri Muhamimin yang sentiasa menginginkan yang terbaik untuk anak lelaki tunggalnya iaitu Muhammad Taufik. Tan Sri Muhamimin sentiasa berfikiran jika dia telah melakukan yang terbaik serta telah membahagiakan anak lelakinya dengan setiap apa yang dia ada. Selain itu, emosi kasih sayang juga tidak terikat kepada kasih sayang ibu bapa kepada anak atau kasih sayang di antara keluarga sahaja, namun ia juga diperincikan kepada perasaan kasih sayang di antara sahabat, guru, masyarakat dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan dalam novel *Chot* seperti di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Som mendekatinya. “Lias, jom kita keluar makan,” ajak Som sambil mengesat-ngesat air mata.  “Rehat... mari... aku ada bawa bekal,” pujuk Som sambil menarik tangan Alias.	Kasih sayang di antara sahabat.	39
Mak Su Kiah sangat baik hati kepada Alias dan ibunya – suka mengambil berat. Boleh dikatakan, Mak Su Kiahlah yang menjaga ibu Alias jika terjadi sakit pening.	Kasih sayang di antara jiran.	58
Selama dia bersekolah, dia tidak pernah pun memberi alasan kepada ibunya yang dia malas. Dia juga tidak pernah mengadu kalau Cikgu Sunan pernah mengherdik atau menghukumnya.	Kasih sayang di antara murid dan guru.	82

Berdasarkan kepada petikan di atas, jelas ia mempamerkan emosi kasih sayang di antara sahabat, masyarakat dan juga guru. Hal ini dilihat berdasarkan watak Som, rakan kepada Alias yang bersimpati terhadap Alias kerana telah dimarahi dan diherdik oleh guru mereka di hadapan kelas. Dalam petikan tersebut, jelas menunjukkan Som yang sedang memujuk Alias untuk makan dan memberikan bekal kepadanya. Watak Mak Su Kiah juga mempamerkan emosi kasih sayang di antara masyarakat melalui watak dirinya yang baik hati dan sentiasa menolong dan menjaga ibu Alias walaupun tidak mempunyai apa-apa perkaitan dengan mereka. Ini menunjukkan keprihatinan dan kasih sayang Mak Su Kiah terhadap tetangga terdekatnya. Kasih sayang di antara guru juga dapat dilihat menerusi Alias yang tidak pernah menceritakan hal buruk yang dilakukan oleh Cikgu Sunan seperti mengherdik dan menghukum dirinya walaupun kesalahan yang dilakukan adalah tidak betul dan disalah anggap.

Melalui asas kepada elemen kasih sayang antara sahabat, masyarakat dan guru ini, ia mampu dalam melahirkan kesefahaman yang bertunjangkan kepada iman dan takwa yang berteraskan kepada ukhwah Islamiah. Ini turut diperjelaskan lagi dalam al-Quran melalui firman Allah SWT dalam surah Ali Imran, ayat 103 yang menyatakan bahawa, '*Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah, dan janganlah kamu berpecah-belah*'. Ini memperlihatkan bahawa, Allah SWT sangat menegaskan umatnya untuk tidak berpecah-belah dan hidup dengan harmoni di antara satu sama lain. Novel *Formula Termodinamik* juga ada memperlihatkan elemen kasih sayang dalam persahabatan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan yang tertera di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Orang seperti Aswan memerlukan bimbingan. Jangan jadikan dia musuh. Kita mesti berkawan dengannya,	Kasih sayang di antara sahabat	29

berbuat baik. Lama-kelamaan dia akan insaf,” saran Usamah.		
“Tidak baik mengumpat,” ujar Amir sambil tunduk mencacakkan batang padi. “Mengumpat sama seperti memakan daging saudara sendiri,” tambahnya memberikan peringatan kepada rakan-rakannya. “Baik atau tidak, terserahlah kepada Aswan. Kita jangan terlibat sama. Jangan suka memburuk-burukkan orang lain,” nasihat Amir yang lebih tua tiga tahun daripada Adnin dan Zaid.	Kasih sayang di antara sahabat	56

Melalui petikan di atas, jelas ia menunjukkan emosi kasih sayang di antara sahabat yang dapat dilihat berdasarkan watak Usamah dan Amir yang saling memberikan nasihat dan pandangan antara satu sama lain dan juga kepada rakan yang lain, iaitu Adnin dan Zaid. Hal ini memperlihatkan bahawa, kasih sayang bukan sahaja dipamerkan melalui perbuatan serta kata-kata yang mesra sahaja, namun ia juga melibatkan perkara berkaitan dengan nasihat serta pesanan yang terkandung keprihatinan serta kasih sayang. Perkara ini selari dengan kenyataan oleh Al-Ghazali tentang persahabatan yang dikatakan mempunyai kedudukan dalam aspek kekeluargaan (Muhammad Syahir Abu Bakar, 2013). Jadi, apabila tali persahabatan itu terikat erat, maka ia akan melahirkan jalinan persaudaraan yang teguh.

Dengan demikian, jelas dilihat bahawa, perincian emosi kasih sayang adalah sejajar dengan pendekatan moral. Hal ini kerana, Hashim Awang (2002), telah menyatakan bahawa pendekatan moral amat memberikan penekanan mengenai pengalaman setiap individu, di mana ilmu serta pengetahuan yang diperoleh sepanjang pengalaman kehidupan tersebut memberikan impak baik ataupun buruk. Jadi, dalam konteks ini, kasih sayang memberikan impak baik kepada seseorang individu itu dalam mengekspresikan perasaan mereka dan hal ini juga amat ditekankan dalam aspek

pendidikan. Perkara ini dikatakan demikian kerana, pendidikan bukan hanya melibatkan konsep mendidik, namun ia juga berteraskan kepada kejiwaan yang akan melahirkan individu yang seimbang.

#### 4.4.2 Pencirian Emosi Gembira

Setiap individu ataupun manusia semestinya menginginkan kegembiraan dalam setiap perkara. Sekiranya dalam kamus kehidupan seseorang itu memperolehi kegembiraan dalam apa jua perkara, sudah semestinya mereka tidak akan sesekali ingin bertemu lagi dengan kegelisahan, kesedihan, kemarahan dan kekhawatiran yang dihadapi sebelum ini. Namun begitu, sudah menjadi adat kehidupan bahawa setiap kejadian alam ini dijadikan berpasangan. Maka, jelaslah bahawa, apabila adanya kesedihan, pasti adanya kegembiraan. Abdul Ghani Abdullah et al. (2007) juga ada menyatakan tentang aspek kegembiraan menjadi satu gagasan yang baik. Dalam konteks ini, gagasan tersebut dapat dijelaskan kepada seseorang yang bergembira dalam kehidupannya, akan kurang merasakan gangguan kestabilan mental jika dibandingkan dengan seseorang yang tidak gembira. Ini dapat dikatakan bahawa, kesan daripada emosi kegembiraan itu mampu untuk menolong dalam mengendurkan ketegangan badan. Ini kerana, apabila seseorang itu sedang gembira, maka mereka akan melahirkan rasa seronok yang sekaligus akan menggalakkan mereka untuk berbicara mengenai perkara yang disukai atau yang menggembirakannya. Dapat disimpulkan bahawa, perasaan gembira ini mampu membuatkan seseorang berasa bersemangat dan tenang termasuklah ianya juga dapat membantu dalam melupakan sesuatu masalah yang dihadapi. Emosi gembira ini dapat dilihat melalui petikan novel *Formula Termodinamik* seperti yang tertera di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Mereka bertiga berdekah-dekah ketawa. Hilai tawa mereka bergema dibawa arus angin semilir.	Gembira bersama rakan.	11
“Banyak kaudapat ikan?” Tiba-tiba suara halus menegurnya, mesra. Amir lega. Air mukanya ceria. Asma datang sambil menjinjit sebuah bakul.	Gembira bersama orang yang diminati.	25
Amir dengan hati yang gembira membenamkan kailnya semula ke dalam tasik. Anak ikan terloncat-loncat.	Gembira terhadap suasana.	27
“Yahoooo …!” jeritnya gembira. Dalam storan data itu mengandungi maklumat Dua Hukum Popular Termodinamik. Formula itulah yang diimpikaninya. Aswan gembira. Formula itu akhirnya diperolehnya. Dia yakin Majibon dan Fikri akan kagum. Mereka akan dapat melihat kehebatannya mencipta model baharu.	Gembira disebabkan telah memperoleh apa yang diingini.	31

Berdasarkan kepada ketiga-tiga petikan di atas, jelas ia menunjukkan emosi gembira melalui watak dan tingkah laku yang dipaparkan. Tingkah laku seperti ketawa yang berdekah-dekah memperlihatkan emosi gembira dan senang hati. Mimik muka juga mampu memaparkan emosi yang disembunyikan oleh seseorang. Jika dilihat pada watak Amir, air mukanya berubah menjadi ceria setelah Asma datang ke tempat memancingnya walaupun ikan belum diperolehi walaupun seekor. Hal ini menunjukkan bahawa, gembira bukan hanya dilihat pada perbuatan, namun, juga dapat dilihat melalui mimik muka yang disampaikan oleh seseorang. Kegembiraan juga mampu mengubah ‘suasana’ seseorang menjadi lebih baik. Ini dapat dilihat melalui watak Amir yang tiba-tiba berubah menjadi ceria, walaupun pada sebelumnya dia merasa tertekan kerana pancingannya belum

mengena seekor ikan pun. Novel *Jejak Monpus* juga ada memperlihatkan emosi gembira melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Dengan mata bercahaya, Zahar menyuarakan perasaan gembiranya menerima input baharu tentang tajuk berkenaan. Sesuatu yang begitu diminatinya.	Gembira disebabkan telah memperoleh apa yang diingini.	7
“Yalah. Duduk rumah macam ratu. ‘Ibu ...ibu. Engkaulah ratu hatiku...’.” Zahar mendendangkan lagu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dengan aksi yang menggelikan hati.  Aksi lucunya itu berjaya menggeletek hati Qistina. Ketawanya berderai.	Gembira bersama ibu.	10
Tidak disangkanya simulasi yang diilhamkannya berjaya menarik minat murid-muridnya. Paling menggembirakan, dia dapat mencungkil bakat terpendam.	Gembira kerana projek yang dihasilkan berjalan lancar.	28
Zahar mengamati bahagian yang ditunjukkan oleh Fikri. Dia baru menyedari akan ciri fizikal yang satu itu. Hatinya berbunga gembira. Dia berasa bertuah kerana telah menemui spesies baharu yang dapat menambahkan koleksi seranggganya.	Gembira kerana menemui sesuatu yang telah dicarinya.	65
Zahar cuma mengangguk. Walaupun kesakitan, melihat wajah kesayangannya itu membabitkan rasa gembiranya. Kesakitan yang dirasa, kebah sedikit.	Gembira dalam sakit kerana melihat wajah kesayangan.	121

Berdasarkan kepada beberapa petikan yang terdapat dalam novel *Jejak Monpus*, jelas ianya memperlihatkan emosi gembira. Setiap petikan tersebut memaparkan emosi gembira dengan berbeza melalui gaya penyampaianya. Hal ini dapat dilihat melalui watak Zahar yang banyak mengekspresikan emosi gembiranya dengan orang terdekat

seperti ibu, rakan dan kekasih hatinya, sekaligus memaparkan kegembiraan melalui perkara yang diminatinya seperti menambahkan koleksi serangga. Dalam novel *Chot* juga memaparkan emosi gembira melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Alias bagaikan hilang punca. Dia menjadi seperti tidak tentu arah kerana terlampau gembira. Telinganya yang berdenyut-deniyut itu tidak terasa pun. Dia melompat-lompat di sisi Som.	Gembira yang tidak terkata (sakit tidak terasa).	50
Alias ketawa terbahak-bahak kerana Chot takut akan air.	Gembira bersama haiwan (beruk).	71
“Mak! Chot dah balik!” Dia melaung dengan girang. “Chot! Chot!” Dia seperti lupa segala-galanya. Dia sangat gembira.	Gembira yang tidak terkata (lupa segala permasalahan).	168

Melalui ketiga-tiga petikan di atas, ianya jelas menunjukkan emosi gembira yang digambarkan melalui watak Alias. Dalam novel ini, dapat disimpulkan bahawa, Alias sangat menyayangi seekor beruk peliharaannya iaitu Chot melebihi segala harta yang dimilikinya. Jadi, jelaslah jika Alias sangat gembira dengan kepulangan Chot yang telah hilang berhari-hari lamanya. Kepulangan Chot yang amat dinanti-nantikan oleh Alias menyebabkan dia tidak merasai segala kesakitan yang dihadapinya serta setiap permasalahan yang ditanggungnya hilang serta-merta. Dapat dilihat bahawa, kegembiraan yang melampau menyebabkan seseorang itu melupakan apa yang tersirat dalam dirinya. Emosi gembira juga dapat dilihat menerusi novel *Pantai Kasih* melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Mungkin awak mengigau sahaja, doktor,” pintas Felicia, acuh tak acuh. Biarpun kini wajahnya sudah	Gembira kerana dipuji (wajah	79

mula merah dan hatinya berdebar-debar bahagia.	kemerahan).	
--	-------------	--

Berdasarkan kepada petikan dari novel *Pantai Kasih* di atas, jelas ia menunjukkan emosi gembira melalui watak Felicia yang dipuji cantik oleh rakan sekerjanya. Perkara ini membuatkan Felicia berasa gembira dan malu-malu dengan kenyataan yang dilontarkan rakan sekerjanya. Dapat disimpulkan bahawa, emosi gembira terbit bukan hanya disebabkan oleh hal-hal yang besar, namun ia juga mencakupi kepada hal-hal kecil, di mana setiap hal tersebut mungkin dianggap besar bagi sesetengah individu. Selain itu, novel *Bimasakti Menari* juga ada memperlihatkan emosi gembira berdasarkan kepada petikan di bawah:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Sudah tentu,” jawab Muhammad Taufik dengan wajah yang ceria. Dia umpama seorang pelukis yang diminta menayangkan karya agungnya.	Gembira (wajah ceria).	56
“Hanina?” tanya Tan Sri Muhamimin. “Honey. Madu. Honey-Na!” “Oh, honey madu! Ha ha ha!” Tan Sri Muhamimin tertawa lucu memikirkan kelembapan fikirannya.	Gembira dengan unsur humor (kelakar).	73

Melalui dua petikan teks yang dipaparkan di atas, ia jelas memperlihatkan tentang emosi gembira. Hal ini dapat dilihat melalui pemaparan watak Muhammad Taufik yang sangat gembira kerana dipermintakan untuk menunjukkan hasil kajian yang dijalankannya. Emosi gembira juga dapat dilihat menerusi perwatakan Tan Sri Muhamimin yang tertawa dengan jenaka yang dilontarkan oleh rakannya. Jelas dilihat bahawa, emosi gembira bukan hanya ditafsirkan dari jiwa sahaja, namun ia juga dapat dilihat melalui perbuatan yang ditunjukkan. Berdasarkan kepada pengaplikasian pendekatan moral,

jelaslah bahawa, perincian emosi gembira menunjukkan nilai moral yang baik. Hal ini kerana, ia mampu dalam mengekspresikan perasaan terhadap orang lain.

#### 4.4.3 Pencirian Emosi Malu

Konsep malu dapat dikategorikan kepada pemaknaan dalam menggambarkan sesuatu yang baik dan buruk. Malu yang baik dapat dilihat berkaitan dengan tingkah laku yang sopan serta meliputi aspek kesantunan masyarakat Melayu. Manakala, malu dalam konteks negatif pula adalah menerusi keadaan yang malu melontarkan pandangan, malu bertegur sapa, malu bertanya dan sebagainya yang berkaitan (Nordiana, 2014). Malu menurut Daniel Goleman (1995) pula, menyatakan bahawa ia merupakan perasaan kesal, terhina, mematahkan semangat dan sesal. Jadi, berdasarkan kepada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa emosi malu yang diselitkan oleh pengarang dalam novel Komponen Sastera (KOMSAS) pilihan adalah untuk memantapkan keseimbangan dan kesinambungan emosi pada watak-watak yang dipaparkan dalam karya. Hal ini juga bersesuaian dengan konsep malu yang diperlihatkan dalam Islam sebagai satu cabang iman bagi seseorang muslim. Rasulullah SAW juga mengibaratkan malu sebagai perhiasan iman yang dibaluti dengan takwa (Faziela & Nik Rafidah, 2015).

Hal ini ditekankan lagi dengan sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadith yang menyatakan, “*Asal iman itu tiada pakaian (telanjang). Pakaianya ialah takwa dan perhiasannya ialah malu*” (Riwayat Bukhari dan Muslim). Jadi, dalam membicarakan tentang emosi malu, pengkaji melihat kepada novel KOMSAS terpilih yang lebih dominan dalam memaparkan emosi malu. Malu dapat dikategorikan sebagai sifat semula jadi seseorang manusia. Hal ini telah menjadikan manusia lebih tinggi darjatnya jika dibandingkan dengan sekalian makhluk lain. Hal ini bertautan dengan pemahaman yang

menyatakan bahawa, jika seseorang manusia itu tidak memiliki perasaan malu, maka iaanya dapat dijelaskan, nilai akal kurniaan Allah S.W.T. kepadanya telah direndahkan, sekaligus, secara tidak langsung akan menjatuhkan darjatnya sebagai seorang hamba manusia. Jadi, emosi malu dapat dikesan melalui novel *Formula Termodinamik* yang tertera di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Seganlah Us, hari itu Profesor Othman sudah memberikan formula tersebut. Takkanlah nak minta lagi,” ujar Amir sambil menggaru-garu kepalanya yang tidak gatal.	Malu kerana membuat salah.	39
“Apa nak dimalukan, Profesor Othman baik orangnya.”  “Aku malu kerana cuai dan tak menyimpan storan data dengan baik. Sepatutnya pemacu pena itu dikeluarkan jika tak digunakan.” Amir kesal.	Malu kerana membuat salah (cuai).	39

Berdasarkan kepada dua petikan yang terdapat dalam novel *Formula Termodinamik* yang dipaparkan di atas, jelas ia menunjukkan perasaan malu dengan manusia. Ini dapat ditelusuri melalui pemaparan watak Amir yang berasa sangat malu dan segan dengan Profesor Othman. Hal ini adalah disebabkan kerana, formula kajian yang diberikan oleh Profesor Othman sebelum ini, telah dihilangkan olehnya. Amir berasa sangat malu kerana cuai dan tidak mampu untuk menjaga amanah yang diberikan oleh Profesor Othman dengan baik. Amir juga berasa malu untuk meminta formula tersebut untuk kedua kalinya seperti yang dicadangkan oleh rakannya Usamah, walaupun dia mengetahui bahawa, Profesor Othman merupakan seorang yang bertoleransi dan baik hati. Perasaan malu itu juga dibaluti dengan perasaan kesal yang begitu kuat dalam diri Amir

sehingga dia menyalahkan diri sepenuhnya, dengan kejadian kehilangan yang berlaku itu. Melalui novel *Jejak Monpus*, ia juga memperlihatkan emosi malu dengan petikan di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>			
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat	
<p>“Dah siap assignment?” Pertanyaan Mawar melenyapkan lamunan Zahar.</p> <p>“Assignment? Er.... belum,” jawabnya tersipu-sipu. Malu juga rasanya kalau Mawar tahu apa-apa yang bermain-main dalam fikirannya seketika tadi.</p>	Malu disapa tiba-tiba ketika berangan.	18	
Mata Zahar terus merenung wajah Mawar yang kini tersenyum manis, mempamerkan lesung pipit di pipinya. Dia tersipu-sipu, malu terus direnung.	Malu kerana ditenung.	20	
Zahar tersipu-sipu. Benar juga kata Fikri itu. Dia terlupa yang tindakannya itu telah mengundang masalah.	Malu kerana kesalahan kecil.	54	

Berdasarkan kepada ketiga petikan dalam novel *Jejak Monpus* di atas, ia memperlihatkan tentang perasaan malu yang dihadapi oleh watak Zahar terhadap kekasih hatinya iaitu Mawar. Hal ini dapat dijelaskan melalui, Zahar yang tersipu malu apabila ditegur oleh Mawar ketika sedang berangan-angan tentang kehidupannya dengan Mawar. Perasaan malu itu mula menerjah diri Zahar yang menganggap Mawar mungkin dapat menangkap fikirannya yang nakal sebentar tadi. Selain itu, watak Mawar juga mempamerkan emosi malu melalui ekspresinya yang tersipu-sipu apabila wajah manisnya terus dipandang dan direnung oleh Zahar. Di samping itu, Zahar juga malu apabila rakannya, Fikri mula mempertikaikan tindakannya yang menolong seorang gadis dari terjatuh ke dalam kolam akan mengundang masalah dengan kekasih hatinya, Mawar yang

agak cemburu dengan kejadian tersebut. Dalam novel *Chot* juga menunjukkan emosi malu melalui petikan tersebut:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Beruk! ...Beruk!” Alias terdengar ejekan itu tetapi tidak tahu siapa yang memulakannya. Alias menahan segala-galanya. Pedih dan sakit. Malu dan terhina.	Malu kerana diejek oleh rakan.	38
Alias seperti malu alah. Dia mengambil bungkus nasi lemak. Dia makan dengan sopan. Ucapan Bismillah sangat jelas terdengar.	Malu dengan pemberian percuma rakannya.	42
“Aku malu. Bau busuk tentu kawan-kawan ejek aku,” katanya kepada Som.	Malu kerana bau busuk telinganya.	134
Alias sangat malu apabila Cikgu Sunan memegang kepalanya. Dia malu kerana telinganya bernanah lagi berbau busuk.	Malu kepada guru kerana telinga berbau.	191

Berdasarkan kepada petikan dalam novel *Chot* yang dinyatakan di atas, jelas memperlihatkan emosi malu yang dirasai oleh Alias apabila dirinya diejek dan diaibkan oleh pelajar lain. Dapat dilihat bahawa, Alias berasa sangat malu, sedih dan cukup terhina apabila digelar beruk oleh pelajar di kelasnya apabila mereka mengetahui Alias memelihara seekor beruk yang bernama *Chot*. Alias merasakan dirinya sangat kerdil dan tidak berguna apabila diejek oleh rakan sekelas yang lain. Jika dilihat dari sudut psikologi, sudah semestinya Alias ingin dipandang seperti manusia biasa yang dihormati, sekaligus tidak diperlakukan sebegitu rupa. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Maslow (1970) yang menegaskan bahawa penghargaan kendiri sangat penting dalam kehidupan seseorang manusia. Alias juga menyuarakan tentang perasaan malu yang menimpa dirinya kepada rakan karibnya iaitu Som. Alias juga berasa malu dengan Cikgu Sunan

yang mendekat dan memegang kepalanya untuk melihat telinga yang sakit. Perasaan malu Alias adalah disebabkan kerana telinganya yang bernanah telah mengeluarkan bau busuk yang tidak menyenangkan semua orang. Dalam novel *Pantai Kasih* juga ada menyatakan emosi malu melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Dia juga berasa malu apabila kisah saudara-maranya menjadi bahan tontonan Felicia yang baru beberapa bulan menyertai pusat rawatan miliknya pada waktu itu, tetapi tiada apa-apa yang dapat dilakukan oleh Uwang lagi, kerana sudah terlanjur membawanya. Felicia sudah terlibat dalam hal itu secara tidak langsung tanpa disedarinya.	Malu disebabkan ‘orang luar’ mengetahui tentang masalah keluarga.	89

Berdasarkan kepada petikan dari novel *Pantai Kasih* di atas, jelas ia memaparkan perasaan malu yang dihadapi oleh Doktor Uwang terhadap Felicia yang secara tidak langsung menyaksikan konflik keluarganya. Doktor Uwang berasa amat malu kerana telah membiarkan Felicia, selaku orang luar, merangkap pekerja di tempat kerjanya, melihat konflik keluarga yang berlaku dengan tiba-tiba. Doktor Uwang menganggap bahawa, perkara ini telah menjatuhkan martabat serta kewibawaannya yang hebat dengan penyaksian secara tidak langsung oleh Felicia terhadap masalah keluarga yang dihadapi. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa, emosi malu sejajar dengan elemen pendekatan moral. Hal ini dapat dibuktikan melalui, pendekatan moral amat menitikberatkan tentang nilai yang mempengaruhi hal baik dan buruk sesuatu perkara. Ini bersesuaian dengan pemahaman mengenai emosi malu yang mempunyai elemen baik dan buruk, dipengaruhi oleh beberapa perkara yang berkaitan. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa, emosi malu bersesuaian dengan pengaplikasian pendekatan moral yang memfokuskan kepada

nilai baik dan buruk sesuatu perkara sekaligus ia melibatkan unsur pendidikan yang berkesan dan seimbang.

#### **4.4.4 Pencirian Emosi Marah**

Emosi dan perasaan lahir melalui desakan naluri ataupun pertentangan naluri yang terjadi dalam diri seseorang manusia. Emosi marah wujud apabila terdapat naluri manusia yang terganggu serta didorong oleh sebarang perbuatan yang menyebabkan dirinya berasa marah (Ghazali Din & A. Halim Ali, 2020). Pencirian kepada emosi marah yang melampau akan mengakibatkan dorongan fisiologi yang merangkumi kepada peningkatan detak jantung, penghasilan hormon adrenalin serta ia mampu untuk membangkitkan tenaga yang dapat bertindak secara melulu dan luar biasa (M. Izuddin Taufiq, 2006). Kadang-kadang, emosi marah juga telah mengakibatkan seseorang individu itu tidak ‘sebulu’ dengan sebarang perkara atau pendapat orang lain. Imam Al-Ghazali juga ada menggambarkan kemarahan sebagai nyalaan api yang tinggi menjulang sehingga ke lubuk hati paling dalam (Nordiana, 2014). Marah merupakan sifat fitrah yang dimiliki oleh setiap insan dalam dirinya yang merangkumi kepada perubahan fizikal secara khusus dan dapat dikategorikan sebagai perasaan yang dimiliki oleh individu yang negatif.

Menurut Johari Alias (1994), marah secara zahirnya terjadi adalah disebabkan oleh cetusan perasaan benci yang melampau kepada manusia, haiwan, ataupun segenap perkara yang menyakiti hati seseorang. Kebiasaannya, emosi marah akan dizahirkan secara lisan mahupun perbuatan yang menyakitkan. Menurut Imam Ghazali, marah pada hakikatnya membawa kepada takrifan cebisan api neraka yang bernyala-nyala. Kepanasan itu akhirnya naik ke sudut hati dan menjadi bara yang diselaputi oleh abu-abu dan setiap bara itu akan menetap di hati sepertimana api yang berada di dalam sekam (Johari Alias, 1994). Jadi, dapat dilihat bahawa, jika berlakulah sesuatu perkara yang tidak

menyenangkan hati, maka bara yang tersimpan itu akan meletup dan menjadi api yang kembali bernyala. Melalui novel *Formula Termodinamik*, jelas dilihat ianya memaparkan emosi marah berdasarkan kepada petikan yang tertera di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Majibon terdiam. Pipinya kemerah-merahan. Meskipun tersirap darah mudanya, namun dia membantu. Majibon kenal akan sikap Aswan. Pendapatnya pantang dibantah.	Marah sehingga pipi kemerahan, namun hanya diam.	12
“Tapi ibu mereka, bukan orang asal Kampung Warisan, Papar,” balas Aswan dengan pantas. Wajah Malibon dan Fikri dipandang tajam. Matanya merah bagaikan biji saga.	Marah – mata merah bagaikan biji saga.	13
Amir mengetap giginya. Geram. Bergerigis bunyinya. Walaupun telah berjam-jam mata kailnya dibenamkan ke dalam tasik, umpannya masih belum mengena. Umpan habis, ikan terlepas.	Marah disebabkan umpan belum dimakan ikan.	25
Tak tahulah apa-apa yang telah terjadi kepada mereka, padahal mereka berdua yang beria-ria sangat nak memancing ikan. Tapi batang hidung mereka tak nampak pun,” ujar Usamah. Geram.	Marah kerana dianggap dipermainkan.	27
Dengan serta-merta air muka Asma berubah. Pipinya kemerah-merahan. Asma tidak suka memanjang-manjangan soal diri Aswan dan keluarganya. Asma tidak suka soal peribadi keluarga Aswan diungkit. Asma cuba menyembunyikan perasaan tidak senangnya agar rakan-rakannya, terutama Amir tidak mengesyaki apa-apa.	Marah kerana peribadi keluarga diperkatakan.	29

Berdasarkan kepada setiap petikan dalam novel *Formula Termodinamik* yang dipaparkan di atas, ia jelas menunjukkan emosi marah melalui ekspresi, perkataan dan

perbuatan yang disampaikan oleh setiap watak. Ekspresi yang disampaikan oleh watak iaitu Majibon, Aswan, Usamah, Amir dan Asma adalah seperti pipi kemerah-merahan, mata merah bagaikan biji saga, mengetap gigi dengan geram serta pandangan tajam memperlihatkan emosi yang sedang tidak terkawal. Setiap perkataan yang dihamburkan juga memperlihatkan emosi marah. Hal ini dapat dibuktikan melalui, setiap kata yang diucapkan oleh watak Aswan dan Usamah adalah dengan nada tinggi serta sinis bertujuan dalam menyakitkan hati seseorang yang diperkatakan. Seterusnya, dalam novel *Jejak Monpus* juga mengandungi emosi marah yang dapat dilihat melalui paparan petikan di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Ahhh...cikgu pun sama! Mana Zahar? Kami nak buat perhitungan dengan dia!” tengking Ripin. Nampak benar anak muda itu hendak melempaskan dendamnya.	Terlampau marah kerana dendam lama.	100
“Ulat bulu engkau pasang kaki di luar, siapa tahu?” tuduh Ripin disusuli dengan pandangan bengis. “Engkau sedar tak yang engkau itu pendatang di kampung ini. Engkau dah susahkan orang kampung. Lebih baik engkau keluar dari kampung ini!” jerkah Ripin.	Marah yang disusuli dengan tuduhan berat.	106
“Jaga sikit mulut engkau! Jangan melampau!” jerkah Zahar, berang. Api kemarahannya mulai meluap-luap.	Kemarahan yang telah timbul selepas banyak bersabar.	115
“Silap hari bulan, habis aku,” jerkahnya. “Ini semua disebabkan ulat si Zahar keparat tu,” kemarahannya semakin meluap-luap.	Kemarahan yang semakin meluap disebabkan aduan sebelum ini tidak diendahkan.	162

Berdasarkan kepada setiap petikan yang diperoleh melalui novel *Jejak Monpus* di atas, jelas ia mempamerkan emosi marah berdasarkan kepada watak Ripin dan Zahar. Ripin mengekspresikan perasaan marah kepada Zahar melalui kata-kata yang dihamburkan olehnya. Perasaan marah Ripin juga semakin menebal adalah disebabkan oleh dendam lama yang dimilikinya terhadap Zahar. Hal ini membuatkan, Ripin semakin rancak dalam mengekspresikan emosi marahnya terhadap Zahar apabila ada sesuatu perkara yang tidak baik melibatkan Zahar berlaku. Jika dilihat kepada pernyataan oleh Harith Asad al-Muhasibi, kemarahan yang melampau dan tidak diawasi oleh fikiran rasional akan menghancurkan diri sendiri dan setiap apa yang ada di sekelilingnya, jika tidak dikendalikan dengan baik (Hasan Langgung, 1997). Dalam novel *Chot* juga ada memaparkan tentang emosi marah melalui petikan yang disediakan di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Diam semua!” tiba-tiba Cikgu Sunan yang berdiri di atas pentas yang dibuat daripada simen menempik kuat.	Marah yang melampau-lampau (berdiri di pentas).	14
“Berbuuh mulut kamu dah berjanji, kata nak terima ajaran guru, nasihat guru tapi kamu tak pernah ikut!” sambung Cikgu Sunan lagi sambil tengok ke sana, tengok ke sini seperti mencari beberapa orang murid yang telah melakukan kesalahan besar.	Marah terpalit kecewa kerana nasihat tidak diendahkan.	17
“Habis, kalau bukan beruk Alias tu, beruk siapa? Mana ada lagi beruk dalam kampung ni?” Miah semakin garang.	Marah secara melulu.	153

Berdasarkan kepada setiap petikan dalam novel *Chot* di atas, jelas memaparkan tentang emosi marah melalui watak Cikgu Sunan dan Miah. Jika dilihat dalam konteks perasaan Cikgu Sunan, ia lebih memperlihatkan emosi marah yang disertai dengan

nasihat dan kasih sayang guru kepada anak muridnya. Jelas disimpulkan bahawa, aspek kemarahan Cikgu Sunan bukanlah melibatkan kebencian ataupun dendam, namun ia lebih memperincikan emosi marah yang dibaluti dengan kasih sayang. Manakala, dalam konteks emosi marah yang disampaikan oleh Miah pula, menunjukkan perasaan marah yang membuka-buka terhadap beruk Alias, iaitu Chot yang disangka telah mencuri pisang di tangan pokok miliknya. Namun, emosi marah yang ditunjukkan oleh Miah hanya sia-sia kerana Chot bukanlah beruk yang tersangka memakan pisangnya. Hal ini menunjukkan bahawa, emosi marah yang tidak terkawal akan mengakibatkan seseorang manusia itu melakukan hal bodoh dan melulu tanpa memikirkan sebab kepada setiap perkara itu. Seterusnya, dapat dilihat bahawa, novel *Pantai Kasih* juga mempamerkan emosi marah melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Engkau bukannya sengaja mahu mempertikaikan kewibawaanku, Raiha?” tanya Doktor Uwang, seperti mencabarnya dalam lembut.	Marah disebabkan kewibawaannya tercabar	3
‘Jauh sekali Doktor Uwang dan juga Doktor Raiha,’ dengus Felicia, mengetap bibir dan menggenggam penumbuknya, sambil berusaha melawan perasaan yang sedang membuka-buka ganas dalam dadanya.	Marah sekaligus geram dengan napa yang berlaku.	15
“Ingat Raiha, sampai mati pun, kau takkan aku lepaskan. Biar kau merana, gantung tak bertali. Itulah balasannya terhadap kau yang tergamak memalukan aku di hadapan mata golongan masyarakat elit.”	Marah kerana dendam kesumat.	51
Sedetik itu, Uwang mengetatkan tulang rahangnya, serius semula, bahkan dia cenderung menunjukkan ekspresi wajah seperti bersedia untuk menengking sesiapa sahaja yang cuba merintangi laluannya.	Kemarahan yang tidak boleh ditegur.	61
“Bolehkah saya bantu Pak Usu?” soal Uwang, turut	Marah dengan	89

berasa marah dengan tindakan Raiha itu.	tindakan orang.	
Felicia tersentak nafas. Wajah pucatnya semakin pucat. Matanya yang sedikit merah semakin merah lagi berbinar-binar liar. Tanpa berlengah, dia bingkas bangun. Dengan jelingan tajam, Felicia meluru keluar dari pejabat Raiha dengan dituruti dentuman pintu yang menggegarkan segala-galanya.	Marah kerana dimarahi.	100

Berdasarkan kepada setiap petikan dalam novel *Pantai Kasih* yang tertera di atas, ianya jelas menunjukkan emosi marah yang dipaparkan melalui watak Doktor Uwang, Doktor Sadiz dan Felicia. Setiap watak tersebut mempamerkan emosi dan perasaan marah terhadap Doktor Raiha yang menjadi fokus kepada kemarahan mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui, Doktor Uwang menunjukkan kemarahan kepada Doktor Raiha yang dianggap mempertikaikan kewibawaannya, sebagai doktor paling hebat dan tinggi pangkatnya di hospital tersebut. Kemarahan Doktor Sadiz kepada bekas isterinya, Doktor Raiha adalah disebabkan dendam lamanya, di mana Doktor Raiha telah menuduhnya membunuh anak perempuan mereka di hadapan khalayak umum yang kebanyakannya datang dari golongan elit. Kemarahan Felicia pula adalah disebabkan perasaan bencinya yang amat kuat kepada Doktor Raiha selepas dia dimarahi kerana tidak melayan ibu pesakit kronik dengan baik. Disebabkan hal itu, Felicia tidak mampu lagi untuk bertentang mata dengan Doktor Raiha kerana perasaan marah dan sakit hati yang membuka-buka. Di samping itu, novel *Bimasakti Menari* juga memperlihatkan emosi marah melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>			
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat	
Dia tertanya-tanya. Jiwanya marah dan pemanduan tidak semena-mena bertambah laju. Dia seperti	Marah – emosi berubah tiba-tiba.	37	

mengejar sesuatu.		
“Awak yang buat begini pada anak kita. Awak yang heret dia ke dalam masalah perniagaan awak!” Si wanita memulakan pertuduhan. Namun, si lelaki itu tidak mahu mengalah. “Dia mahu puaskan hati awak. Langit gelaplah, kelip-keliplah. Itu semua awak punya idea!”	Marah (pertelingkahan suami isteri).	133

Berdasarkan kepada petikan yang tertera di atas, jelas menunjukkan bahawa, novel *Bimasakti Menari* memaparkan emosi marah melalui perbuatan dan perkataan yang dilontarkan oleh watak-watak. Dengan demikian, jelaslah bahawa, emosi marah juga boleh dikaitkan dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, emosi marah bukan hanya tertumpu kepada unsur negatif sahaja, namun ia melibatkan unsur positif seperti yang tertera dalam novel *Chot*, berdasarkan kepada watak Cikgu Sunan. Jadi, dapat diperkatakan juga bahawa, perkara ini mampu dalam melahirkan individu yang dapat mengekspresikan emosi marah berdasarkan kepada unsur positif dan negatif, bersesuaian dengan tempat dan peristiwa sekaligus akan memenuhi objektif pendidikan dengan teratur.

#### 4.4.5 Pencirian Emosi Rasa Bersalah/Menyesal

Rasa bersalah merupakan satu emosi yang serius. Jikalau seseorang itu rasa bersalah cuma sekadar kerana ia tidak dapat membantu temannya melakukan sesuatu tugas berat, ini adalah pengalaman yang biasa dihadapi oleh kebanyakan manusia. Sebaliknya jika seseorang itu selalu mengalami rasa bersalah kerana semua kesilapan, sama ada besar atau kecil yang dilakukannya, maka emosi seperti ini adalah serius (Mahmood Nazar

Mohamed, 1990). Emosi rasa bersalah dapat dikesan dalam novel *Formula Termodinamik*.

Pernyataan seperti yang tertera di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Amir bingkas. Fikirannya bercelaru. Kini, bukan sahaja dia kehilangan storan Formula Termodinamik, bahkan storan data Syarikat Bahagia milik bapanya turut menjadi mangsa. Amir berjalan mundar-mandir. Fikirannya kalut.	Kecewa dan rasa bersalah.	46
“Aku minta maaf. Memang aku berdosa kerana berbohong dan menyembunyikan diri. Aku telah insaf dengan perbuatan aku, Maafkanlah aku.”	Rasa bersalah.	86
“Apakah ini balasan dosa-dosa yang telah kita lakukan?” tanya Aswan.  “Ada kemungkinan disebabkan oleh perbuatan kita, Aswan,” sampuk Majibon.	Rasa bersalah dan menyesal.	92
“Jika kita dengar cakap mak aku, tentu kita terhindar daripada bahaya ini,” keluh Aswan, sesal.  “Sepatutnya begitulah, Aswan, kita mesti dengar nasihat orang tua,” ujar Fikri.	Menyesal dengan perbuatan yang dilakukan.	93
Aswan diam. Perasaannya sesal kerana tidak mahu mendengar nasihat ibunya, malah dia telah mengkhianati kawan-kawan yang berbuat baik terhadapnya. Keinsafan menjalar ke seluruh urat sarafnya.		
“Maafkan aku, Mir,” ucapnya. Bibirnya bergetar.  “Tidak, Mir, aku banyak dosa terhadapmu. Maafkanlah aku,” ujarnya.	Rasa bersalah dan menyesal.	98

<p>“Aku sebenarnya banyak dosa kepadamu, Mir termasuk Usamah. Aku mengkhianati persahabatan kita.”</p> <p>“Perasaan iri hati sebenarnya mendorong aku berbuat begitu, Mir. Pemacu pena itu akan kukembalikan nanti,” janji Aswan.</p>		
---	--	--

Melalui setiap petikan dari novel *Formula Termodinamik* di atas, jelas menunjukkan emosi rasa bersalah dan menyesal, yang kebanyakannya dapat dilihat menerusi watak Aswan dan dua rakannya yang mengkhianati Amir dan Usamah dengan mencuri semua storan formula termodinamik yang telah diberikan oleh Profesor untuk kajian penyelidikannya. Perasaan bersalah Aswan bukan hanya tertumpu kepada kejahanan yang dilakukannya sahaja, namun ia juga diikuti dengan rasa menyesal setelah Amir dan Usamah masih menyelamatkannya dari banjir walaupun dia dan rakannya telah berbuat jahat terhadap mereka. Seterusnya, dalam novel *Jejak Monpus* juga memperlihatkan emosi rasa bersalah melalui petikan tersebut:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Zahar tidak menyangka bahawa minatnya telah mengundang bahaya. Bukan kepada dirinya, sebaliknya kepada orang lain. Rasa kesal membuka-buka dalam dadanya.	Rasa bersalah dan kecewa dengan kajiannya.	134
‘Maafkan aku, Morgan. Aku tak boleh biarkan engkau timbulkan bencana lagi. Selamat tinggal!’ Kata-kata itu terdetak pilu dalam benak Zahar.	Rasa bersalah kerana harus membunuh haiwan.	178
Seribu penyesalan datang menerpa. Penyesalan kerana mengabaikan zuriat sendiri sehingga tidak tahu akan apa yang berlaku.	Menyesal dengan apa yang berlaku.	207

hal yang terjadi. Entah hidup atau mati.		
Tiba-tiba hati Qistina berdetik kesal. Dia kesal mereka ditemukan hari itu. Pertemuan yang membuka semula luka lamanya selama sepuluh tahun ini.	Menyesal dengan apa yang berlaku.	209

Dari setiap petikan di atas, jelas ia menunjukkan perasaan bersalah Zahar terhadap haiwan peliharaannya, Morgan iaitu seekor ulat beluncas kerana terpaksa membunuhnya untuk menghindari dari berlakunya bencana kesihatan yang lebih teruk, di bawa oleh ulat beluncas. Rasa bersalah bukan hanya tertumpu kepada manusia sahaja, namun ia juga merangkumi kepada perasaan bersalah atau belas terhadap haiwan yang juga ciptaan Allah SWT. Penyesalan dan rasa bersalah terhadap suata perkara yang telah berlaku juga dapat dilihat menerusi watak Qistina yang diselubung penyesalan setelah bertemu semula dengan bekas suaminya selepas sepuluh tahun. Emosi rasa bersalah juga dapat dilihat menerusi novel *Chot* seperti yang tertera di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Alias teringat ibunya yang di rumah. Ibunya mungkin menyangka bahawa dia sudah sampai di sekolah. Alias tidak mahu berbohong. Apabila balik nanti akan diberitahu yang dia terlewat ke sekolah kerana mencari Chot ataupun dia akan mengaku tidak ke sekolah langsung.	Rasa bersalah dan tidak sampai hati untuk membohongi ibunya.	20
Som hanya tunduk. Som tidak tahu perkara yang akan terjadi apabila waktu rehat habis dan Alias berada di dalam kelas. Bagaimanakah Alias mampu menahan malunya kalau di dalam kelas nanti kawan-kawannya terus menyindir dan berkata beruk, beruk?	Rasa bersalah kerana tidak mampu untuk menolong rakan yang dalam kesusahan.	42
Cikgu Sunan melihat ke sana sini sekitar rumah Alias. Barulah dia sedar yang hidup Alias benar-benar susah.	Rasa bersalah dan menyesal memarahi	186

Rasa menyesal juga kerana dulu, ketika Guru Besar meminta nama murid-murid yang perlukan bantuan pakaian, dia tidak memasukkan nama Alias.	Alias.	
Cikgu Sunan tertunduk. Jauh di sudut hati kecilnya, dia sedar telinga Alias mesti tercedera semasa jatuh terlentang di dalam kelas tempoh hari. Dia terasa kesal dan bersalah.	Rasa bersalah dan menyesal.	188
“Maafkan saya, Alias! ...jangan bimbang, Insya-Allah saya biaya kamu sampai ke universiti,” kata cikgu Sunan lalu memeluk Alias seperti anak kesayangannya.	Kemuncak pada penyesalan: keinsafan.	197

Berdasarkan kepada petikan dari novel *Chot*, dapat diperhatikan bahawa kemuncak kepada penyesalan dan rasa bersalah, akan menimbulkan keinsafan dalam diri seseorang individu itu. Hal ini dapat dilihat menerusi watak cikgu Sunan yang insaf dan menyesal telah memperlakukan muridnya, iaitu Alias secara kasar dan buruk. Novel *Pantai Kasih* juga memperlihatkan emosi rasa bersalah seperti petikan di bawah:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Kini semuanya sudah terlambat untuk Raiha menyesali perbuatannya. Bapanya sudah pun menjadi arwah. Hubungannya dengan saudara-saudara sebapa tetapi berlainan ibu itu, tidak pernah terjalin rapat. Raiha mengesak. Sungguh tepat jangkaan bapanya.	Menyesal tidak mendengar kata bapanya dahulu.	5
Sekali gus, ada semacam rasa bersalah yang tidak pernah wujud dalam dirinya sebelum ini, kini tiba-tiba terbit dan mengganas dalam dadanya. Namun, sedikit sahaja.	Rasa bersalah yang ditidakkann.	25
Dengan sekonyong-konyong pula, gambaran wajah seorang kanak-kanak perempuan yang sudah arwah dan tulang kerangkanya yang telah tertanam dalam di tanah perkuburan, menerjah tiba-tiba dalam fikiran	Rasa bersalah yang ditidakkann.	28

Uwang. Uwang tersentak nafas, dicengkam perasaan amat bersalah yang bukan kepalang, buat seketika.		
Entah mengapa, apabila dia menghunus skalpel untuk menghiris kulit pesakit muda yang malang itu tadi, Raiha merasakan seolah-olah kulit yang membaluti tulang pinggulnya turut sama terhiris dan tersayat sehinggalah ke urat saraf serta otot-otot yang berada di dalam tubuhnya.  "Kengiluan amat terasa," bisik Raiha kepada dirinya sendiri, merasakan seolah-olah semangatnya turut terhiris ngilu.	Rasa bersalah kepada pesakit kerana terpaksa mengharungi pembedahan.	31
Sesungguhnya, demi Tuhan, bukan niatnya untuk bermusuh dengan Felicia yang dikenali sejak di bangku sekolah rendah lagi, di daerah Inanam itu. Terutama sekali, dia tahu, Felicia yang pendiam dan amat sukar menguntumkan senyuman itu, tidak ketahuan siapa bapa kandungnya.	Rasa bersalah kerana tersalah anggap.	49
"Doktor Raiha," ucap Felicia Landosi, dalam nafas yang tersedu-sedu. "Maafkan saya, doktor. Maafkan saya. Saya tidak pernah berniat untuk mencederakan anak perempuan doktor itu. Tidak dengan sengaja."	Penyesalan yang terbuku akhirnya dilepaskan.	158

Berdasarkan kepada setiap petikan dari novel Pantai Kasih di atas, jelas ia memperlihatkan emosi rasa bersalah terhadap watak utama iaitu Doktor Raiha yang tidak mendapat keadilan dari kematian anaknya. Emosi rasa bersalah sememangnya bermanfaat dalam beberapa hal. Antaranya seperti, ia mampu dalam memotivasi seseorang individu untuk memperbaiki kesalahan mereka, meminta maaf kepada orang yang dianiayai serta berusaha untuk menghindari dari melakukan hal yang sama pada masa akan datang. Perkara ini dapat dilihat menerusi, watak Felicia yang menyesal dan meminta maaf terhadap Doktor Raiha kerana tidak menyuarakan sebarang perkataan

mengenai kematian anak Doktor Raiha dalam kecelakaan yang sadis. Di samping itu, novel *Bimasakti Menari* juga menunjukkan emosi rasa bersalah seperti:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Maafkan saya Encik Taufik. Saya telah tersalah anggap,” Nurul Hafsa akhirnya berkata. Budiman memandang wajah kedua-dua mereka dengan cemas. Satu senyuman pecah pada wajah Muhammad Taufik yang lembut tetapi serius.	Rasa bersalah kerana tersalah anggap.	55
Datanglah ke rumah saya malam ini. Saya mahu tebus kekecewaan Nurul Hafsa yang tidak dapat melihat kelip-kelip di jeti Kampung Kuantan tempoh hari,” pelawa Muhammad Taufik.	Rasa bersalah atas apa yang terjadi (pujuk).	88
“Saya minta maaf perkara ini terjadi kepada awak. Saya langsung tidak menjangka yang perkara ini akan jadi seburuk ini. Saya faham jika awak mahu tarik diri,” Nurul Hafsa memulakan bicara.	Rasa bersalah dan meminta maaf.	136
“Taufik, adakah kaulakukan semua ini untuk ibu? Ibu minta maaf. Ibu yang jadikan engkau begini.”	Menyesal dan rasa bersalah.	143

Berdasarkan kepada petikan dari novel *Bimasakti Menari*, jelaslah bahawa ia lebih memperlihatkan rasa bersalah terhadap terhadap sesuatu perkara yang tidak terjangkau dan menimbulkan penyesalan kepada individu yang berkait dengannya. Oleh yang demikian, emosi rasa bersalah sememangnya penting dalam melahirkan individu yang berketramilan dan berani dalam menyatakan kesalahan. Jelaslah, emosi ini melibatkan pembelajaran daripada pengalaman dan menggunakan kesilapan sebagai peluang untuk pertumbuhan dan perkembangan peribadi. Melalui pengaplikasian pendekatan moral di bawah teori Pengkaedahan Melayu, sememangnya ia amat menekankan terhadap

penghayatan kepada nilai moral yang mampu dalam melahirkan individu yang seimbang dari setiap aspek.

#### 4.4.6 Perincian Emosi Sedih

Menurut Nordiana Hamzah (2014), emosi sedih akan mengakibatkan tubuh badan serta fizikal tidak bertenaga serta akan menyebabkan metabolisme tubuh seseorang manusia akan lambat memproses dan menimbulkan perasaan tekanan yang konkrit. Dalam konteks psikologi, apabila berlakunya emosi sedih terhadap seseorang individu itu, lalu individu tersebut menjalankan intropesi diri, ia akan menjadikan semangat individu tersebut akan pulih seperti sedia kala. Hal ini turut diperkatakan oleh Marc Grobe (2001), yang menyatakan bahawa, emosi sedih akan menjadi pengalaman kehidupan seseorang individu yang akhirnya menjadi pendorong kepadanya untuk bangkit semula dengan baik. Jika emosi sedih itu tidak dirawat secara sistematik dan dibiarkan sahaja, ia akan memberikan impak fizikal yang bertautan dengan kemenjadian insan. Daniel Goleman (1995) mentakrifkan emosi sedih kepada kepiluan, kehibaan, kesepian, kekecewaan, kesuraman dan putus harapan, yang di mana sesuatu kesedihan itu tidak mampu dikawal, ia boleh membawa kepada tekanan perasaan ataupun depresi.

Seterusnya, Ab. Aziz Mohd Zin (1999) juga menyatakan emosi sedih kebiasaanlah lahir apabila seseorang individu itu berhadapan dengan keadaan atau perkara yang sangat mengecewakan dan menggelisahkan atau ia juga mungkin disebabkan oleh penderitaan yang menyakitkan. Emosi sedih akan membuatkan seseorang individu berasa amat tertekan dan kemurungan. Justeru itu, dapat dijelaskan bahawa, apabila seseorang merasa sedih, dia seharusnya mengawal perasaan tersebut dengan sebaiknya sebelum perasaan sedih itu semakin berleluasa dalam diri. Sebaiknya, lakukanlah sebarang aktiviti yang dapat mengurangkan dan menghilangkan rasa sedih itu

melalui bersenam, keluar dengan rakan-rakan serta berkongsi perasaan sedih tersebut dengan teman rapat. Jadi, dalam membicarakan tentang emosi sedih, pengkaji melihat bahawa empat buah novel pilihan memaparkan emosi sedih dalam setiap karya tersebut. Emosi sedih ini dapat dilihat melalui petikan dari novel *Formula Termodinamik* yang dinyatakan di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Memang penting. Adnin. Formula itu amat bernilai sekali,” Amir menjawab. Sayu. Pandangannya tertumpu ke arah sawah yang terbentang luas. Sepi. Kemudian tumpuannya beralih ke arah tapak semaihan padi yang belum dibajak lagi. Rumput lalang tumbuh meliar.	Sedih sehingga tiada perasaan yang tinggal.	39

Berdasarkan kepada petikan yang tertera di atas, jelas ianya menunjukkan emosi atau perasaan yang sedih. Hal ini dapat dilihat melalui watak Amir yang berasa sangat sedih dan sayu apabila formula kajian yang diberikan oleh Profesor Othman telah hilang dan tidak dapat dijejaki. Ini membuatkan Amir merasa kecewa kerana tanpa formula tersebut, dia tidak berupaya untuk menyiapkan projek yang sudah dirangka sebaiknya. Dalam novel *Jejak Monpus* juga ada memaparkan tentang emosi sedih melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Qistina sedar yang semuanya kini tinggal kenangan. Bukan dia tidak sayang akan Baharuddin. Tetapi luka di hati membuat dia memutuskan untuk hidup sendiri. Keterlanjuran Baharuddin beralih kasih, begitu melukakan hatinya.	Sedih kerana diperlakukan dengan kejam.	70

“Zaharrr!” serunya sambil menangis cemas. Dipangkunya anaknya yang sedang mengerang kesakitan.	Sedih melihat anak kesayangan mengalami sakit.	118
Suara Zahar bertambah sayu. Dia tertunduk, menyembunyikan kesedihan. Tiba-tiba dadanya terasa sebak. Air matanya mulai bergenang.	Sedih kerana terpaksa membunuh haiwan.	182

Berdasarkan kepada petikan dari novel *Jejak Monpus* di atas, jelas ia mempamerkan emosi sedih yang dirasai oleh watak Qistina dan Zahar. Ini dapat dilihat melalui, Qistina yang berasa sayu dan sedih akan nasib hidupnya yang telah diceraikan oleh bekas suaminya, Baharuddin. Perkara ini bertambah sedih apabila bekas suaminya itu telah berkahwin dengan wanita lain setelah menceraikannya. Dalam novel *Chot* juga memaparkan emosi sedih melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Chot, mak! Chot, mak!” Alias seakan-akan sebak. Ketiadaan Chot amat dirisaukannya.	Sedih kerana kehilangan Chot.	6
Alias menjgil matanya luas-luas dan cuba memberitahu dengan sinar matanya yang mula terasa suam dan mula tergenang air tetapi dia hanya dapat menggeleng-gelengkan kepalanya sahaja.	Kesedihan yang cuba ditutup.	36
Som tersentak dan lantas berdiri tetapi kemudiannya duduk semula. Som menyembam mukanya pada meja dan menangis teresak-esak.	Sedih kerana melihat kawan diperlakukan teruk.	37
Ibu Alias Cuma tertunduk dengan tangisan terseduh-sedu. Tidak disangkanya Chot Alias suka merosakkan harta orang.	Sedih dengan kebenaran.	152
“Chottttt!” Alias menjerit sekuat-kuat hati. Dia meraung dan mendakap Chot semahu-mahunya. Darah di dada Chot berlumuran pula pada dadanya. Alias	Sedih kerana terpaksa membunuh Chot, beruk	195

<p>menangis teresak-esak. “Maafkan aku, Chot …maafkan aku, Chot …maafkan aku …”</p>		
<p>Alias masih mendakap Chot dan menangis teresak-esak. Kemudianya dengan sedih pilu Alias mencempung Chot, lalu meletakkan Chot di bendul, di depan ibunya. “Mak.... Chot dah mati, mak....”</p>		

Berdasarkan kepada setiap petikan di atas, kebanyakannya memperlihatkan emosi sedih Alias terhadap haiwan peliharaannya, Chot. Perkara ini dapat dilihat menerusi perasaan sedih Alias apabila Chot cedera dan sewaktu dia harus membunuh Chot yang mengganas dan menyerang cikgu Sunan secara tiba-tiba. Hal ini telah menyebabkan fizikal dan mental Alias menjadi letih melalui peristiwa itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, emosi sedih bukan sahaja menjelaskan perasaan seseorang tetapi ia juga boleh menjelaskan fizikal badan. Sebagai contoh, seseorang mungkin berasa letih dan lesu akibat daripada emosi sedih yang berpanjangan. Dari segi mental pula, emosi sedih sememangnya boleh mengganggu tumpuan dan menyebabkan perubahan tingkah laku seperti ‘menutupkan’ diri dari sosial dan kehidupan. Novel *Pantai Kasih* juga memperlihatkan emosi sedih melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Dengan tiba-tiba sahaja, dia mula tersedu-sedu kepiluan. Semakin terhimpit nafasnya. Semakin tersepit pula jiwanya. Bertungkus-lumus dia cuba menolak pelbagai gambaran adegan silam yang wujud dalam babak kehidupannya, tetapi gagal.	Sedih dengan perkara silam yang berlaku.	11
Kalau dahulu hidup dan kerjayanya melebar seluas dunia, sekarang hanya terbatas pada ruangan sempit di antara kondominium mewahnya dan PRPK ini. Di	Sedih dengan kehidupan sekarang.	120

<p>kondominium mewahnya, dia bagaikan seorang pertapa kesepian yang meneruskan kelangsungan hidup tanpa tujuan yang pasti. Para penyewa di kondominium mewah itu hanya mengenalinya sebagai Doktor Raiha, tidak lebih daripada itu.</p> <p>"Tetapi, apa lagi yang ada dalam hidupku ini?" rintih hatinya, kesayuan. Apa lagi?</p>		
---	--	--

Berdasarkan kepada dua petikan di atas, jelas ia memperlihatkan perasaan sedih watak utama dalam novel *Pantai Kasih* iaitu Doktor Raiha yang menganggap hidupnya sangat kesepian dan tiada hala tuju dalam perjalanan kehidupannya. Seterusnya, novel *Bimasakti Menari* juga memaparkan emosi sedih melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Akhirnya, Nurul Hafsa menerima kenyataan bahawa impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi tidak akan tercapai. Nurul Hafsa bersedia untuk pulang dengan kekecewaan.	Rasa sedih dan putus asa.	21

Melalui petikan dari novel *Bimasakti Menari* di atas, jelas ia memperlihatkan perasaan sedih dan putus asa yang dihadapi oleh watak Nurul Hafsa yang terpaksa menguburkan impiannya untuk melihat kerlipan kelip-kelip di Sungai Selangor. Jadi, emosi sedih sememangnya sering dianggap sebagai suatu pengalaman yang tidak menyenangkan dan menyedihkan, namun ia juga penting dalam aspek keseimbangan emosi seseorang individu yang normal. Ini dikatakan demikian kerana, emosi sedih juga mampu dalam menjadi sumber kekuatan dalam mengharungi sesebuah pengalaman hidup dengan lebih mendalam dan menjadikan seseorang itu lebih bertolak ansur dengan pengalaman emosi yang kompleks. Perkara ini bertautan dengan pengaplikasian

pendekatan moral yang menekankan tentang aspek moral dengan lebih meluas dan didasari dengan kebaikan.

#### 4.5 Rohani

Rohani berasal dari perkataan ‘roh’ yang membawa makna kepada urusan ketuhanan dan kesucian disisi Allah SWT, serta manusia diberikan takat dan sempadan dalam mempunyai pengetahuan tentangNya (Shahabuddin Hashim & Noor Miza Abdul Rahman, 2014). Menurut Harun Din (2003) pula, rohani dapat didefinisikan sebagai unsur kebatinan ataupun perkara yang berkaitan dengan kejiwaan. Tambahan, kerohanian juga dikatakan sebagai unsur ketuhanan yang merangkumi kepada aspek kekudusan Allah SWT. Kerohanian juga dapat diklasifikasikan sebagai dimensi yang berkaitan dengan dalaman sekaligus ianya menjadi teras dalam diri seseorang manusia (Mohd Nasir, 2005). Rohani juga hanya melibatkan perkara maknawi sahaja iaitu, tidak dapat dikesan melalui pancaindera, namun ianya dapat dikesan melalui sifat atau perbuatan yang dijalankan oleh seseorang manusia seperti menunaikan ibadah kepada Allah SWT. Hal ini dapat digelar sebagai tanggungjawab rohani yang harus dijalankan oleh setiap manusia.

Kerohanian juga dapat dijelaskan kepada satu bentuk pemikiran yang menghasilkan perkembangan rohani sebagai tujuan dalam kehidupan seseorang insan. Kerohanian merangkumi kepada lima aspek utama seperti keyakinan kepada tuhan, kepercayaan kepada agama, penghayatan nilai murni dan norma masyarakat, pemantapan jiwa serta pekerti yang mulia. Menurut Mohd Yusof Hassan (2012), setiap manusia yang memiliki pemikiran dari aspek rohani serta menerapkan ilmu-ilmu yang berangkaian dengannya, ia akan menjadi mahkluk yang sempurna sebagai hamba Allah SWT.

Tambahan lagi, setiap pemikiran yang mempunyai jalinan kepada kerohanian akan dapat melahirkan sifat keimanan dan ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT.

Dalam Islam, nilai kerohanian yang berpaksikan kepada tauhid membawa makna tentang kehebatan dan keesaan Allah SWT, kefahaman yang bersepadan mengenai alam, dunia akhirat, ibadat, adat, sains, hukum moral atau etika, kekeluargaan, masyarakat, metafizikal dan estetik, jasmani, wahyu, pancaindera, akal fikiran dan sebagainya yang merangkumi kepada kemenjadian seseorang manusia (Muhammad Uthman El-Muhammady, 2003). Dapat disimpulkan bahawa, elemen rohani adalah asas yang berlandaskan kepada al-Quran sebagai landasan utama dalam pemikiran kerohanian. Jadi, pemikiran kerohanian ini merupakan satu pegangan utama kepada peraturan-peraturan yang dilaksanakan dalam agama Islam merangkumi kepada aspek keimanan serta ketakwaan kepada Allah SWT.

#### **4.5.1 Keagamaan**

Definisi keagamaan dapat dijelaskan kepada satu elemen atau sifat yang merangkumi kepada hal-hal berkaitan kerohanian (W.J.S Poerwadarminta, 1986). Menurut Mohd Yusof Hasaan (2007), aspek keagamaan merupakan satu aspek dalam pemikiran yang merangkumi kepada pemikiran yang suci dan kudus, ketinggian darjat serta kesyahduan martabat. Jadi, pemikiran yang mempunyai keimanan serta berunsurkan ketakwaan akan menjadikan manusia sentiasa menuju ke arah kebaikan. Dalam aspek keagamaan, terdapat dua unsur utama yang diketengahkan iaitu aspek keagamaan melibatkan hubungan manusia dengan tuhan serta hubungan manusia dengan manusia. Unsur-unsur tersebut kebiasaannya dipaparkan menerusi aspek tema, watak dan perwatakan, peristiwa yang digambarkan serta sebagainya.

#### 4.5.1.1 Hubungan Manusia dengan Tuhan (حَبْلٌ مِّنْ أَنْفُسِهِ)

Dalam konteks unsur hubungan manusia dengan tuhan, ianya dinilai berdasarkan kepada kepercayaan, tanggungjawab serta kepatuhan kepada tuhan, iaitu Allah SWT. Hal ini membawa makna kepada, seseorang insan seharusnya menginsafi dan bermuhasabah bahawa, kejadian setiap manusia yang ditempatkan di dunia ini adalah ditanggungjawabkan sebagai hamba Allah SWT. Hal ini membawa erti bahawa, setiap manusia seharusnya menitikberatkan aspek kepatuhan serta ketaatan di atas setiap segala perkara yang diperintahkanNya. Aspek-aspek tersebut haruslah dijadikan sebagai keutamaan dalam kehidupan seseorang manusia. Dapat dijelaskan bahawa, unsur hubungan manusia dengan tuhan dapat diperincikan kepada dua aspek utama iaitu ketaatan dan kepercayaan seseorang insan dalam mempraktikkan rukun iman dan rukun islam dengan baik.

##### 4.5.1.1.1 Ketaatan

Ketaatan atau kepatuhan merupakan satu elemen yang penting dalam diri seseorang insan di sisi Islam. Ini dapat digambarkan bahawa, tanpa ketaatan, sesebuah bahtera keimanan tidak mampu untuk belayar dengan baik dan diibaratkan sebagai bahtera yang rosak (Hashim Jasin, 2019). Hal ini jelas digagaskan dalam surah an-Nisa, ayat 59, yang menyatakan tentang perintah Allah kepada orang-orang yang beriman agar sentiasa taat kepada Allah dan Rasul serta para pemimpin (Ulil Amri) yang terdapat dalam kalangan mereka. Dapat disimpulkan bahawa, ketaatan dapat dijelaskan dengan ketakwaan seseorang muslim terhadap Allah SWT dengan sentiasa mengerjakan apa yang diperintahkan-Nya serta meninggalkan segala apa yang dilarang-Nya. Berikut merupakan

kehadiran unsur hubungan manusia dengan tuhan dari aspek ketaatan yang diselitkan dalam novel *Jejak Monpus* melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
<p>“Dah solat?” Pertanyaan itu terpacul, menyentak Zahar daripada lamunannya. Dia menoleh. Qistina sudah berdiri di sampingnya</p> <p>“Dah!” jawab Zahar sambil tersenyum, terus membelek bukunya.</p> <p>Begitulah insan bernama ibu. Tidak lupa mengingatkan anaknya akan kewajipan hidup di dunia. Antaranya, solat lima waktu. Sejak kecil, pesanan itu sentiasa menerobos cuping telinga Zahar.</p>	Solat - hubungan manusia dengan tuhan.	11

Selain itu, kehadiran unsur hubungan manusia dengan tuhan dari aspek ketaatan juga diselitkan dalam novel *Chot* melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
<p>Sememangnya setiap hari, selepas balik dari sekolah, makan dan memberi nasi kepada Chot, dia akan ke pergi dan mandi, kemudian bersembahyang zuhur. Alias belajar sembahyang daripada ayahnya dahulu dan juga ustaz di sekolah. Alias sudah membaca al-Quran sehingga juzuk yang ketiga.</p>	Solat dan membaca al-Quran.	63
<p>“Dah sembahyang?” tanya Mak Su Kiah. Alias tersengih. Terasa juga dia bersalah. Sepatutnya dia mesti bersembahyang dahulu kalaupun hendak ke mana-mana.</p>	Tekankan mengenai solat.	116

Di samping itu, novel *Bimasakti Menari* juga ada menyelitkan kehadiran unsur hubungan manusia dengan tuhan dari aspek ketaatan melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
Pada malam semalam, selepas menunaikan solat, Nurul Hafsa berdoa dan menanam azam yang dia akan menjalankan tugasnya sebagai seorang penjawat awam dengan penuh dedikasi.	Solat dan berdoa.	9

Berdasarkan kepada beberapa petikan dari tiga novel KOMSAS pilihan iaitu novel *Jejak Monpus*, *Chot* dan *Bimasakti Menari* yang dipaparkan di atas, jelas ia menunjukkan unsur hubungan manusia dengan tuhan melalui aspek ketaatan. Hal ini dapat dilihat menerusi pemaparan watak-watak yang menjalankan tanggungjawab serta patuh kepada perintah Allah SWT dengan bersolat. Solat dari segi istilah dapat didefinisikan sebagai satu perbuatan yang dimulai dengan takbiratul ihram dan ianya disudahi dengan salam, sekaligus mengikut tertib serta rukun dan syarat tertentu (Muhammad Mushfique, 2019). Solat merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan bagi seseorang muslim dan solat dikelaskan sebagai rukun islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Hal ini turut diperjelaskan melalui Riwayat al-Tarmizi (2616), yang menyatakan daripada Mu'az bin Jabal RA, Nabi SAW bersabda bahawa, “*Pokok segala urusan adalah Islam, tiangnya adalah solat dan kemuncaknya adalah berjihad.*”. Jadi, dapat dikatakan bahawa, solat dapat digambarkan sebagai tiang agama, di mana, jika seseorang muslim itu tidak melaksanakannya, maka ‘runtuhlah’ agama yang terdapat dalam dirinya.

Melalui novel *Jejak Monpus* dan *Chot*, dapat dilihat bahawa, watak Zahar dan Alias memperlihatkan ketaatan dengan menunaikan solat secara ikhlas tanpa menerima

sebarang paksaan daripada ibu mereka. Hal ini juga turut disaksikan dengan watak Nurul Hafsa melalui novel *Bimasakti Menari* yang menjalankan solat bagi memenuhi segala tuntuan ibadatnya kepada Allah SWT dan akhirnya diikuti dengan doa sebagai penutup kepada aktiviti ibadat tersebut. Berdasarkan kepada pemaparan ini, dapat dijelaskan bahawa, seseorang individu semestinya harus memahami dan menerima tujuan penciptaan manusia oleh Allah SWT, adalah didasari kepada penghayatan ibadat kepada-Nya, iaitu dengan sentiasa mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hal ini juga diperjelaskan lagi dengan Abdul Rahman Mohd Aroff (1999) yang menyatakan bahawa, setiap ibadat yang dijalankan secara sempurna dan ikhlas dari hati, mampu membentuk keperibadian seseorang insan mulia dan mendapat ganjaran pahala dari Allah SWT, sekaligus ianya mampu mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran.

#### **4.5.1.1.2 Kepercayaan (Tawakal)**

Kepercayaan atau tawakal dapat dijelaskan sebagai satu manifestasi keyakinan yang terdapat dalam hati seseorang muslim dalam memberikan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT (Aisyah Jamilah Moh Shin, 2021). Jika dilihat melalui kitab *Penawar Bagi Hati*, Sheikh Abdul Qadir al-Mandili menyifatkan rukun tawakal kepada tiga elemen utama iaitu tauhid, pekerjaan serta perbuatan. Tauhid merupakan keyakinan sepenuhnya di dalam hati, yang diberikan kepada pencipta seluruh alam iaitu Allah SWT. Perbuatan pula membawa makna kepada penyerahan segala-galanya kepada Allah SWT terhadap segala perkara yang dilakukan. Pekerjaan dalam konteks ini pula membawa makna kepada usaha yang dilakukan dengan bersungguh dan akhirnya diserahkan segala pengharapan kepada Allah SWT Hal ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah ali-

Imran, ayat 122, yang menyatakan bahawasanya orang yang beriman seharusnya bertawakal hanya kepada Allah SWT. Dalam novel *Formula Termodinamik*, terdapat beberapa petikan yang memperlihatkan tentang konsep tawakal kepada Allah SWT seperti yang dinyatakan ini:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
Usamah menundung ke arah masjid yang jelas kelihatan dari atas bukit. Ruangnya terang-benderang. “Berdoa, minta syafaat mudah-mudahan formula itu akan dapat ditemukan.” Nasihat Usamah.	Berdoa untuk mendapatkan kemudahan.	41

Melalui petikan di atas, watak Usamah jelas memperlihatkan aspek tawakal melalui nasihat yang diberikan kepada rakannya Amir, yang kecewa kerana formula untuk projeknya telah hilang. Hal ini menyebabkan Usamah meminta Amir untuk berdoa di masjid supaya Allah SWT mengabulkan permintaannya, sekaligus akan membantu mereka dengan perkara yang lebih baik atau formulanya akan ditemukan semula. Perkara ini jelas menunjukkan Usamah yang sepenuhnya memberikan keyakinan kepada Allah SWT melalui sekecil-kecil perkara. Seterusnya, novel *Jejak Monpus* juga menunjukkan tentang konsep tawakal kepada Allah SWT melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Ya Allah, semua ini takdir-Mu. Semuanya terjadi dengan keizinan-Mu. Ampunilah hamba-Mu ini, ya Allah!” Zahar pantas beristighfar apabila terdetik dalam fikirannya bahawa dia seolah-olah cuba	Berdoa dan beristighfar kepada Allah SWT.	135

mempertikaikan takdir.		
‘Ya Allah, ampunilah hamba-Mu yang lalai ini’ hatinya berdetik lagi ketika dia menyapu mukanya.	Berdoa.	177
“Syukur, alhamdulillah. Terima kasih, ya Allah kerana memberikan aku ilham, kemudahan, dan keredaan untuk mencapai kejayaan ini.	Ucap Syukur kepada Allah SWT.	198

Watak Zahar yang ditunjukkan melalui petikan novel *Jejak Monpus* di atas, memperlihatkan aspek kebergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT dalam setiap perkara. Hal ini dapat dibuktikan melalui Zahar yang pantas beristighfar dan bersegera dalam meminta keampunan dari Allah SWT setelah berfikiran untuk mempertikaikan takdir yang sudah tertulis untuk dirinya. Ianya bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al-Ra’d, ayat ke 8 yang membawa makna kepada setiap sesuatu perkara di sisi Allah adalah merupakan ketentuan takdir. Dapat dijelaskan bahawa, setiap perkara itu adalah didasari oleh Allah SWT dan mungkin hanya terbatas dengan waktu yang telah ditentukan samada tidak lebih ataupun tidak kurang. Jadi, wajib bagi seseorang muslim percaya kepada qada’ dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah SWT (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2014). Zahar juga mensyukuri segala kejayaan yang diperolehinya, asbab ianya diberikan oleh Allah SWT Dalam pada itu, kehadiran unsur hubungan manusia dengan tuhan dari aspek ketawakalan juga ada diselitkan melalui petikan novel *Chot* di bawah:

Novel: <i>Chot</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
Alaudin terus membaca doanya: “Ya Allah, berkatkanlah pelajaran yang kami tuntut. Bukaikanlah dada kami untuk menerima ajaran guru. Jadikanlah kami sebagai murid-murid yang berguna. Amin!”	Doa permulaan – serahkan segala kepada Allah SWT.	15

Melalui petikan dari novel *Chot* di atas, jelas ia mempamerkan aspek tawakal dengan berdoa. Hal ini dapat dilihat melalui watak Alaudin selaku ketua kelas membacakan doa sebelum memulakan aktiviti pembelajaran. Lain daripada itu, aspek tawakal di bawah elemen hubungan manusia dengan tuhan, ada diterapkan dalam novel *Pantai Kasih* melalui petikan tersebut:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Mudah-mudahan, dengan izin dan juga limpahan rahmat dari Tuhan, setelah dioperasi sendiri oleh Doktor Raiha tadi, Unong Siron akan berpuas hati dengan keputusan operasi tersebut,” tambah Kartini.	Serahkan segala kepada Allah (tawakal).	45-46
“Dan lagi, sama ada berjaya ataupun tidak sesuatu operasi, hanya Tuhan yang tahu. Hanya Tuhan yang menentukan segala-galanya.” “Saya kira, adalah sangat tidak wajar jika kita menyalahkan Tuhan atas perkara yang bukan-bukan, jika yang melakukan kesilapannya ialah manusia itu sendiri,” balas Raiha, hilang sabar.	Serahkan segala kepada Allah (tawakal).	94
‘Ya Allah, berikanlah hamba-Mu ini kekuatan, berikanlah’ rintih Raiha dalam hatinya. ‘Berikanlah kepadaku kekuatan, agar aku mampu membuka kembali pintu dunia yang telah kututup dahulu. Yang pasti, hanya dengan cara seperti itu sahaja, aku dapat bertindak sebagai pengabdi kemanusiaan yang jujur menjalani kehidupan.’	Berdoa dan memberi sepenuh pengharapan kepada Allah SWT.	158

Selanjutnya, novel *Bimasakti Menari* juga memperlihatkan aspek kepercayaan atau tawakal melalui petikan ini:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>		
Petikan Novel	Ulasan Ringkas	M/Surat
Ya Allah, kata hati Muhammin, hanya Kau yang mengetahui sebab-musabab bagi setiap kemosyikilan. Dia sebagai hamba-Nya hanya boleh berusaha melakukan yang terbaik setakat kemampuannya sahaja.	Berdoa - serahkan segala kepada Allah (tawakal).	38
“Syukur kepada Tuhan dia selamat. Mungkin Allah SWT beri peluang untuk Zharif kembali ke pangkal jalan. Insya-Allah.”	Ucapan Syukur kepada Allah SWT.	70
Dia berdoa, Ya Allah, selamatkanlah anakku yang seorang ini.	Berdoa.	135

Berdasarkan kepada setiap petikan di atas, jelas ianya menunjukkan bahawa, kelima-lima buah novel memaparkan unsur hubungan manusia dengan tuhan melalui aspek kepercayaan iaitu tawakal. Hal ini dapat dilihat menerusi pemaparan watak-watak yang memberikan kepercayaan sepenuhnya dan bertawakal kepada Allah SWT melalui berdoa. Dari segi pengertian syarak, doa dapat didefinisikan sebagai meminta kebaikan kepada Allah SWT dengan penuh kekhusukan, ketulusan hati serta penuh pengharapan di sisi-Nya (Said Ali, 2011). Pengertian ini juga dapat dijelaskan lagi dengan firman Allah melalui surah Ghafir, ayat 60, yang menyatakan, “*Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombang takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.*”. Daripada petikan al-Quran ini, jelaslah bahawa, Allah SWT menyeru umat manusia untuk berdoa dan bertawakal kepada-Nya dengan bersungguh-sungguh,

dan menyifatkan manusia yang tidak berbuat demikian sebagai seseorang yang sombong dan takbur dengan kekuasaan-Nya.

#### 4.5.1.2 Hubungan Manusia dengan Manusia (حَبْلٌ مِّنَ النَّاسِ)

Dalam konteks unsur hubungan manusia dengan manusia melalui pemikiran terhadap elemen kerohanian, ianya dapat diukur melalui perincian utama bagi seseorang muslim yang mempunyai akhlak yang baik. Akhlak yang baik bukan hanya tertumpu kepada diri sendiri sahaja, namun akhlak atau perlakuan yang baik terhadap setiap insan dalam sesebuah kehidupan di dunia. Dalam konteks agama Islam, Islam sangat mementingkan hubungan baik sesama insan, tidak kiralah dengan manusia ataupun haiwan. Ini sangat selari dengan istilah ‘hablumminannas’ yang menjelaskan tentang kepentingan hubungan baik manusia antara manusia. Hal ini kerana, tidak ada manusia di atas muka bumi ini yang boleh hidup sendirian tanpa berhubungan dengan orang lain. Allah SWT juga telah menciptakan kehidupan manusia dengan baik dan ia selari dengan surah an-Nisaa’ ayat 36, yang berbunyi, “*Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu-bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri*”. Jelaslah bahawa, Allah SWT sangat menekankan tentang hubungan baik di antara setiap manusia tanpa mengira pangkat dan darjah seseorang tersebut. Melalui novel *Formula Termodinamik*, jelas ia memperlihatkan tentang nilai rohani melalui hubungan baik antara manusia dengan manusia melalui petikan di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan Novel	Pendekatan Moral	M/Surat
<p>“Apabila kita melakukan sesuatu pekerjaan, niat mesti ikhlas,” sindir Fikri yang sedia maklum akan perangai Aswan yang suka mengambil kesempatan atas kelemahan orang lain.</p> <p>“Barulah kerja berkat.” celah Majibon yang banyak mengetahui nilai Islam itu.</p>	Ingat mengingati.	12-13
<p>“Kalau berniat tak baik, tentu Tuhan tak kabulkan,” usik Fikri seolah-olah faham perkara yang sedang difikirkan oleh Aswan.</p>	Ingat mengingati.	48
<p>“Insya-Allah, Mir, niat yang baik akan diberkati Allah,” sokong Intan.</p>	Penggunaan kalimah Insya-Allah.	52
<p>“Ajal dan maut di tangan Allah, takkan ada sesiapa boleh menolak,” balas Pak Cik Suib.</p>	Qada’ dan Qadar.	59
<p>“Itu milik orang lain. Agama melarang kita mengambil hak orang lain. Kita telah melanggar nilai kemanusiaan. Fikri yang sentiasa berfikiran ke depan itu menentang keras.</p>	Ingat mengingati-tentang hak milik.	67
<p>“Mengarutlah, kuasa Allah tak akan dapat ditentang oleh sesiapa. Jangan kau cuba berangan-angan. Usamah mengingatkan Zaid.</p> <p>“Kuasa Allah lebih hebat daripada segala-gala kuasa manusia, Zaid,” sahut Amir.</p> <p>“Angin ribut ialah kuasa Allah.” Usamah bersuara menyatakan keyakinannya.</p>	Ingat mengingati-Allah sebagai keutamaan.	96

Berdasarkan kepada setiap petikan yang tertera di atas, jelas ia memperlihatkan elemen rohani dari aspek hubungan manusia dengan manusia. Amalan ingat mengingati

di antara rakan dan keluarga sememangnya membantu dalam menjaga hubungan di antara manusia untuk sentiasa ingat akan larangan dan kekuasaan Allah SWT. Sikap baik yang diperlihatkan mampu dalam melahirkan seseorang insan yang berakhhlak mulia bertautan dengan pendekatan moral yang menekankan tentang akhlak mulia, mampu dalam memperkasakan kehidupan yang lebih tenteram.

#### 4.7 Intelek

Potensi intelek merupakan keupayaan mental iaitu yang berkaitan dengan akal dan daya fikir yang dimiliki oleh seseorang bagi memastikan seseorang itu memperolehi keupayaan dan kemahiran, pemikiran kreatif dan kritis, peningkatan dan penyebaran ilmu serta pemanfaataan ilmu untuk diri dan orang lain. Pemikiran yang kreatif ialah ke arah melahirkan rakyat yang inovatif tetapi kritis dalam menjangkakan kesan dan akibat sesuatu pembaharuan kepada manusia sejagat dan alam agar sesuatu pembaharuan itu tidak membawa kepada kemudarat dan kerosakan. Intelek merupakan asas kepada perkembangan potensi pelajar bertujuan dalam melahirkan insan yang berilmu. Nilai intelek dapat dilihat menerusi petikan dari novel *Formula Termodinamik* seperti yang tertera di bawah:

Novel: <i>Formula Termodinamik</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Kami hendak mengubah suai sebuah mesin rumput yang terpakai.” Amir menekan tetikus untuk mencari grafik model mesin itu.	Pemikiran yang kreatif dan inovatif.	6
“Mesin itu telah saya programkan. Beginilah bentuk dan rupa mesin rumput itu apabila telah diubah suai.”		

Amir menunjukkan pengubahsuai mesin itu. Beberapa penambahan haba dan tenaga diperlukan.		
“Kita ubah suai mesin ini dengan berpandukan Formula Dua Hukum Popular Termodinamik,” syor Usamah sambil ibu jarinya menunjuk ke arah grafik yang tertera pada skrin	Pemikiran yang kreatif dan inovatif melalui penggunaan formula.	8
“Pada hujung pemotong rumput itu, kita wujudkan tangan robot. Gigi pemotong rumput, kita buang yang tak perlu digunakan. Dengan pengendalian tangan, dan pengawalan suhu, mesin itu akan beroperasi secara automatik.”	Pemikiran yang kreatif dan inovatif.	11
“Kerana sebahagian daripada pemindahan tenaga itu menyebabkan berlakunya pergeseran antara mata pisau yang bergerak dengan mata pisau yang tetap. Keadaan ini menunjukkan peningkatan suhu dalam mesin telah berlaku,” jelas Amir lagi, penuntut tahun akhir, Diploma Kejuruteraan Am itu.	Pemikiran yang intelek dan mengaplikasikan fakta.	20
“Gabungan baja asli dan baja kimia ada keseimbangan. Baja asli menyuburkan tanaman. Baja kimia mengawal virus penyakit tumbuh-tumbuhan. Jadi, gabungan baja itu dapat menghasilkan tanaman yang sihat,” pintas Usamah.	Pemikiran yang intelek dan mengaplikasikan fakta.	57

Selain itu, novel *Jejak Monpus* juga memaparkan tentang nilai intelek atau kepintaran melalui petikan yang tertera di bawah:

Novel: <i>Jejak Monpus</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Dia telah berjaya mencipta formula racun serangga perosak untuk ulat bungkus yang menyerang pokok sawit di Simpang Renggam tahun lalu. Hasil ciptaannya itu telah membantu menyelamatkan berjuta-juta pokok kelapa sawit daripada musnah.	Pemikiran yang kreatif dan inovatif.	20

Zahar memang suka membuat penyelidikan. Bukan itu sahaja. Dia seorang pengumpul, pengutip data, dan kalau perlu, dia memelihara hidupan baharu dan asing yang ditemuinya.	Rajin dalam membuat penyelidikan.	33
Zahar mengambil cecair yang keluar itu menggunakan picagari lalu dititiskan ke dalam balang yang mengandungi cecair pekat berwarna biru gelap. Cecair biru gelap itu merupakan cairan yang diambil daripada Pus Pus yang juga tenat.	Pengaplikasian ilmu sains/kimia.	91
Zahar telah berjaya mencantumkan tisu dua spesies ulat bulu. Ternyata hasil cantuman tisu Pus Pus dengan ulat bulu di Pulau Pisang telah melahirkan spesies baharu yang sangat unik. Spesies yang tidak pernah ditemui sebelum ini.	Pengaplikasian ilmu sains/biologi.	93
Zahar pantas mencapai peralatan makmalnya: tabung uji, bikar, kelalang, dan larutan berwarna hijau, kuning, biru, yang dihasilkannya menggunakan formula tertentu. Larutan itu merupakan hasil tindak balas kimia antara bahan kimia tertentu dengan cecair yang diambil dari badan Morgan.	Pengaplikasian teori sains/kimia.	175

Di samping itu, novel *Pantai Kasih* juga memperincikan tentang nilai keintelekan yang berfokuskan kepada ilmu kedoktoran melalui setiap petikan di bawah:

Novel: <i>Pantai Kasih</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
Diletakkan jarinya di pergelangan tangan pesakit wanita itu, di bawah ibu jarinya. Begitu jarinya digerakkan sehingga dapat merasakan denyutan nadi wanita itu, dengan bibirnya yang sedang terkumat-kamit membilang jumlah nadi buat 15 kali dan cuba dikalikan dengan angka empat, Felicia berasaskan dirinya sudah hampir hanyut dalam kerusuhan yang	Ilmu kedoktoran.	29

bersarang dalam dirinya.		
Demikianlah, dengan pelbagai pengalaman yang baharu, dengan kerjaya yang sangat mencabar dan juga memerlukan pengorbanan yang bukan hanya sedikit, dia terus mempelajari ilmu Ortopedik dan Perawatan Ortopedik, Pediatrik dan Perawatan Pediatrik, Farmakologi, Perawatan Penyakit Berjangkit dan ilmu lain yang berkaitan dengan bidang kejururawatan.	Ilmu kedoktoran.	42
Namun, para pegawai perubatan itu terus sibuk merawatnya. Ada yang menyuluh anak mata Uwang dengan cahaya lampu daripada oftalmoskop, ada yang cuba memukul dengan lembut pergelangan tangan dan siku serta lututnya yang tercedera parah itu dengan tukul khas bagi menguji refleks. Ada yang memasang atau meletakkan ketiga-tiga pendawaian elektrod pada dadanya, seolah-olah ingin merekodkan elektrokardiogram.	Ilmu kedoktoran.	150-151

Seterusnya, nilai intelek juga dapat dilihat menerusi novel *Bimasakti Menari* melalui setiap petikan yang tertera di bawah:

Novel: <i>Bimasakti Menari</i>		
Petikan	Ulasan Ringkas	M/Surat
“Adakah adik-adik semua tahu bahawa nama bintang-bintang dalam buruj Orion iaitu Betelgeuse, Rigel, Saiph, Alnitak, Mintaka, Alnilam, dan Bellatrix diambil dari perkataan Arab? Hal ini kerana tamadun Islam dari Timur Tengah ialah penyumbang besar kepada khazanah pengetahuan ilmu falak.	Ilmu falak/ilmu alam.	5
Jika mengikut deskripsi tugasnya, Nurul Hafsa sebagai seorang pegawai sains yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang fizik bertanggungjawab mengurus tadbir dan menyelia	Kepintaran individu.	44

semua urusan berkaitan dengan pentadbiran Balai Cerap Sultan Salahuddin, termasuklah merancangkan dan melaksanakan program penyelidikan astronomi dan sains angkasa secara rutin.		
“Cara terbaik untuk tidak menggunakan grid kumbahan awam adalah dengan memasang satu sistem kumbahan sendiri. Sistem kumbahan terdiri daripada satu tangki besi konkrit bawah tanah yang mengumpulkan dan melepaskan cecair kumbahan rumah.	Ilmu baharu.	59

Berdasarkan kepada setiap petikan dari novel *Formula Termodinamik*, *Jejak Monpus*, *Pantai Kasih* dan *Bimasakti Menari* di atas, jelas ia memperlihatkan nilai intelek yang berfokuskan kepada sesuatu bidang yang ditumpukan dalam novel. Hal ini dapat dilihat melalui novel *Formula Termodinamik* yang berfokuskan kepada pengubahsuaian mesin padi atau baja, iaitu dalam konteks ‘critical-thinking’. Manakala, novel *Jejak Monpus* lebih memfokuskan kepada bidang ilmu veterinar yang memperincikan ilmu mengenai haiwan dan pengubahsuaianya dalam konteks tersebut. Melalui novel *Pantai Kasih* pula, ia memperincikan tentang ilmu kedoktoran yang sedikit sebanyak memperlihatkan aspek penggunaan rasmi atau formal ses sebuah perkara. Dalam novel *Bimasakti Menari* pula, ia memperuntukkan ilmu falak atau alam yang memperincikan tentang bintang atau orbit di angkasa. Jadi, jelaslah bahawa, setiap nilai keintelekan yang dipaparkan sememangnya mampu dalam memperlihatkan elemen pendidikan yang lebih ilmiah bertautan dengan pendekatan moral yang sangat mementingkan aspek intelek.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir yang dilakukan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian penyelidikan ini. Menerusi bab ini, pengkaji merumuskan keseluruhan analisis perbincangan kajian yang didasari kepada objektif dan persoalan kajian. Selain itu, pada bab ini juga, pengkaji menekankan kepada aspek implikasi atau kesan positif dari penyelidikan kajian yang dijalankan serta mengemukakan cadangan yang berdasarkan kepada kajian, bertujuan dalam membantu pengkaji-pengkaji lain untuk mengisi kelompongan serta meneruskan kajian ini pada masa akan datang.

#### 5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis terhadap unsur pendidikan serta penerapan nilai Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) menerusi novel Komponen Sastera (KOMSAS) terpilih, yang didasari kepada teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral. Bahagian ini telah menjawab segala objektif pertama iaitu dalam mengenal pasti unsur pendidikan yang terdapat dalam KOMSAS melalui konsep JERI. Ia juga menjawab segala objektif kedua iaitu dalam menganalisis penerapan nilai JERI dalam novel KOMSAS terpilih menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Melihat dengan lebih mendalam, unsur pendidikan merangkumi kepada beberapa aspek penting yang setiap satunya saling berinteraksi di antara satu sama lain, bertujuan dalam mencapai matlamat pendidikan

yang merangkumi kepada pemaknaan kepada pengetahuan, keterampilan serta nilai terhadap masyarakat. Dalam konteks ini, pengkaji telah mengekspresikan unsur pendidikan melalui elemen utama konsep JERI yang memperlihatkan perkaitan dengan matlamat pendidikan yang telah dikelaskan. Hal ini demikianlah seperti, kehadiran nilai-nilai moral yang diselitkan melalui teks ataupun penceritaan sesebuah novel KOMSAS terpilih. Setiap nilai-nilai etika mahupun pesanan moral yang dipamerkan dalam novel KOMSAS tersebut, adalah bertujuan dalam menghasilkan elemen pembelajaran berkaitan dengan aspek kebaikan, bersesuaian dengan empat elemen utama yang termaktub dalam nilai JERI, yang diperkenalkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Oleh yang demikian, dapat dijelaskan bahawa, pengkaji telah menjalankan penyelidikan terhadap teks KOMSAS tingkatan satu hingga lima, di bawah Zon C (Terengganu). Setiap penyelidikan teks yang dijalankan adalah berdasarkan kepada pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral yang menekankan beberapa aspek dalam sesebuah karya. Novel *Formula Termodinamik* karya Obasiah Haji Usman, *Jejak Monpus* karya Zulaiha Paikon, *Chot* karya Azizi Haji Abdullah, *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin dan *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusof memperlihatkan elemen nilai JERI yang terkandung di dalamnya bersesuaian dan mempunyai kaitan dengan aspek unsur pendidikan. Perkara ini merupakan hal penting kerana ia akan memperlihatkan bahawa, setiap teks KOMSAS yang dihasilkan bukan hanya bertujuan sebagai media hiburan sahaja, namun ia meliputi kepada aspek pendidikan yang berkait rapat nilai JERI sekaligus mampu dalam memberikan pengajaran kepada masyarakat dan generasi akan datang. Hal ini juga memperlihatkan perkaitan yang rapat dengan matlamat FPK dalam mewujudkan elemen nilai JERI sebagai suatu usaha untuk melahirkan individu yang berakhhlak mulia sekaligus mampu menjadi

seorang warganegara yang baik. Ia juga berkait dengan unsur pendidikan sebagai asas paling utama dalam proses kepada pembinaan insan yang lebih seimbang.

Dapat dijelaskan bahawa, kajian ini amat menekankan dan mengangkat teks KOMSAS, berdasarkan kepada penerapan nilai JERI yang terkandung di dalamnya. Nilai JERI yang merangkumi kepada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek merupakan empat elemen penting yang seharusnya diselitkan dalam setiap teks KOMSAS atau teks-teks sastera. Keempat-empat aspek nilai tersebut mampu dalam memperkembangkan potensi seseorang individu secara bersepada dalam melahirkan insan yang sejahtera dan seimbang dari seluruh perkara. Dalam konteks ini, KOMSAS telah menjadi satu cabang atau pemangkin kepada penerapan nilai JERI yang dapat memperlihatkan kepentingan signifikan didasari kepada modal insan yang berguna. Kajian yang dijalankan ini juga diharapkan mampu untuk mengisi setiap kelompongan kajian lepas, tidak kiraiah dari aspek positif mahupun negatif, yang telah diketengahkan. Unsur pendidikan serta nilai JERI yang terdapat dalam setiap teks KOMSAS terpilih, membawa kepada pengekalan kesan positif terhadap individu yang akan membawa kepada peningkatan pada masa akan datang.

Dengan demikian juga, pengkaji telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu (1989) oleh Hashim Awang melalui pendekatan moral yang menekankan kepada empat teras utama dalam pengaplikasiannya. Teori pengkaedahan Melayu amat menekankan tentang keseluruhan aspek kehidupan seseorang individu, di mana ia merangkumi kepada cara kehidupan, kebudayaan, kepercayaan setempat masyarakat Melayu yang diketengahkan dalam sesebuah karya sastera. Ini membawa makna kepada, setiap karya yang dihasilkan seharusnya dilakukan secara dinamik serta ia sememangnya memerlukan penelitian yang menyeluruh dalam pelaksanaannya tanpa mengalami sebarang pengecualian. Teori ini membantu dalam melakukan rangkuman kepada

pandangan yang menyeluruh berkaitan dengan sesuatu sudut pandangan yang berkisarkan kepada masyarakat Melayu. Teori ini juga dipecahkan kepada dua pengkaedahan utama iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Di setiap pengkaedahan tersebut, ia dibahagikan pula kepada beberapa bahagian lain seperti Pengkaedahan Alamiah yang merangkumi kepada pendekatan firasat, pendekatan moral dan pendekatan gunaan. Manakala, bagi Pengkaedahan Keagamaan pula, ia merangkumi kepada pendekatan seni, pendekatan dakwah dan juga pendekatan kemasyarakatan.

Justeru itu, pengkaji telah menggunakan pendekatan moral, di bawah teori Pengkaedahan Melayu dalam penghasilan data bertujuan bagi memenuhi setiap objektif yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, pendekatan moral mampu untuk menjadi dasar kepada setiap pembentukan nilai JERI serta menjadi pembangunan modal insan bagi seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral adalah didasari kepada kewujudan peristiwa yang bersifat pengalaman hidup seseorang manusia. Nilai JERI juga boleh dikatakan amat berkait rapat dengan pemahaman terhadap aspek moral. Hal ini kerana, elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek amat memainkan peranan dalam kemenjadian seseorang insan yang meliputi kepada aspek dalaman seperti kejiwaan, kepercayaan, kemasyarakatan dan sebagainya didasari juga kepada kelestarian pendidikan. Pendekatan moral juga diaplikasikan oleh pengkaji kerana ia mendasari kepada penilaian berbentuk hubungan budaya yang bercorakkan falsafah. Hal ini memperlihatkan bahawa, aspek moral melalui elemen nilai JERI amat memberikan kesan kepada penelitian terhadap elemen pendidikan.

Berdasarkan kepada setiap perkara tersebut, dapat dirumuskan bahawa, kebanyakan teks KOMSAS seperti novel atau cerpen KOMSAS yang dihasilkan, ia banyak memaparkan elemen moral yang merangkumi kepada nilai JERI menerusi watak atau perbuatan yang diperlihatkan melalui setiap karya tersebut. Hal ini dikatakan

demikian kerana, setiap nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek sememangnya telah sebat dengan kehidupan seseorang insan dan ia kebanyakannya dipamerkan dalam teks-teks KOMSAS. Jadi, jelaslah bahawa, elemen nilai JERI bukanlah perkara yang asing dalam bidang KOMSAS kerana setiap elemen tersebut membantu dalam menghasilkan konteks yang positif kepada setiap golongan.

### 5.3 Implikasi Kajian

Unsur JERI yang diterapkan dalam novel KOMSAS membantu dalam melahirkan modal insan yang seimbang dan berminda kelas pertama. Perkara ini bertunjangkan kepada konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan bahawa, pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, bertujuan dalam melahirkan insan yang harmoni juga seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepada konteks kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Hal ini dikatakan demikian kerana, KOMSAS mampu menjadi pemangkin kepada pembinaan sahsiah serta memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu. Secara relatifnya, dapat dijelaskan bahawa, sastera memainkan peranan yang penting dalam membentuk budi pekerti yang mulia serta berkeupayaan dalam mencapai kesejahteraan dan citra diri seseorang pelajar. Jelas dilihat bahawa, unsur JERI yang terdapat dalam novel KOMSAS mempunyai perkaitan yang sangat rapat di antara satu sama lain. Ini kerana, unsur tersebut mampu dalam memberikan sumbangan terhadap keharmonian serta kemakmuran pendidikan, masyarakat dan juga negara.

## 5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian

Daripada hasil analisis kajian yang telah dijalankan ini, pengkaji mencadangkan beberapa perkara yang perlu diberikan penekanan dan diambil tindakan bertujuan dalam memastikan kelestarian pendidikan sastera dari aspek nilai JERI dalam KOMSAS serta pengkaji berfikiran bahawa perkara ini mungkin relevan untuk digunakan pada masa akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, KOMSAS menjadi satu usaha berterusan, yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menungguli setiap komponen pendidikan termasuklah kesusasteraan. Ia sekaligus memperlihatkan bahawa, elemen nilai JERI yang diselitkan dalam setiap novel KOMSAS pilihan dapat mewujudkan pembangunan insan yang lebih cemerlang dan dapat meningkatkan elemen kesusasteraan sekaligus membantu mengekspresikan nilai moral dalam diri seseorang individu. Oleh hal yang demikian, beberapa cadangan yang bersesuaian dengan konteks ini telah digarap oleh pengkaji, seperti yang berikut.

### 5.4.1 Pemerkasaan bengkel KOMSAS kreatif

KOMSAS dapat dikategorikan sebagai satu pendekatan dalam meningkatkan mutu pendidikan melalui kemahiran berbahasa seseorang pelajar. Dalam konteks ini, kemahiran berbahasa dapat dirujuk kepada kemahiran seseorang pelajar dalam membaca, bertutur, mendengar serta menulis. Dengan pemerkasaan program atau bengkel KOMSAS kreatif, ia mampu untuk memberikan pendedahan kepada pelajar dalam memahami serta mencipta karya sastera dengan lebih baik sekaligus dapat meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Pihak kerajaan serta pihak NGO yang berkaitan seharusnya memberikan penekanan mengenai penganjuran atau pemerkasaan program atau bengkel

tersebut kerana ia mampu dalam memberikan pendedahan khusus kepada pelajar mengenai perincian yang terdapat dalam KOMSAS. Hal ini akan memaparkan perkaitan KOMSAS yang bukan hanya tertumpu kepada teks sastera seperti novel atau cerpen sahaja, namun ia merangkumi kepada setiap komponen sastera seperti puisi tradisional iaitu pantun, syair dan gurindam, prosa klasik iaitu cerita beringkai, mitos dan lagenda, puisi tradisional iaitu sajak serta drama.

Setiap pihak yang terlibat juga seharusnya mengambil tindakan yang proaktif dalam menambah baik program atau bengkel sedia ada, ataupun berusaha dalam membina program atau bengkel KOMSAS yang lebih baik dan mampu dalam menarik perhatian pelajar untuk turut serta dan menyertainya. Program atau bengkel KOMSAS kreatif ini juga tidak terhad kepada pelajar di bawah aliran sastera sahaja, namun aliran lain seperti aliran sains juga seharusnya diberi penekanan mengenai program tersebut. Perkara ini dikatakan demikian kerana, ia mampu dalam melahirkan ramai pelajar yang ‘celik’ sastera serta berdaya cipta dalam menghasilkan sesebuah karya sastera walaupun aliran pembelajarannya tidak berkaitan dengan kesusasteraan Melayu. Oleh hal yang demikian, pelajar serta golongan masyarakat perlulah memberikan sokongan yang jitu serta mengambil peluang dalam menyertai setiap program atau bengkel yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dan pihak NGO lain yang terlibat. Ini dikatakan demikian kerana, setiap penglibatan yang aktif dapat memberikan kesan positif terhadap setiap program atau bengkel yang diperkenalkan sekaligus akan memperkasakan elemen KOMSAS yang lebih baik dari aspek pendidikan yang lestari. Justeru itu, pemerkasaan program atau bengkel KOMSAS kreatif akan membantu pelajar dan masyarakat dalam memupuk minat, pengetahuan serta dapat meningkatkan kecenderungan mengenai bidang kesusasteraan.

#### 5.4.2 KOMSAS sebagai pembentukan nilai moral masyarakat

Nilai moral merupakan satu asas penting dalam kemenjadian seseorang individu dalam sesebuah kelompok masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai moral mampu dalam membentuk pemikiran dan tingkah laku masyarakat, yang dilihat sentiasa berubah-ubah tanpa mengenal waktu, mengikut kepada corak arus masa atau kemodenan. Pembentukan nilai moral yang efektif serta berkesan dalam diri setiap masyarakat akan melahirkan pemikiran dan sumbangan yang besar dalam konteks perpaduan. Dengan wujudnya elemen KOMSAS yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2000, ia membantu dalam mengembangkan pembentukan pemikiran masyarakat yang lebih kreatif dan kritis, terutamanya dari aspek pendidikan dan kesusastraan. Namun begitu, pelaksanaan KOMSAS yang terbatas dan tidak sistematik membuatkan ia ‘tenggelam’ serta tidak ditekankan dalam golongan masyarakat. Seharusnya, KOMSAS menjadi satu inisiatif atau dikenali sebagai ‘serampang dua mata’ bertujuan dalam merealisasikan beberapa matlamat pendidikan, yang juga merangkumi kepada aspek kemasyarakatan.

Dapat dijelaskan bahawa, masyarakat seharusnya memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan pendidikan di Malaysia terutama dari aspek KOMSAS yang merangkumi kepada pendidikan sastera. Hal ini kerana, setiap teks KOMSAS yang terdiri daripada novel, cerpen mahupun antologi mempertonjolkan elemen nilai moral yang tinggi serta ia juga dibaluti dengan penggunaan kata yang indah dan puitis sekaligus ianya terkandung dengan elemen atau kriterianya yang tersendiri. Perkara tersebut mampu dalam mengekpresikan elemen positif dan negatif yang dapat ditafsirkan secara menyeluruh melalui pembentukan nilai moral serta pemikiran masyarakat. Jadi, KOMSAS seharusnya telah diperkenalkan tidak hanya di bangku sekolah sahaja, namun juga diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi. Hal ini akan lebih menghidupkan

KOMSAS sebagai satu alternatif yang baik dalam memastikan pembentukan nilai moral masyarakat secara lebih menyeluruh.

#### **5.4.3 Penglibatan dalam bidang penulisan atau penghasilan buku Bahasa Melayu**

Penulisan kreatif merupakan salah satu kaedah yang digunakan bertujuan dalam memberikan pendedahan kepada setiap pelajar mengenai hal-hal yang berkaitan dengan penghasilan karya sastera, yang merangkumi kepada prosa tradisional dan prosa moden. Setiap penulisan atau penghasilan sesebuah karya membantu dalam mengekspresikan elemen pemikiran setiap individu tersebut. Justeru itu, setiap individu atau pelajar seharusnya melibatkan diri dan bergiat aktif dalam bidang penulisan serta penghasilan sesebuah karya terutama penulisan karya dalam bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia akan meningkatkan penggunaan serta mutu bahasa Melayu yang dilihat semakin dilupai dan kurang dikuasai oleh golongan masyarakat. Penghasilan sesebuah karya ini juga dapat memperlihatkan kemampuan ataupun potensi penulisan seseorang individu atau pelajar dalam bidang ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemampuan setiap individu itu semestinya berbeza-beza mengikut pengalaman atau pendidikan yang diperolehnya. Jadi, dengan penglibatan dalam bidang penulisan membantu dalam memperlihatkan kemampuan atau bakat seseorang individu tersebut dengan setiap penulisan yang dijalankan.

Selain itu, melalui penglibatan penulisan dan penghasilan karya ini juga, ia membantu dalam meningkatkan gaya kecekapan pemikiran yang merangkumi kepada pemikiran secara kritis dan kreatif. Ini dapat dijelaskan dengan, setiap penulisan yang dihasilkan sedikit sebanyak akan memperlihat dan menggambarkan sikap ataupun cara seseorang itu dalam berfikiran kreatif, bagi menarik minat orang lain untuk membaca

karyanya. Jelaslah bahawa, penglibatan penulisan dan penghasilan karya ini membawa kepada impak yang positif kepada diri seseorang individu dan pelajar. Jadi, setiap pihak haruslah memainkan peranan yang penting dalam membentuk insan yang suka menulis dan membaca. Ini dikatakan demikian kerana, penulisan mampu dalam menggarap minda yang cerdas serta berupaya untuk mengekspresikan potensi diri manusia.

## 5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa, nilai JERI merupakan satu elemen yang amat penting dalam menjaga kesejahteraan seseorang individu, sekaligus mampu untuk meningkatkan pembentukan insan dengan lebih baik, yang merangkumi kepada kelestarian pendidikan di Malaysia. KOMSAS juga memainkan peranan dalam menghasilkan kepentingan yang signifikan dalam konteks pembinaan sahsiah serta perkembangan potensi individu. Pengkaji berhasrat supaya hasil kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat kepada setiap individu, masyarakat serta pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakannya. Pengkaji juga mengharapkan dengan adanya kajian ini, ia mampu dalam membantu untuk kajian atau penyelidikan akan datang, khususnya dalam konteks pendidikan. Dengan demikian, dalam memastikan pendidikan sentiasa berkembang ke arah yang lebih baik, semua pihak seharusnya memainkan peranan masing-masing serta dapat menghasilkan satu rumusan ataupun perancangan dalam menekankan kepada aspek pendidikan sejagat.

## RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian agama Islam & j-QAF metodologi dan pedagogi pendidikan*. Terbitan Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Aimi Khairunnisa Abdul Karim & Nurlinana Suhaini. (2020). Kepentingan teori dan ilmu sosiologi dalam konteks pendidikan menurut perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 1, 41-53.
- Azhar Hj Wahid & Fathin Noor Ain Ramli. (2018). Pendidikan sastera Melayu memperkuatkan pembinaan karakter pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 1-14.
- Azizi Haji Abdullah. (2016). *CHOT*. Al Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azmah Nordin. (2022). *Pantai Kasih*. Terbitan Pekan Ilmu Publication Sdn. Bhd. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bambang Abduljabar. (2011). Pengertian pendidikan jasmani. *Ilmu Pendidikan*, 36, 1991.
- Chew Fong Peng. (2009). Pendidikan sastera perpaduan menerusi KOMSAS tingkatan 4: Pelaksanaan dan kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 15-31.
- Chew Fong Peng. (2010). Penerapan nilai-nilai murni menerusi KOMSAS dalam sistem pendidikan Malaysia. *SOSIOHUMANIKA*, 3(1), 123-142.
- Chew Fong Peng. (2014). Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Chew Fong Peng & Nurmalizah Majelan. (2019). Pelaksanaan pendidikan perpaduan menerusi teks KOMSAS dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *PENDETA*, 10, 75-90.
- Farrah Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 7, 35-51.
- Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Hj Wahid. (2018). Pendidikan sastera Melayu memperkuatkan pembinaan karakter pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 1-1.
- Faziela Abu Bakar @ Che Din. (2016). *Unsur Emosi dan Konflik dalam Novel KOMSAS Pilihan* [Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Repository.
- Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2015). Unsur emosi dalam novel KOMSAS. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 6, 72-97.
- Ghazali Din & A. Halim Ali. (2020). Naluri kemasyarakatan mengangkat keunggulan kepengarangan Muhammad Hj Salleh terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 26 - 41.

- Ghazali Darusalam. (2014). *Pembangunan Model Pentaksiran: Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek (JERI) di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia & Indonesia*. Pendidikan Holistik Tantangan Dan Masa Depan: Badan Penerbit Universitas Riau.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Terbitan Fajar Bakti.
- Harun Mat Piah. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, Malaysia.
- Henry, J. (1975). *Golden rule days: American schoolrooms: The nacirema*. Little Brown and Company New York.
- Husairi Hussin, Nor Hasimah Ismail & Mohd Isha Awang. (2020). Keupayaan novel KOMSAS menerapkan nilai perpaduan bersikap terbuka dalam kalangan murid. *Malay Literature*, 33(2), 295-317.
- Inka Krisma Melati & Ekarini Saraswati. (2021). Emosi tokoh utama dalam novel Bara Surat Terakhir Seorang Pengelana kajian behaviorisme. *Kode: Jurnal Bahasa*, 10(4), 150-163.
- Intan Marfarrina Omar, Simah Mamat, Suriati Sulaiman & Nor Asiah Ismail. (2021). Tahap pengetahuan teknologi, kemahiran dan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan komsas guru Bahasa Melayu di Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 47-60.
- Iqbal Hidayat Hamizul. (1 Ogos 2021). Cabaran dan harapan memasyarakatkan sastera. *Dewan Sastera*. <https://dewansastera.jendeladb.my/2021/08/01/1341/>
- Jumali Hj Selamat. (2009). Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, 19-37.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Afendey Hamimi, Muhammad Iqbal Samadi & Ibrahim Ahmad. (2019). Syeikh Tahir Jalaluddin: Reformis pendidikan Islam dan penggerak kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu 1899-1956. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 5(2), 68-77.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil. 5/2000: Pelaksanaan Komponen Kesusasteraan Melayu.
- Kamariah Kamarudin. (2009). Antara komersialisme dengan intelektualisme dalam novel Getaran Rindu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20(1), 99-118.
- Maznida Mahadi & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2018). Perbandingan dominasi bentuk emosi lelaki dalam novel Penyeberang Sempadan dengan Kafka on the Shore. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29(1), 30-50.
- Mana Sikana. (2013). *Berdiri di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).

- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *SOSIOHUMANIKA*, 4(1), 33-48.
- Mok Soon Sang. (1991). *Pendidikan di Malaysia*. Terbitan Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
- Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub. (2021). Pengetahuan pedagogi guru cemerlang bahasa Melayu dalam pengajaran Komponen Sastera: Satu kajian kes. *Asian People Journal*, 4(1), 50-64.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan nilai murni dalam cerita rakyat Melayu suatu aplikasi teori Pengkaedahan Melayu: Analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nur Samsiah Mazlan & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat dalam naratif lisan: Satu pendekatan teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 9(2), 93-106.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan konsep menjana minda melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap masyarakat Melayu dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage*, 5(2), 91-97.
- Mohd Izzat Izzuddin Jafri. (2020). Bahasa dan pemikiran Shahnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu melalui kumpulan cerpen: Tonil Purbawara. *International Journal of Islamic Philosophy & Sufism*, 1(1), 1-17.
- Mohammad Khairi Othman. (2014). Hubungan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 81-92.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam amalan pengajaran guru Pendidikan Islam menurut Imam Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 80-91.
- Muhammad Syafiq Borhannuddin, M. S. (2015). *Ungku Aziz's Ideas on Development* [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia]. Universiti Teknologi Malaysia Repository.
- Muhamad Firdaus Kamaruzaman. (2023). *Fenomena Sosial dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* [Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Repository.
- Mohd Kamarul Amree Mohd Sarkam, Hasan Al-Banna Mohamed & Mohd Hamran Mohamad. (2017). Keberkesanan kepimpinan berkarisma melalui aspek jasmani dan rohani yang patuh syariah dalam kalangan pelajar universiti. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 3(1), 67-84.
- Mastura Hj Abd Wahab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali. (2021). Konsep agama, Islam, ilmu dan akhlak oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam Islam: Faham agama dan asas akhlak. *Ulum Islamiyyah*, 33(2), 145-154.

- Muniaty Aisyah. (2016). Measuring the Hablumminallah in muslim consumers' religious behavior model. In *Global Conference on Business, Management and Entrepreneurship: Vol. 15.* (pp. 385-389). Atlantis Press.
- Mohd Faizal Said & Ani Omar. (2013). Pembinaan modal insan dalam novel komsas Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 4, 42-61.
- Nur Hanis Mohd Ramlee. (2023). *Unsur Patriotisme dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa: Satu Kajian berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* [Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Repository.
- Najeemah Mohd Yusof. (2006). Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian secondary schools. *Malaysian Journal of Educators and Education*, 21, 149-164.
- Nik Hassan Basri Nik Ab Kadir. (2005). Citra KOMSAS. Tanjong Malim, Perak: Penerbit UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Abdul Qayyum Abdul Razak, Nuruul Hidayah Mansor, Mohamad Shafie Ayub, & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah. (2017). Perpaduan etnik di Malaysia menurut ideologi pendidikan Za'Ba. *Jurnal Sains Insani*, 2(2), 106-116.
- Norzaliza Ghazali & Fatinah Zainon. (2016). Gagasan pendidikan Aminuddin Baki dalam perjuangan GPMS. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 841-848.
- Nasha Azreena Mohd Jaihan. (2023). *Nilai-nilai Moral dan Pembentukan Akhlak dalam Gurindam Jiwa Penawar Duka Karya Ami Masra: Pendekatan Moral* [Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Repository.
- Nadwatun Najihah Najmuddin. (2023). *Nilai-nilai Moral dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu* [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Repository.
- Nazrul Ikhwan Nizam & Khazri Osman. (2022). Peranan dakwah Syeikh Tahir Jalaluddin ke atas penjajah barat. *Seminar Dakwah dan Wahdah Al-Ummah: Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2013). Kepimpinan dalam novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS). *PENDETA: Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 4, 96-115.
- Nik Murshidah Nik Din, Najihah Abd Wahid, Rahimah Embong, Khazri Osman & Nik Muniyati Nik Din. (2018). Analisis tekstual sebagai method dalam memahami ungkapan puisi Imam Al-Shafie R.H.M. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 19, 126-134.
- Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru Bahasa Melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. *Asian People Journal*, 4(1), 93-107.

- Nur Hanis Athirah Rosazlan. (2023). *Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu* [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Repository.
- Nushuhadah Zuhaidi & Firuz-Akhtar Lubis. (2021). HAMKA: Tokoh Ulama Nusantara. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 74-82.
- Nurfarhana Che Awang & Azmil Tayeb. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan konsep kewarganegaraan inklusif: Antara normatif dan realiti suatu kajian komprehensif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(5), 2-17.
- Nur Atiq Syahirah Che Baharudin & Nordiana Hamzah. (2022). Struktur binaan kerangka model emosi watak protagonis wanita berdasarkan novel popular dan realiti. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 1-14.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi & Nordiana Hamzah. (2019). Unsur pendidikan melalui konflik wanita tradisi dalam Syair Siti Zubaidah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(25), 110-121.
- Nooraizzati Ahmad Puat. (2023). *Kajian Nilai-nilai Kemanusiaan Menerusi Sajak Terpilih Suara Wirawan Negara Bangsa: Analisis Berdasarkan Teori Sosiologi* [Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Repository.
- Nordiana Hamzah & Azhar Wahid. (2017). Emosi takut dalam Hujan Sudah Teduh Zaharah Nawawi. *Jurnal Peradaban Melayu*, 12, 57-70.
- Obasiah Haji Usman. (2014). *Formula Termodinamik*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pauline Anthony Sigar & Tajul Arifin Muhamad. (2020). Kecergasan fizikal dan prestasi akademik murid tahun enam di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 32-48.
- Ros Anita Kartini Mohamed, Abdul Halim Ali & Norawi Kata. (2021). Unsur sastera Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah melahirkan murid berfikiran kritis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3, 540-550.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2017). Fenomena sosial dalam novel Nenek karya Razali Endun. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 8, 82-95.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2019). Unsur sains dan sastera dalam novel remaja terpilih. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 10, 166-182.
- Rasid Muhamad, Mohd Nazri Mohd Noor & Jahjaiton Arsal. (2006). Kecerdasan Intelektual (IQ), Kecerdasan Emosi (EQ) dan Kecerdasan Spiritual (SQ): Mencari keseimbangan dalam pengajaran dan pembelajaran di universiti, 11-17. UiTM Institutional Repository.
- Sri Rahayu Mohd Yusop. (2015). *Bimasakti Menari*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Aisyah Abdullah. (2014). Pemikiran Khadijah Hashim dalam novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk membangunkan sahsiah belia. *PENDETA: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 5, 145-174.
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman & Mujaini Tarimin. (2018). Konsep Penerapan dan Penghayatan Nilai-nilai Murni berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). In Conference: International Conference on Moslem Society 2016. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS): Bangi (Vol. 1980, pp. 1-13).
- Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet. (2020). Teori Relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47-54.
- Siti Norsyahirah Md Sabri. (2022). *Unsur Didaktik dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral* [Disertasi Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaysia Kelantan]. Universiti Malaysia Kelantan Repository.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud. (2017). Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman: Analisis teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7, 47-63.
- Syahida Nadia Zakaria. (2016). Kesan Pendekatan Konstruktivisme dan Pendekatan Tradisional dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1980). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Terbitan Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Siti Mahani Angterian. (2016). *Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemerksaan Bahasa Melayu* [Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Repository.
- Simah Mamat. (2017). *Hubungan Pengetahuan Pedagogi, Kandungan KOMSAS, Teknologi, Kemahiran, dan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi terhadap Pencapaian KOMSAS Guru Bahasa Melayu di Kelantan, Malaysia* [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Repository.
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz Mahmud & Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam membangunkan modal insan bersepadu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103.
- Saharia Hj Ismail. (2015). Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83-100.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2018). Teori dan Kaedah Aplikasi dalam Karya. *Jurnal Melayu*, 17(2), 343-349.
- Toho Cholik Muthohir. (1999). Standarisasi Kesegaran Jasmani Atlet. *Jurnal IPTEK Olahraga*, Vol. 1, 2.

- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1988). Ke arah pelaksanaan nilai-nilai murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara. *Prosiding Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum dalam KBSM*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1-16.
- Zabidin Hj Ismail. (2018). Antikolonialisme dalam karya-karya Dr Burhanuddin Al Helmi. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 15-27.
- Zamri Mahamod, Nasyimah Ismail & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran komponen sastera dalam kalangan pelajar sekolah menengah. In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education*, 1, 613-622.
- Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohamad Noor. (2011). Persepsi guru tentang penggunaan aplikasi multimedia dalam pengajaran komponen sastera Bahasa Melayu. *Journal of Language Studies*, 11(3), 163-177.
- Zurainu Mat Jasin & Abdull Sukor Shaari. (2012). Keberkesanan model konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 79-92.
- Zulaiha Paikon. (2015). *Jejak Monpus*. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zulfahmi Syamsuddin. (2014). Perbandingan pemikiran konsep akhlak al-Ghazali dan Ibn Miskawayh dalam aspek intelek. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 107-119.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN